



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGAL PERTAMA  
MESYUARAT PERTAMA**

## K A N D U N G A N

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>USUL:</b> Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong - <i>Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah (Lenggong)</i>	(Halaman 20)

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ronald Kiandee, P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] - UMNO
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N. [Kuala Krau] - UMNO

**MENTERI**

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan I, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Orang Kaya Indera Shah Bandar, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pendidikan I, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. [Cameron Highlands] - MIC
4. “ Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Dato’ Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. [Padang Rengas] - UMNO
5. “ Menteri Pertahanan, Dato’ Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P. [Sembrong] - UMNO
6. “ Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P. [Sembrong] - UMNO [memangku]
7. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K, D.S.A.P, D.M.S.M., J.P. [Semporna] - UMNO
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Sri Mustapa Mohamed [Jeli] - UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kota Marudu] - PBS
10. “ Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Dato Sri Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S. [Betong] - PBB
11. “ Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K. [Bagan Datok] - UMNO
12. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Sri Ahmad Shabery Cheek [Kemaman] - UMNO
13. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, P.J.N., K.M.N., P.J.K. [Segamat] - MIC
14. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] - UMNO
15. “ Menteri Kewangan II, Dato’ Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, S.P.M.P., D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. [Tambun] - UMNO

16. Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, Dato' Sri Anifah bin Haji Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kimanis] - UMNO
17. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. [Jerai] - UMNO
18. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Idris Jala - *Senator*
19. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, P.G.D.K., S.P.D.K., P.S.M., J.P. [Pensiangan] - PBRs
20. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu anak Belaun, P.P.D., P.B.S. [Selangau] - PRS
21. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B. [Batang Lupar] - PBB
22. “ Menteri Kerja Raya, Datuk Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S. [Petrajaya] - PBB
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., D.S.A.P. [Kuala Pilah] - UMNO
24. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. [Serian] - SUPP
25. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] - UMNO
26. “ Menteri Pendidikan II, Dato' Seri Haji Idris Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau] - UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar - *Senator*
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kwan - *Senator*
30. “ Menteri Belia dan Sukan, Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] - UMNO
31. “ Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. [Kota Belud] - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Nancy binti Shukri, K.M.N. [Batang Sadong] - PBB
33. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin, P.G.D.K. [Ranau] - UPKO

#### **TIMBALAN MENTERI**

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Dato' Noriah binti Kasnon, D.P.S.M., D.S.A.P., S.M.S., P.J.K. [Sungai Besar] - UMNO
2. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Saravanan a/l Murugan [Tapah] - MIC
3. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] - UMNO
4. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Abdul Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] - UMNO

5. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin, A.D.K., A.S.D.K., J.P., P.G.D.K. [Papar] - UMNO
6. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Razali bin Ibrahim, D.I.M.P., P.K.C. [Muar] - UMNO
7. “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. [Mambong] - PBB
9. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M. [Santubong] - PBB
10. “ Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato’ Seri Mahdzir Khalid [Padang Terap] - UMNO
11. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun [Beaufort] - UMNO
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya [Balik Pulau] - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. [Tenggara] - UMNO
14. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi, P.J.N., A.M.N., P.I.S. [Sri Gading] - UMNO
15. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato’ Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah - *Senator*
16. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan - *Senator*
17. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Waytha Moorthy Ponnusamy - *Senator*
18. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] - UMNO
19. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri, K.M.N., P.P.N. [Ledang] - UMNO
20. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan, K.M.N., P.J.K. [Hulu Selangor] - MIC
21. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Jailani bin Johari, D.S.M.Z., D.I.M.P. [Hulu Terengganu] - UMNO
22. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., J.P. [Tawau] - PBS
23. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P. [Maran] - UMNO
24. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit] - PBB
25. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, D.M.S.M. [Tangga Batu] - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, [kosong]

**AHLI-AHLI (BN)**

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang, P.J.N. [Kanowit] - PRS
2. “ Dato’ Abd. Aziz Sheikh Fadzir, D.S.M.S. [Kulim-Bandar Baharu] - UMNO
3. “ Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] - UMNO
4. “ Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P. [Baling] - UMNO
5. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh, P.G.D.K., J.P. [Kalabakan] - UMNO
6. “ Dato’ Abdul Manan Ismail, D.I.M.P., P.K.C. [Paya Besar] - UMNO
7. “ Dato’ Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] - UMNO
8. “ Datuk Haji Abdul Wahab bin Haji Dolah, J.B.K., P.G.B.K [Igan] - PBB
9. “ Dato’ Ahmad Fauzi Zahari, D.P.T.J. [Setiawangsa] - UMNO
10. “ Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. [Jasin] - UMNO
11. “ Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N. [Machang] - UMNO
12. “ Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, J.B.K., P.B.S., A.B.S. [Sibuti] - PBB
13. “ Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] - UMNO
14. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Keterah] - UMNO
15. “ Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] - UMNO
16. “ Tuan Anyi Ngau [Baram] - SPDP
17. “ Dato’ Sri Azalina Dato’ Othman Said, D.P.M.K. [Pengerang] - UMNO
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K. [Kinabatangan] - UMNO
19. “ Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh, A.M.N., P.S.K. [Setiu] - UMNO
20. “ Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. [Labis] - MCA
21. “ Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur, P.G.D.K. [Silam] - UMNO
22. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] - PBB
23. “ Dato’ Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] - UMNO
24. “ Dato’ Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas] - PBB
25. “ Dato’ Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P [Tanah Merah] - UMNO
26. “ Dato’ Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim, D.I.M.P., J.M.N., K.M.N., B.C.M., P.B.B., P.J.P., J.P. [Kuala Selangor] - UMNO
27. “ Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok] - UMNO
28. “ Dato’ Sri Dr. Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.S.A.P., D.I.M.P., S.A.P., S.I.M.P., S.P.M.P. [Rompin] - UMNO
29. “ Datuk Johari bin Abdul Ghani, P.J.N., D.S.I.S. [Titiwangsa] - UMNO
30. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.M.N., J.P., S.P.D.K., S.S.A.P., P.N.B.S., P.G.D.K. [Keningau] - PBS
31. “ Datuk Joseph Salang anak Gandum, D.S.P.N., A.M.N. [Julau] - PRS
32. “ Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar] - UMNO

33. Yang Berhormat Datuk Juslie bin Haji Ajirol, P.G.D.K., A.S.D.K. [Libaran] - UMNO
34. “ Datuk Koh Nai Kwong, D.M.S.M., D.S.M., B.C.M., P.J.K. [Alor Gajah] - MCA
35. “ Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] - MCA
36. “ Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] - GERAKAN
37. “ Datin Linda Tsen Thau Lin, J.M.N. [Batu Sapi] - PBS
38. “ Datuk Madius bin Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K. [Tuaran] - UPKO
39. “ Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]
40. “ Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. [Putatan] - UPKO
41. “ Puan Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B. [Masjid Tanah] - UMNO
42. “ Tuan Masir Kujat, P.P.B. [Sri Aman] - PRS
43. “ Tuan Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh, P.J.K. [Sabak Bernam] - UMNO
44. “ Tan Sri Mohd. Isa bin Abdul Samad, S.U.M.W., S.P.N.S., P.S.M., D.S.N.S., P.M.C. [Jempol] - UMNO
45. “ Dato’ Wira Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., J.P., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K. [Kubang Pasu] - UMNO
46. “ Dato’ Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. [Parit] - UMNO
47. “ Dato’ Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. [Mukah] - PBB
48. “ Dato’ Ir. Nawawi bin Ahmad, D.S.D.K., A.M.K., B.K.M. [Langkawi] - UMNO
49. “ Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading] - SPDP
50. “ Datuk Seri Haji Noh bin Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. [Tanjong Karang] - UMNO
51. “ Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] - UMNO
52. “ Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid, D.P.S.M. [Kota Tinggi] - UMNO
53. “ Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis] - PBB
54. “ Dato’ Noraini binti Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] - UMNO
55. “ Puan Hajah Normala binti Abdul Samad, A.M.N. [Pasar Gudang] - UMNO
56. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, P.G.D.K. [Pulai] - UMNO
57. “ Datuk Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. [Tanjong Malim] - MCA
58. “ Dato’ Wira Othman bin Abdul, D.G.M.K., D.S.S.A., S.D.K., A.M.K. [Pendang] - UMNO
59. “ Dato’ Othman bin Aziz, D.S.D.K., B.K.M., A.S.K. [Jerlun] - UMNO
60. “ Datuk Raime Unggi, P.G.D.K. [Tenom] - UMNO
61. “ Datuk Seri Reezal Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] - UMNO
62. “ Tuan Rozman bin Isli, K.M.W, P.P.N [Labuan] - UMNO
63. “ Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] - PBB
64. “ Datuk Sapawi bin Haji Ahmad, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Sipitang] - UMNO

65. Yang Berhormat Dato' Seri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P. [Bentong] - MCA
66. " Tuan Shabudin bin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] - UMNO
67. " Ir. Shahrudin bin Ismail, P.M.P., P.J.K. [Kangar] - UMNO
68. " Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad, P.S.M., S.U.M.W. [Johor Bahru] - UMNO
69. " Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
70. " Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.G.S.M., D.S.A.P., D.S.N.S. [Tampin] - UMNO
71. " Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] - UMNO
72. " Dato' Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P. [Bintulu] - SPDP
73. " Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang] - PRS
74. " Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad, D.P.M.P., A.M.P. [Kuala Kangsar] - UMNO
75. " Datuk Wee Jeck Seng, D.M.S.M. [Tanjong Piai] - MCA
76. " Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. [Ayer Hitam] - MCA
77. " Tuan William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. [Lubok Antu] - PRS
78. " Tan Sri William Mawan Ikom, P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S [Saratok] - SPDP
79. " Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] - UMNO
80. " Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail, A.N.S., P.M.C., P.J.K. [Jelebu] - UMNO

#### **AHLI-AHLI (PKR)**

1. Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, P.S.M., D.P.M.S., D.S.A.P. [Bandar Tun Razak]
2. Yang Berhormat Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]
3. " Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]
4. " Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]
5. " Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]
6. " Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]
7. " Dato' Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. [Indera Mahkota]
8. " Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]
9. " Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]
10. " Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]
11. " Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]
12. " Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]
13. " Dato' Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani]
14. " Dato' Kamarul Baharin bin Abbas, D.S.S.A. [Telok Kemang]
15. " Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]
16. " Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]



17. Yang Berhormat Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]
18. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]
19. “ Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid, P.A.T., P.C.M., S.M.S., A.C.M., A.M.S., K.M.N., K.A.T., P.P.A., P.P.P. [Lumut]
20. “ Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]
21. “ Datuk Mohd Idris bin Jusi, A.M.N., A.M.S., D.S.M., D.M.S.M. [Batu Pahat]
22. “ Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]
23. “ Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]
24. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]
25. “ Tuan R. Sivarasa [Subang]
26. “ Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]
27. “ Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
28. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong, D.M.P.M. [Wangsa Maju]
29. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
30. “ Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]
31. “ Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]

#### **AHLI-AHLI (DAP)**

1. Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]
2. “ Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]
3. “ Tuan Er Teck Hwa [Bakri]
4. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]
5. “ Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]
6. “ Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]
7. “ Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]
8. “ Tuan Ko Chung Sen [Kampar]
9. “ Tuan Liew Chin Tong [Kluang]
10. “ Tuan Lim Guan Eng [Bagan]
11. “ Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]
12. “ Tuan Lim Lip Eng [Segambut]
13. “ Tuan Loke Siew Fook [Seremban]
14. “ Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]
15. “ Dato’ Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]
16. “ Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]
17. “ Tuan Nga Kor Ming [Taiping]
18. “ Dato’ Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas]
19. “ Dr. Ong Kian Ming [Serdang]
20. “ Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]
21. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]

22. Yang Berhormat Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]
23. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
24. “ Tuan Seah Leong Peng [Telok Intan]
25. “ Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]
26. “ Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]
27. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]
28. “ Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]
29. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras]
30. “ Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]
31. “ Tuan Teo Kok Seong [Rasah]
32. “ Puan Teo Nie Ching [Kulai]
33. “ Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]
34. “ Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]
35. “ Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]
36. “ Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]
37. “ Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]

#### **AHLI-AHLI (PAS)**

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]
2. “ Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]
3. “ Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]
4. “ Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]
5. “ Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]
6. “ Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]
7. “ Dato' Kamarudin bin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Tumpat]
8. “ Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]
9. “ Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena]
10. “ Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]
11. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]
12. “ Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P. [Kuala Nerus]
13. “ Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]
14. “ Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]
15. “ Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad, D.J.M.K [Pasir Puteh]
16. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]
17. “ Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah, D.P.M.T [Kuala Terengganu]
18. “ Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]
19. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]
20. “ Dato' Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
21. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]

**Ketua Pentadbir Parlimen**  
Dato' Lamien bin Sawiyo

**Setiausaha Dewan Rakyat**  
Datuk Roosme binti Hamzah

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**  
Encik Che Seman bin Pachik

**PETUGAS-PETUGAS**  
**CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd Hassan  
Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail  
Suriyani binti Mohd. Noh  
Aisyah binti Razki  
Yoogeswari a/p Muniandy  
Nor Liyana binti Ahmad  
Zatul Hijanah binti Yahya  
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir  
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan  
Hafilah binti Hamid  
Siti Norhazarina binti Ali  
Mulyati binti Kamarudin  
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli  
Sherliza Maya binti Talkah  
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Nor Hamizah binti Haji Hassan  
Azmir bin Mohd Salleh  
Nur Nazihah binti Mohd. Nazir  
Noraidah binti Manaf  
Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil  
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa  
Nor Kamsiah binti Asmad  
Siti Zubaidah binti Karim  
Aifarina binti Azaman  
Noorfazilah binti Talib  
Farah Asyraf binti Khairul Anuar  
Julia binti Mohd. Johari  
Syahila binti Ab Mohd Khalid  
Siti Norlina binti Ahmad  
Hazwani Zarifah binti Anas  
Siti Aishah binti Md. Nasir



**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL PERTAMA**  
**MESYUARAT PERTAMA**

**Khamis, 27 Jun 2013**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]** minta Menteri Pendidikan menyatakan Pelan Pembangunan Pendidikan yang dirangka oleh Kementerian Pendidikan Malaysia hanya mengambil kira pembangunan pendidikan bagi sistem sekolah. Memandangkan penggabungan Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelajaran menjadi Kementerian Pendidikan, adakah pihak kementerian bercadang untuk mengkaji dan memperhalusi Pelan Pembangunan Pendidikan untuk mengambil kira kesinambungan pendidikan di peringkat pengajian tinggi.

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pendidikan I [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang berjaya memenangi kawasan masing-masing dalam Pilihan Raya Umum Ketiga Belas yang baru lalu. *[Tepuk]* Tahniah kita ucapkan. Diharapkan kehadiran Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini akan dapat membantu membangunkan negara Malaysia tercinta melalui perbahasan yang matang dan berkualiti. Oleh itu, sokongan padu daripada semua Ahli Yang Berhormat dalam memberikan pandangan, cadangan yang membina demi pembangunan pendidikan negara amatlah diharapkan khususnya menyentuh transformasi sistem pendidikan negara.

Sehubungan itu, izinkan saya Tuan Yang di-Pertua, menjawab secara serentak enam pertanyaan yang saling berkait seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu pada hari ini dan pada 1 Julai 2013, Yang Berhormat Bukit Bendera pada 2 dan 3 Julai 2013, Yang Berhormat Kubang Pasu pada 9 Julai 2013 dan Yang Berhormat Tebrau pada 9 Julai 2013, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Dewan yang mulia, jawapan saya akan memberikan fokus kepada status pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) 2007-2020. Transformasi pendidikan negara akan melalui satu proses perubahan yang lebih besar merangkumi seawal pendidikan prasekolah hinggalah ke peringkat pengajian tinggi setelah berlakunya penggabungan Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi di bawah satu bumbung sebagai Kementerian Pendidikan.

Penggabungan ini akan menyeragamkan pelaksanaan dasar-dasar pendidikan yang berpandukan kepada satu falsafah pendidikan kebangsaan dengan berpaksikan kepada satu akta-akta pendidikan yang berkaitan. Semua peringkat pendidikan akan menikmati perkongsian sumber dan kepakaran dalam memastikan bidang pendidikan dapat diuruskan dengan lebih cekap dan berkesan. Saya yakin penyusunan semula ini akan menjadikan Kementerian Pendidikan dapat diuruskan secara lebih cekap dan teratur dalam

menyumbang kepada proses pembangunan modal insan yang mampu membangunkan agama, bangsa dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, penggabungan ini juga membolehkan Kementerian menyelaraskan dan memperhalusi kedua-dua pelan pendidikan iaitu Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara 2007-2020. Sebenarnya langkah penyelarasan ini telah dilakukan seawal penyediaan pelan-pelan berkenaan. Walau bagaimanapun, penggabungan Kementerian ini akan dapat memberikan peluang untuk membuat penambahbaikan dan penajaran yang lebih komprehensif dengan memberikan penekanan pada lima perkara utama iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan. Ini termasuklah melaksanakan kajian semula terhadap PSPTN akan dapat diselesaikan pada akhir tahun 2013 ini. Saya juga berkeyakinan dengan tindakan yang diambil ini, transformasi pendidikan akan dapat dilaksanakan dengan lebih tersusun seiring dengan transformasi-transformasi kerajaan yang lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan ataupun PADU secara ringkasnya, diwujudkan adalah hasil daripada penggabungan Pejabat Pengurusan Projek (PMO) dan Pejabat Pengurusan Pelaksanaan (DMO) di bawah sektor pelajaran yang bertanggungjawab menggerakkan dan memacu pelaksanaan inisiatif PPPM termasuk NKRA pendidikan. PADU juga akan bekerjasama dengan Pejabat Pengurusan Program (PMO) di sektor pengajian tinggi untuk memantau dan juga menyelaras pelaksanaan projek agenda kritikal PSPTN serta pihak-pihak berkepentingan seperti PEMANDU untuk memastikan transformasi pendidikan negara yang dirancang mengikut tempohnya.

#### ■1010

Tuan Yang di-Pertua berhubung dengan status pelaksanaan PPPM untuk makluman Yang Berhormat Bukit Bendera, sehingga kini enam inisiatif untuk tempoh 100 hari gelombang pertama PPPM telah pun dapat dicapai dengan jayanya. Ini termasuklah seramai 56,754 guru bahasa Inggeris telah menjalani Ujian Penempatan Cambridge (CPT) bagi mengenal pasti tahap kemahiran berbahasa masing-masing dan hasil ujian mendapati 17,026 iaitu 28.9% daripada jumlah guru tersebut mencapai tahap kompetensi tertinggi berasaskan standard *Common European Framework of Reference for Languages (CEFR)*, dengan izin dan selebihnya melepasi tahap penguasaan bahasa Inggeris yang memuaskan.

Justeru untuk memastikan penguasaan bahasa Inggeris, guru-guru sentiasa berada di tahap kompetensi tertinggi. Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan latihan melalui program peningkatan, kecekapan, kemahiran yang dikenali sebagai dengan izin, *Professional Up-skilling of English Language Teachers*. Untuk makluman Dewan yang mulia ini fasa pertama telah pun dilaksanakan dengan melibatkan 5,000 guru daripada seluruh negara mulai November 2012 sehingga Disember 2013.

Manakala fasa kedua pula akan melibatkan 9,240 guru bahasa Inggeris yang dijadualkan bermula pada September 2013 sehingga Disember 2014. Selain itu peningkatan kualiti guru juga dilaksanakan dengan mewujudkan seramai 339 Rakan Pembimbing Peningkatan Sekolah (SI Partners) Plus dan seramai 1,278 Pembimbing Pakar Pembangunan Sekolah (SISC) Plus yang ditempatkan di Pejabat Pelajaran Daerah di seluruh Negara menjelang tahun 2014. Hasil daripada program SI Partners yang dilaksanakan di negeri Sabah dan Kedah, sekolah-sekolah dalam Band 6 dan 7 iaitu Band yang terbawah di negeri berkenaan telah berjaya dikurangkan sebanyak 50%. Saya percaya menjelang tahun 2015 sasaran sifar bagi kedua-dua Band tersebut *insya-Allah*, akan dapat kita capai.

Tuan Yang di-pertua, ingin saya tegaskan di sini, walaupun laporan akhir PPPM hanya akan dimuktamadkan pada Julai 2013 ini, saya telah pun mengarahkan supaya semua inisiatif yang telah ditetapkan melaksanakan mengikut perancangannya. Ini kerana kerajaan serius dalam melaksanakan transformasi pendidikan bagi memenuhi keperluan dan permintaan rakyat seiring dengan transformasi-transformasi kerajaan yang lain. Dalam misi mentransformasikan Malaysia menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi, kerajaan perlu memastikan pengajian tinggi berada pada landasan yang kukuh, mantap dan berkesan.

Oleh itu, PSPTN yang digubal secara komprehensif dan holistik bertujuan untuk memartabatkan pengajian tinggi Negara sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi di peringkat antarabangsa. Struktur, sistem dan strategi pengajian tinggi yang mantap merupakan perkara pokok yang membolehkan kita menghadapi pelbagai cabaran yang mendatang. Untuk makluman Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu juga, pelan ini dilaksanakan melalui empat fasa yang menggariskan tujuh teras strategik seperti memperluas akses dan meningkatkan ekuiti. Menambah baik kualiti pengajaran dan pembelajaran, memperteguh penyelidikan dan inovasi, memperkasa institusi pengajian tinggi, mempergiatkan pengantarabangsaan, membudayakan pembelajaran sepanjang hayat dan memperkukuh sistem penyampaian sektor pengajian tinggi.

Sehingga tahun 2012 sebanyak 23 projek agenda kritikal telah diwujudkan yang merentasi tujuh teras PSPTN. Projek agenda kritikal ini merupakan pemangkin untuk melonjakkan pengajian tinggi ke arah kecemerlangan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, laporan-laporan kemajuan telah pun dibentangkan kepada Jemaah Menteri bagi menjelaskan mengenai status kemajuan pelaksanaan PSPTN. Sehingga akhir 2012 di bawah fasa dua iaitu 2011 sehingga 2015, melalui 23 projek agenda kritikal sebanyak 32 pencapaian dan keberhasilan telah diperolehi termasuklah meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 yang telah diwartakan pada 22 Jun 2012.

Tuan Yang di-Pertua sesungguhnya apa yang dilaksanakan dan dirancang untuk menambah baik sistem pendidikan negara sebenarnya bertujuan untuk menyediakan modal insan yang mempunyai pengetahuan, kemahiran berfikir, *proficiency* dwibahasa, kemahiran kepimpinan, memiliki identiti nasional dan etika kerohanian serta mampu untuk menyumbang kepada kesejahteraan diri, keluarga, masyarakat dan negara. Justeru itu, untuk maklumat Yang Berhormat Kubang Pasu, usaha untuk memperkukuhkan integrasi antara kaum dalam sistem pendidikan sebenarnya telah pun diberikan perhatian khusus dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia melalui anjakan ketiga dan program-program khusus di peringkat pengajian tinggi serta dalam projek agenda kritikal PSPTN.

Oleh itu, kerjasama dan sokongan semua pihak tanpa mengira fahaman politik, latar belakang, sosioekonomi, pendidikan, agama dan bangsa adalah amat diharapkan agar aspirasi ini dapat direalisasikan tanpa membelakangkan prinsip Rukun Negara dan perlembagaan negara. Terima kasih.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Tuan Yang di-Pertua, sememangnya pelan tindakan ini menerima pelbagai reaksi dari rakyat. Ada yang memuji keberanian kerajaan untuk membuat perubahan dan ada juga yang tidak yakin bahawa ia akan berjaya dan sudah tentulah untuk pembangkang, ia adalah peluang yang paling baik untuk mereka menghentam kerajaan. Kemusykilan rakyat ini dipengaruhi pada hakikat persepsi yang sistem pendidikan negara yang telah melalui pelbagai penyata, Penyata Razak 1956, Penyata Rahman Talib 1960, Penyata Mahathir 1979 dan pelbagai *blueprint* ini di bawah Menteri-menteri Pendidikan yang hebat-hebat seperti Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad. Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah Ahmad Badawi, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib dan hari ini Yang Amat Berhormat Tan Sri.

Persoalannya, apakah kementerian mempunyai benar-benar *political will*? Kesungguhan untuk mendepani semua cabaran dan apakah sebenarnya kekangan yang paling besar daripada perhatian kementerian untuk memastikan *insya-Allah* kali ini, ini kali kita akan dapat mencapai matlamatnya. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, memang isu pendidikan ini adalah isu yang amat utama dan isu yang biasanya diberikan perhatian oleh segenap peringkat pimpinan dan masyarakat, tidak kira apa latar belakangnya kerana ia adalah soal pendidikan bagi generasi anak-anak kita di masa hadapan. Maka justeru itu, kerajaan memang sejak dahulu lagi amat komited untuk menentukan bahawa sistem pendidikan negara kita merupakan satu sistem yang baik, yang berkesan, yang boleh menjana *outcome* atau hasil yang baik dari bentuk sumber manusia yang kita akan lahirkan daripada sistem ini.

Oleh sebab itu Ahli Yang Berhormat, kalau dilihat dari sudut belanjawan negara sebagai contoh, hampir lebih 21% bila dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini sejak tahun demi tahun ia telah diluluskan iaitu satu jumlah yang agak besar kalau dibandingkan dengan apa yang telah pun disediakan di banyak negara-negara membangun hatta negara

maju yang lain sekali pun. Namun begitu, peruntukan sahaja tidak memadai. Kita pasti tahu bahawa kita melihat dalam sistem yang ada pada hari ini, proses dan perubahan berlaku begitu dinamik dan masyarakat menuntut supaya sistem ini melahirkan sesuatu yang bermutu dan berimpak besar.

Oleh sebab itu kita membuat kajian-kajian sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi dan beberapa laporan telah pun dibentangkan dan diluluskan supaya sistem ini menambah ditambah baik daripada semasa ke semasa. Maka sebab itu, soal pertama sama ada kerajaan mempunyai *political will* ini tidak berbangkit, kalau tidak ada kesungguhan pimpinan dahulu dan hari ini untuk memberikan perhatian kepada soal pelajaran, tentu tidak akan kita bicarakan panjang lebar jumlah peruntukan yang besar, malahan kesungguhan kita untuk memberikan perhatian utama dalam soal pendidikan dengan kita melaksanakan dasar, sistem dan penambahbaikan yang dibuat sepanjang masa Tuan Yang di-Pertua.

#### ■1020

Oleh sebab itu bila kita sampai ke tahap yang ada pada hari ini, saya sendiri berpendapat setelah berbincang dengan Perdana Menteri bahawa selepas sekian lama laporan-laporan yang disebutkan tadi dibentangkan, sudah sampai masanya kerajaan mengambil inisiatif menerusi kementerian saya untuk mengkaji semula seluruh perkara yang timbul dalam soal pendidikan kerana kami membuka mata dan telinga pandangan-pandangan daripada semua masyarakat yang menyatakan ada perkara-perkara tertentu yang perlu diberikan perhatian, mesti ditambah baik, kita tidak sampai tahap negara-negara maju dalam soal pendidikan. Ini kita akui.

Oleh sebab itu secara ikhlas saya nyatakan kita sedia laporan itu dan laporan itu adalah jawapan kepada sebahagian besar isu-isu yang biasa, kerap ditimbulkan sama ada di dalam Dewan ataupun di luar Dewan mengenai soal-soal yang berkaitan dengan pendidikan. Cuma proses yang kita hendak lihat berlaku dalam tempoh ini bukan boleh dilihat dalam tempoh yang singkat. Oleh sebab itu dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia kita mengambil masa 13 tahun. Ada orang kata, "*Kenapa 13 tahun?*". Bukankah itu satu masa yang panjang? Memang masa itu agak lebih panjang daripada yang kita jangkakan. Akan tetapi kita perlukan masa itu. Ada gelombang pertama, gelombang kedua, gelombang ketiga dan kalau ini semua dapat didukung oleh semua peringkat masyarakat sama ada mereka yang berminat sebagai *stakeholders* dalam soal pendidikan ataupun Ahli-ahli Yang Berhormat apa lagi pihak kerajaan, maka saya yakin kita boleh mencapai matlamat yang kita harapkan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sangat seronok Tuan Yang di-Pertua, mendengar macam-macam pelan kerajaan dan di Dewan ini kita ada banyak pelajar. Mereka mesti tahu semua perancangan kerajaan di antaranya Pelan Pembangunan Pendidikan dan sebagainya. Akan tetapi seperti yang dikatakan oleh Timbalan Perdana Menteri bahawa perlu ada *political will* dan mengatakan bahawa kerajaan ada *political will*. Akan tetapi khususnya Tuan Yang di-Pertua adalah dalam proses polisi-polisi yang dikenalkan, nampaknya pihak-pihak *stakeholders* di mana yang telah dijanjikan oleh kerajaan tidak mendapat manfaat-manfaat tertentu. Ini diakui oleh kerajaan sendiri.

Tahun dulu Tuan Yang di-Pertua, di mana kerajaan telah mengatakan dengan khususnya kepada masyarakat India bahawa kita akan beri 1,500 kerusi baru di matrikulasi. Selepas itu Hindraf yang diterajui oleh Senator Waytha Moorthy, ada *memorandum of understanding* 7.5% meningkatkan penuntut dari 1,500 ke 2,200. Akan tetapi sampai sekarang Tuan Yang di-Pertua, dari tahun dulu perkara ini saya ada bangkitkan di mana tidak mencapai hasrat kerajaan. Apakah sebab ini? Walaupun kita ada macam-macam polisi, Yang Berhormat katakan ada inovasi, inisiatif...

**Seorang Ahli:** Soalan, soalan.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Menunjukkan satu *standing* oleh kerajaan. Ini semua satu gambaran sahaja hanya diberi tetapi sebenarnya *stakeholders* itu tidak mendapat tempat-tempat tersebut. Kita selepas itu menghantar anak-anak kita ke universiti. *Mismatch*. [Dewan riuh] Ada beribu anak-anak kita belajar di universiti selepas mendapat pengajian tinggi, mendapat *degree*, selepas itu tidak ada kerja. Ini telah dibangkitkan di Dewan ini beberapa tahun yang lalu tetapi apakah yang dibuat oleh kementerian supaya mengatasi masalah ini yang tidak ada graduan-graduan yang tidak ada kerja selepas



mendapat pendidikan di universiti dan khususnya kepada masyarakat India yang dijanjikan oleh kerajaan sebelum pilihan raya, UMNO khususnya mengatakan bahawa ini semua, ini semua... [Dewan riuh]

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Soalan, soalan.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Semua ini iklan di surat khabar Tuan Yang di-Pertua. Katakan telah memberi tempat untuk anak-anak India belajar di matrikulasi tetapi tidak dicapai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Jadi soalannya adalah, adakah tindakan sekarang, berapa lama perlu supaya mengatasi masalah ini di mana satu penipuan telah dibuat kepada masyarakat India dan juga anak-anak kita yang belajar di universiti dan tidak ada kerja? [Dewan riuh] Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak pernah tipu rakyat. [Tepuk]

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *No political will.*

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin:** Itu satu tuduhan yang saya fikir agak melulu. Sebenarnya mungkin soal Yang Berhormat tadi mudah sahaja tetapi dia berjela-jela sedikit. Dia hendak tahu sama ada komitmen yang telah dibuat oleh Perdana Menteri untuk kami di Kementerian Pendidikan memenuhi tuntutan supaya 1,500 tempat untuk pelajar India untuk masuk ke matrikulasi itu dipenuhi. Jawapannya ya, dipenuhi. Tahun lalu dipenuhi...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tidak benar.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin:** Nanti Yang Berhormat. Tahun ini pun Tuan Yang di-Pertua, kita penuhkan sebab itu komitmen yang telah dibuat oleh kerajaan walaupun saya hendak sebut di sini, kita terpaksa menjelaskan bahawa daripada sejumlah beberapa ribu pelajar yang buat permohonan untuk masuk matrikulasi, kita sudah tapis. Sebahagian daripada mereka itu dikatakan tidak memenuhi kriteria dari segi umpama peratusan kelayakan itu biasanya 92% sampai ke 95% untuk pelajar India kerana hendak ada kuota yang disebutkan tadi, kita terpaksa turunkan sedikit. Ini saya sebutkan di dalam Dewan, di Parlimen ini. Fasal apa? Fasal hendak memenuhi janji itu tadi walaupun mereka sebenarnya tidaklah begitu berkelayakan kalau dari segi tahap kompetensi dan meritokrasi mereka. Jadi saya hendak sebutkan pada tahun ini juga kita telah menyempurnakan 1,800 lebih kerana berkompromi menampung jumlah yang dikehendaki. Itu telah pun dapat ditunaikan kementerian. [Tepuk][Dewan riuh]

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Boleh beri senarai nama pelajar-pelajar? Boleh beri senarai nama pelajar-pelajar? Ini kerana Yang Berhormat tidak cakap benar. [Dewan riuh]

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dulu Yang Berhormat. Yang Berhormat yang berdiri, duduk dulu. Beginilah Ahli Yang Berhormat, saya terbaca satu petua daripada satu Speaker *House of Commons* yang bernama Selwyn Lloyd. Dia kata untuk mempengerusikan satu mesyuarat begini sahaja, kalau ada Yang Berhormat yang dipanggil, diberi peluang, selepas itu peluang itu dirosakkan, lain kali pura-pura tidak nampak dia. [Tepuk] Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Ipoh Barat, *I have not finished.*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** *I have not finished. Please sit down.*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat perlu halusi jawapan-jawapan Timbalan Perdana Menteri yang tidak menjawab soalan saya. [Dewan riuh]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Ipoh Barat. *Please, I have not finished.*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Itu yang mustahak juga. *It should not be one sided.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, kalau Ahli Yang Berhormat tidak duduk, saya akan suruh Ahli Yang Berhormat keluar.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *It should be both way. It cannot be only one way.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat, *you repeat that again, I will ask you to go out.*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, *I am just doing public duty. I am just doing public duty,* Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat. Duduk Ahli Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Bukan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk Ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, patutkah perkataan menipu digunakan?

**Beberapa Ahli:** Tidak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Gombak, nanti dulu Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** *[Keluar Dewan] [Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, duduk. Ahli Yang Berhormat, sewaktu sebenarnya sewaktu Speaker bercakap pun tidak ada siapa pun yang boleh keluar dan masuk. Itu peraturan mesyuarat kita. Perkataan-perkataan 'bodoh', perkataan 'menipu', perkataan itu semua adalah perkataan *unparliamentary* yang menuduh. Akan tetapi oleh kerana kita melonggarkan, kerana demokrasi yang kamu mahu, tidak mengapalah. Akan tetapi jangan sama sekali rosakkan peraturan mesyuarat. Lain kali apabila Yang Berhormat Ipoh Barat berdiri, kalau dia buat begitu sama saya, saya pura-pura tidak nampak dan semua ini akan juga saya gunakan kepada semua Ahli Yang Berhormat. Tidak ada lain kalilah, ini kalilah. *[Ketawa]*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat. Yang Berhormat Ketereh, Yang Berhormat Ketereh.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita ucapkan tahniah kepada kerajaan kerana proaktif dan membuat persiapan ke arah penyediaan Pelan Strategik Pendidikan Negara. Saya percaya Yang Amat Berhormat tentu bersetuju jika saya katakan bidang pendidikan adalah antara kejayaan yang paling besar negara kita yang telah dapat membentuk generasi sekarang termasuk kita semua. Dalam Dewan ini juga lahir daripada sistem pendidikan negara. *[Tepuk]*

#### ■1030

Walaupun tentulah tidak semua lahir dengan kualiti yang sama, ada yang *defect*, kadang-kadang lahir daripada sistem. Soalan saya ialah dalam kita menggubal sesuatu pelan strategik yang begini penting, penglibatan *stakeholders* yang cukup meluas adalah antara satu daripada kriteria yang sangat penting. Apakah rancangan kerajaan untuk memastikan proses ini akan berjalan secara komprehensif dan supaya ianya dapat mempertingkatkan lagi tahap pencapaian Program Transformasi Kerajaan. Dalam konteks ini juga, adakah kerajaan bersedia untuk memasukkan aspek melihat semula kepada aspek pembiayaan pengajian tinggi terutamanya kaedah-kaedah pembiayaan PTPTN yang mana saya fikir masih terdapat ruang untuk kerajaan meringankan lagi bebanan para pelajar membiayai pinjaman yang mereka ambil. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Ketereh. Dalam proses kita menambah baik sistem kita dan menyediakan pelan sama ada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia daripada prasekolah ke sekolah menengah ataupun sampai ke pendidikan tinggi dengan pelan strategik kita. Proses ini dibuat menerusi pelbagai konsultasi dengan semua *stakeholders* disebutkan. Saya ambil contoh sama ada di peringkat menengah ataupun di peringkat universiti, yang terkini ialah waktu di peringkat Kementerian Pelajaran dahulu bila

kita hendak merumuskan Pelan Pembangunan Pendidikan tiga belas tahun ini, kita menemui hampir semua peringkat masyarakat, pergi ke seluruh negara.

Yang Berhormat pun ada terlibat dalam *town hall meeting*, seramai 17,000 pihak terlibat bersama-sama selain daripada meja bulat, meja panjang, meja lebar, semua macam-macam meja kita sediakan, menerusi *online* dan *engagement* yang kita buat itu secara berterusan dan dibincang berkali-kali, barulah kita rumuskan sesuatu kerana kita percaya ini bukan hak milik kerajaan ataupun kementerian. Ini adalah hak milik rakyat. Jadi sebab itu proses ini mestilah dibuat secara begitu terbuka, *democratic* dan sebagainya.

Jadi sebab itu, ini akan kita teruskan. Macam peringkat sekarang ini, kita sedang membuat kajian semula pelan strategik selepas lima tahun ia berlalu, kita mengambil langkah sekarang ini dan *insya-Allah* akan siap pada penghujung tahun bila peringkat pendidikan tinggi, maka ramai juga mereka yang berminat termasuklah ibu bapa, NGO, mereka-mereka yang pakar dalam bidang pendidikan tertentu, pensyarah, *vice chancellomya* dan kementerian kita duduk bersama-sama untuk melihat sama ada *content* yang telah kita sediakan dalam pelan ini memadai atau perlu ditokok tambah lagi kerana kita sedar bahawa di luar sana banyak perubahan berlaku. Semuanya begitu dinamik, tidak boleh statik dan untuk Malaysia melangkaui ke satu tahap dikatakan global, kita mesti menyediakan pelan yang lebih baik lagi. Termasuk apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, ini soal operasi. Sebagai contoh pembiayaan untuk pendidikan tinggi. Ini memang kalau dilihat sudah ada komitmen yang agak luar biasa.

Tidak ada kerajaan di dunia yang saya fikir Tuan Yang di-Pertua, yang menyediakan sejumlah RM42 bilion pinjaman bagi anak-anak kita yang tidak layak kerana bapa mereka tidak mampu masuk universiti dengan pembiayaan tabung pendidikan tinggi. Luar biasa Tuan Yang di-Pertua dan ini telah pun kita laksanakan. Namun kita sedar ada beberapa kekangan, sebagai contoh cara membayar balik dan sebagainya, ketidakmampuan mereka, ini kita ambil kira. Jadi sebab itu ada beberapa kelonggaran yang telah kita umumkan untuk membolehkan pelajar yang telah keluar selepas dia dibiayai dengan tabung ini membayar balik supaya tidak merupakan satu bebanan kepada mereka, Tuan Yang di-Pertua.

**2. Tuan Charles Antony Santiago [Klang]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan status kini mengenai perbincangan FTA di antara Malaysia dengan negara-negara TPPA. Bolehkah kerajaan menjamin bahawa kedaulatan negara akan terjamin memandangkan bab pelaburan memberi peluang kepada firma MNC untuk membawa sesebuah kerajaan ke tribunal timbang tara antarabangsa.

**Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Sri Mustapa Mohamed]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan daripada Yang Berhormat Klang ini juga ditanya oleh enam belas Ahli Yang Berhormat yang lain iaitu daripada Yang Berhormat Lembah Pantai 27 Jun, Yang Berhormat Kelana Jaya 1 Julai, Yang Berhormat Telok Kemang 2 Julai, Yang Berhormat Jasin 3 Julai, Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Klang, Yang Berhormat Jelutong dan Yang Berhormat Sungai Siput pada 4 Julai, Yang Berhormat Bayan Baru pada 8 Julai, Yang Berhormat Selayang 9 Julai, Yang Berhormat Kelana Jaya 10 Julai dan pada 11 Julai, Yang Berhormat Sungai Petani, Yang Berhormat Klang dan Yang Berhormat Kelana Jaya dan Yang Berhormat Kuala Selangor pada 17 Julai. Saya mohon izin Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab semua soalan ini bersekali.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Mohon izin yang kedua oleh kerana isu ini perlukan penjelasan lebih, maka saya pohon izin menjawab menggunakan masa lebih sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Soalan-soalan berkaitan TPP ini menyentuh beberapa perkara:

- (i) impak TPP ke atas negara;
- (ii) *Investor-State Dispute Settlement (ISDS)* dan impaknya ke atas kedaulatan negara;
- (iii) hak harta intelek dan impaknya kepada harga kos barangan perkhidmatan, perubahan khususnya;

- (iv) kesan TPP ke atas *enterprise* kecil dan sederhana dan juga kepada bumiputera;
- (v) peranan Parlimen dalam proses rundingan;
- (vi) kajian kemungkinan dan impak; dan
- (vii) isu kerahsiaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya jawab dengan teliti, izinkan saya memberikan sedikit penjelasan tentang apa itu FTA. FTA merupakan satu perjanjian antara dua buah atau lebih negara yang menyediakan akses pasaran melalui layanan keutamaan tarif bagi barangan dan pembukaan pasaran perkhidmatan. Kedua, peluang pelaburan melalui liberalisasi, fasilitasi dan perlindungan pelabur. Ketiga, bina upaya melalui kerjasama ekonomi dan teknikal. Skop FTA pada biasanya merangkumi perkara berikut:

- (i) akses pasaran bagi barangan dan perkhidmatan;
- (ii) mempermudah perdagangan melalui peraturan teknikal, *sanitary*, *phytosanitary* dan kerjasama dalam Kastam;
- (iii) fasilitasi dan perlindungan pelabur; dan
- (iv) kerjasama teknikal ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, sejarah membuktikan bahawa liberalisasi perdagangan telah memberi manfaat besar kepada negara-negara membangun. Umpamanya, China menjadi ahli WTO pada 11 Disember 2001, 12 tahun yang lalu. Selaras dengan proses ini, China telah mengurangkan tarif ke atas lebih 7,000 barangan, mengurangkan kuota dan juga halangan penangan lain, China telah menikmati kadar pertumbuhan yang amat pesat, paling pesat di dunia, antaranya sebab perdagangan bebas. Kini China merupakan ekonomi kedua terbesar di dunia dengan nilai keluaran dalam negara kasar berjumlah USD6.3 trilion berbanding dengan kira-kira USD1 trilion sahaja pada 2001.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum Malaysia melibatkan diri dalam rundingan Perjanjian Perdagangan Perkongsian Trans-Pasifik (TPP), Malaysia sebenarnya telah pun melaksanakan beberapa Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dengan negara-negara lain. Khususnya dengan negara-negara ASEAN, China, Jepun, India, Pakistan, Republik Korea, Australia, Chile dan New Zealand. Ini telah menyumbang kepada peningkatan pelaburan dan perdagangan dalam negara kita.

TPP bukan sahaja akan membolehkan Malaysia terus memainkan peranan penting dalam proses integrasi ekonomi yang sedang berlaku dengan pesat di rantau Asia Pasifik tetapi juga membolehkan Malaysia untuk memperluaskan akses pasaran melalui layanan keutamaan tarif FTA yang akan merangkumi rakan dagang yang penting seperti Amerika Syarikat dan pasaran-pasaran seperti Kanada dan juga Mexico.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menggunakan kesempatan ini untuk memperbetulkan beberapa persepsi umum yang mengandaikan bahawa tidak terdapat konsultasi yang sewajarnya dalam proses perundingan ini. Perundingan ini Tuan Yang di-Pertua melibatkan wakil kerajaan dengan kerajaan asing. Dalam mana-mana rundingan, cadangan serta pendirian sesuatu negara akan diketengahkan dan dirundingkan bagi mencapai sesuatu penyelesaian. Penyelesaian ini dibentuk melalui kata sepakat ataupun kompromi dan konsensus. Proses ini yang memerlukan komitmen dari semua pihak untuk memastikan kerahsiaan sesuatu pendirian tersebut terjamin, justeru Malaysia mempunyai tanggungjawab untuk memastikan teks perjanjian serta pendirian setiap negara perunding tidak terkeluar dari meja rundingan.

Tuan Yang di-Pertua, rundingan TPP melibatkan pendirian negara masing-masing. Oleh yang demikian, undang-undang kerahsiaan negara juga perlu dihormati selain dari *confidentiality agreement* yang telah ditandatangani. Dalam konsultasi dengan pihak berkenaan, kerajaan berkongsi bersama dengan mereka pendirian yang diambil oleh Malaysia terhadap isu-isu yang dirundingkan.

#### ■1040

Antara badan-badan yang telah kami rundingi termasuklah dewan-dewan perniagaan Melayu, Cina, India, Majlis Tindakan Ekonomi Melayu, Majlis AIDS Malaysia, *National Cancer Society Malaysia*, *Consumer Association of Penang (CAP)*, *Third World*

*Network*, Sahabat Alam Malaysia, parti-parti politik termasuk Barisan Nasional, Pakatan PKR, DAP dan PAS, SUHAKAM juga kami rundingi.

Konsultasi dengan pelbagai pihak yang berkepentingan juga telah mendedahkan keperluan yang semakin meningkat oleh syarikat Malaysia sendiri untuk pasaran lebih terbuka dan langkah-langkah fasilitasi yang lebih memudahkan perdagangan. Bilangan syarikat Malaysia yang telah menjadi pelabur global, syarikat Malaysia melabur di luar negara semakin banyak dan mereka memerlukan tahap ketelusan dan pelaburan mereka terpelihara. Ini termasuklah Petronas, Khazanah Nasional, YTL, Genting dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Parlimen telah membangkitkan mengenai isu pelaburan terutamanya isu *Investor-State Dispute Settlement* (ISDS), dengan izin dan ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Klang dan impaknya ke atas kedaulatan negara. Sebagai makluman, bab pelaburan dalam TPP tidak menghadkan hak kerajaan untuk mengawal selia atau mengambil langkah-langkah yang perlu bagi melindungi kedaulatan negara. Tiada peruntukan dalam bab pelaburan TPP yang boleh menghalang kerajaan daripada menggunakan, mengekalkan atau menguatkuasakan langkah dasar domestik untuk melindungi kepentingan negara.

Malaysia sebelum ini telah pun menandatangani 74 Perjanjian Perlindungan Pelaburan termasuk dengan Amerika Syarikat bermula tahun 1959 lagi yang mengandungi peruntukan yang sama seperti ISDS. Dengan adanya perlindungan ini, Malaysia telah dapat menarik masuk ramai pelabur asing. Sehingga kini, ada dua kes yang diambil terhadap Malaysia di bawah ISDS. Peruntukan ISDS bukan hanya memberi manfaat kepada syarikat asing, ia juga memberi manfaat kepada syarikat-syarikat Malaysia yang memerlukan perlindungan apabila mereka melabur di Indonesia, Singapura dan lain-lain negara di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mengenai bidang IPR yang dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat Sungai Siput dan lain-lain. Isu-isu utama adalah tertumpu kepada akses kepada ubat-ubatan dan penjagaan kesihatan mampu milik dan perlindungan hak cipta jangka panjang. Ingin ditegaskan di sini bahawa tiada perkara yang sehingga kini belum lagi setuju. Pihak kerajaan telah menyatakan pendirian serta mengemukakan bantahan yang tegas terhadap cadangan-cadangan yang boleh melambatkan kemasukan ubat generik ke pasaran tempatan dan menyebabkan kos yang tinggi dalam harga ubat-ubatan. Kerajaan tetap berpegang kepada pendirian ini dengan tegas.

Dalam hal ini, Malaysia tidak bersendirian. Malaysia sedang bekerjasama dengan ahli-ahli TPP yang lain untuk mencapai hasil rundingan yang akan mengimbangi antara keperluan berterusan untuk akses kepada ubatan dan penjagaan kesihatan yang mampu milik.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat juga telah menimbulkan kebimbangan mereka terhadap impak perjanjian TPP ke atas industri kecil sederhana dan juga bumiputera. Saya ingin menegaskan bahawa pihak kerajaan telah mengambil maklum akan kebimbangan syarikat-syarikat bumiputera di mana kebanyakan merupakan syarikat IKS. Berhubung IKS, TPP telah mengambil pendekatan memastikan kepentingan IKS diambil kira dalam semua bidang yang dirundingkan. Dalam pada itu, TPP merupakan perjanjian perdagangan bebas yang pertama di dunia yang memberi penekanan dan perhatian kepada IKS dengan mengadakan satu bab khusus mengenai IKS.

Barangan yang diklasifikasikan sebagai sensitif, penghapusan tarif akan dibuat dalam tempoh masa lebih panjang. Antara barangan tersebut adalah perabot, plastik, getah dan komponen AED. Dalam bab perolehan kerajaan yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat, terdapat satu cadangan khusus berkaitan kemudahan penyertaan IKS dalam perolehan pasaran kerajaan. Obligasi tersebut menjamin kepentingan IKS tidak diabaikan.

Selain itu, dalam perundingan TPP Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga mengambil pendekatan untuk mengecualikan pasaran perolehan kerajaan yang dikhaskan kepada IKS tempatan daripada dibuka untuk ditawarkan kepada IKS, rakan runding TPP.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat juga telah memohon untuk perjanjian dibahaskan dan dipersetujui oleh Parlimen sebelum ia ditandatangani. Kerajaan berpendapat melalui konsultasi yang telah diadakan dan akan diadakan termasuk dengan Ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang, kerajaan berpendapat perbahasan dalam

Parlimen yang mulia ini dan input yang telah kami kumpul daripada pelbagai pihak memadai untuk membolehkan kerajaan mendapat input daripada pelbagai pihak bagi menjaga kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan soalan yang ditimbulkan mengenai kajian impak, saya ingin maklumkan bahawa sebelum sebarang keputusan dibuat oleh kerajaan untuk menyertai sebarang rundingan ataupun bagi rundingan FTA yang sedang berlangsung, analisis kos faedah dengan izin dilaksanakan. Proses ini dilaksanakan oleh Malaysia bergantung kepada keperluan semasa atau sekiranya Malaysia menerima pelawaan untuk mengadakan FTA dengan negara rakan dagang.

Dalam menjalankan *cost benefit analysis* ini, kerajaan akan mengadakan konsultasi dengan pelbagai pihak dalam mengambil kira pandangan daripada pihak berkepentingan sebelum keputusan untuk memulakan rundingan dibuat. Sebelum keputusan menyertai TPP dibuat, kerajaan telah mendapatkan khidmat UNDP untuk melaksanakan kajian kemungkinan yang komprehensif mengenai kesan impak kepada negara daripada penglibatan Malaysia dalam usaha ini.

Namun begitu, hasil kajian UNDP tersebut tidak dikongsi secara umum memandangkan ianya mengandungi syor dan strategi khusus yang perlu diambil oleh Malaysia dan melibatkan pendirian Malaysia di dalam rundingan TPP yang sedang berlangsung.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan ingin memberi jaminan bahawa ia akan terus memastikan bahawa manfaat daripada penyertaan dalam TPP ataupun manamana FTA yang lain untuk negara adalah jauh melebihi kosnya. Perunding-perunding tidak akan mengorbankan hak kerajaan dan negara untuk terus menentukan hala tuju kita sendiri dalam usaha mencapai pertumbuhan ekonomi, menstrukturkan semula sosioekonomi negara bagi mencapai status negara maju.

Rundingan kini telah melalui 17 pusingan bermula Mac 2010 dan berjalan agak lancar. Pada masa ini, semua perunding sedang berusaha untuk memuktamadkan rundingan secara substantif pada akhir tahun ini seperti yang ditetapkan oleh Menteri-menteri Perdagangan APEC dalam Mesyuarat Surabaya pada April yang lalu. Walau bagaimanapun, ini akan bergantung besar kepada fleksibiliti yang akan ditunjukkan oleh negara-negara anggota TPP yang lain terutama ke atas isu-isu yang Malaysia mempunyai kepentingan. Terima kasih.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih atas jawapan yang begitu panjang lebar dan berkait dengan beberapa isu sebenarnya empat sampai enam isu yang telah dibangkitkan. Saya mengatakan di sini bahawa persatuan-persatuan seperti Sahabat Alam Malaysia, *Third World Network*, Majlis Tindakan Ekonomi Melayu Bersatu termasuk dengan *consumers* Pulau Pinang tidak menyokong Kerajaan Malaysia menandatangani perjanjian *Transparency Partnership Agreement*. Itu pertama.

Kedua, saya hendak minta penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri mengenai *cost benefit analysis* ini, adakah kerajaan telah membuat *cost benefit analysis* sebelum permulaan perjanjian? Bolehkan *cost benefit* ini diberikan kepada Parlimen untuk dihalusi? Bolehkah satu *Parliamentary Select Committee* dibentuk untuk kita sama-sama bincang isu ini sebab isu ini tidak berkait hanya dengan perdagangan. Dalam TPP ini ada 29 bab. Hanya lima berkait dengan perdagangan *trans-border trade*. Yang lain semua itu berkait dengan *transparency government procurement*, *international property right* dan sebagainya.

So, oleh kerana itu *this is larger than trade – an involve sovereignty*. Saya hendak minta penjelasan juga Yang Berhormat Menteri berkait dengan ISDS iaitu *Investor-State Dispute Settlement*. Seperti yang diketahui Yang Berhormat Menteri bahawa sekarang, Philip Morris iaitu gergasi tembakau telah mengheret Kerajaan Uruguay dan juga Kerajaan Australia ke *International Centre of Settlement of Investment Dispute (ICSID)* iaitu di bawah naungan Bank Dunia. Kedua-dua kerajaan ini iaitu Australia dan juga Uruguay telah menukar dasar penggunaan tembakau ataupun *tobacco policy* supaya membasmi penggunaan rokok dan juga mengelakkan atau membasmi penyakit barah misalnya.

Akan tetapi untuk Philip Morris, dasar ini akan mengurangkan keuntungan dan kehilangan pasaran. Kedua, pada tahun 2010, sebuah firma tenaga Sweden iaitu Vattenfall

telah melancarkan tuntutan mahkamah di Mahkamah Timbang Tara Antarabangsa, *ICSID* juga terhadap kerajaan Jerman untuk sejumlah 3.7 bilion Euro sebab kehilangan keuntungan berkaitan dengan dua *nuclear power plant*. Ini adalah kerana Kerajaan Jerman telah menukar dasar tenaga mereka selepas malapetaka Fukushima.

■1050

So, apa yang jelas Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri dalam dua-dua kes ini, kerajaan daulat iaitu *a sovereign nation* diheret ke Tribunal Timbang Tara Antarabangsa. Bukan dalam negara sendiri tapi ke Timbang Tara Antarabangsa, bila dasar ditukar demi kepentingan rakyat. Dalam kes Australia dan Uruguay, ini adalah berkaitan dengan *public health*. Dalam kes *Germany*, berkait dengan *environment*. [*Dewan riu*] Lebih penting sekali ialah satu kerajaan yang daulat, menghilangkan *policy space*. Ini yang penting.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini bukan soalan. Ini buat ucapan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Charles Antony Santiago [Klang]:** Satu kerajaan yang berdaulat menghilangkan *policy space*.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini bukan ucapan.

**Tuan Charles Antony Santiago [Klang]:** So, Tuan Yang di-Pertua dan juga Menteri. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri dan juga kerajaan, adakah kerajaan jual Malaysia, negara kita ataupun melindungi dan mempertahankan kedaulatan Malaysia? Minta penjelasan.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat Klang. Ada lima soalan, banyak sangat Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa. Sudah saya buat petua tadi Yang Berhormat. Siapa Ahli Yang Berhormat yang melanggar petua saya, lain kali saya tidak nampak. Sudah saya buat. Itu sahaja. *Simple* begitu. Sila, teruskan.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Yang pertama saya hendak maklumkan bahawa kami Barisan Nasional ini mempertahankan kedaulatan negara. [*Tepuk*]

**Tuan Charles Antony Santiago [Klang]:** Kalau mempertahankan...

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Ini tugas kami. Jaminan kepada rakyat bahawa pada bila-bila masa kita akan mempertahankan Lahad Datu atau apakah, ini merupakan tugas kami. [*Tepuk*]

**Tuan Charles Antony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Menteri tolong jawab soalan. [*Dewan riu*]

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Jangan mempertikaikan kesetiaan kami kepada negara. Yang pertama berkaitan dengan kedaulatan negara tadi. Kes-kes yang dirujuk oleh Yang Berhormat, Phillip Morris dan lain-lain, saya hendak maklumkan bahawa tindakan juga dibuat oleh syarikat Malaysia kepada negara asing. Dua telah berlaku. Pertama, MTD di Chile dan Telekom Malaysia di Ghana.

Jadi, dalam apa-apa jua kita ada *two way traffic*. Maknanya, bukan sahaja mereka boleh *sue* kita, syarikat kita juga berada di negara dan syarikat-syarikat kita berhak. Ini telah dilakukan oleh MTD di Chile dan Telekom Malaysia di Ghana. Terhadap kita, dua syarikat telah membuat tuntutan, *sue* Kerajaan Malaysia. Satu bernama Phillip Gruffin.

Syarikat ini mereka nyatakan bahawa mereka rugi oleh kerana adanya Currency Control 1998. Kita *imposed currency control*. Syarikat ini mendakwa bahawa dengan adanya *currency control* mereka rugi. Maka, mereka *sue* Kerajaan Malaysia tetapi perkara ini telah ditolak oleh mahkamah. Jadi, saya hendak maklumkan di sini bahawa betul syarikat luar boleh *sue* tetapi syarikat Malaysia juga ada hak. Jadi, kita tetap menjaga. Apa pun yang penting, kita akan jaga kepentingan negara kita. Itu yang kelima.

Soalan yang keempat ialah betul FTA ataupun TTPA ini adalah lebih daripada *trade*. Biasanya FTA ini terhad kepada isu-isu perdagangan dan pelaburan. Ini melibatkan *government procurement, labor, IPR*. Itu sebabnya ia rumit. Saya menghargai pandangan Yang Berhormat-Yang Berhormat telah jumpa kami juga dan apabila Yang Berhormat daripada Barisan Nasional pernah jumpa kami dan juga Pembangkang. Terima kasih atas

pandangan dan pandangan-pandangan yang diberi oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat itu sebenarnya membantu kami untuk memastikan bahawa Malaysia mempertahankan kedudukan kita.

Oleh kerana *scopenya* kali ini, yang pertama, biasanya *scopenya* terhad. Kali ini luas sekali. Bukan sahaja Yang Berhormat, Third World Network, CAP dan lain-lain juga memberi pandangan. Mengenai Third World Network, CAP, itu betul mereka tidak setuju. Dalam negara demokrasi mustahil dapat seratus peratus setuju. Kalau dapat, baguslah. Akan tetapi hendak dapat seratus peratus, beritahu saya mana negara yang dapat seratus peratus. Yang penting kita dapat *majority support*. Saya ingin tegaskan di sini bahawa kerajaan mendapat *majority support* dalam hal ini.

Ada yang tidak setuju. Saya tidak pertikaikan. Yang Berhormat pun tidak setuju. Sudah jumpa dengan kami tidak setuju. Saya tahu. Akan tetapi yang penting bagi kerajaan ialah faedahnya melebihi kos. Setiap yang kita lakukan ada kos. Sudah pasti. Kita buat *traffic light* umpamanya, kosnya lambat berjalan. Kereta kena berhenti. Akan tetapi faedahnya ada *traffic light*, kereta selamat, dapat mengurangkan kecederaan ataupun kematian. Jadi, setiap tindakan yang kita ambil ada baik, ada buruknya. Tidak dapat dipertikaikan. Akan tetapi bagi kerajaan yang penting ialah yang baik itu jauh lebih banyak daripada yang buruk. Itu yang ketiga. [Tepuk]

Keempat, berkaitan dengan *cost benefit analysis*. Ini perkara yang dibangkitkan oleh beberapa pihak termasuk Yang Berhormat Lembah Pantai dan yang lain-lain. Kami sedang mengkaji kerana ada beberapa perkara yang perlu kita semak dengan *lawyer-lawyer* untuk memastikan bahawa dokumen yang kita dedahkan ini tidak memberikan masalah bagi kita dan negara lain kerana ia melibatkan strategi kita untuk merunding.

Jadi, cadangan daripada beberapa Ahli Yang Berhormat untuk kita mendedahkan perkara ini sedang kita kaji. Akhir sekali, berkaitan dengan *Select Committee*. Saya sebut sudah jawapan saya. Saya rasa perbahasan dalam Parlimen ini melalui soalan-soalan, perjumpaan Ahli Yang Berhormat termasuk Barisan Nasional, pembangkang dengan kami sudah pun memadai untuk membolehkan kami menentukan pendirian terbaik untuk menjaga kepentingan negara kita. Terima kasih.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Tuan Yang di-Pertua saya ucapkan tahniah kepada kerajaan. Ini kerana sebagai sebuah negara yang berada pada kedudukan yang tinggi dalam perdagangan antarabangsa, kita telah mengambil langkah-langkah untuk membuat rundingan secara multilateral yang agak besar yang melibatkan negara-negara dagang yang utama. Sekarang ini sebelas dalam negara-negara pakatan TPP. Tidak lama lagi menjadi 12 termasuk Jepun. Ini akan membuka prospek kepada syarikat-syarikat negara kita di dalam sistem dunia yang mengamalkan perdagangan bebas.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri dalam pendirian yang tegas tentang hal-hal yang berkaitan dengan *patent*. Terutama sekali yang khususnya yang melibatkan produk farmasi yang akan membolehkan rakyat negara kita mempunyai akses kepada kos ubatan yang lebih rendah apabila *patent* yang dihadkan pada tempoh tertentu akan membolehkan ubatan generik dapat dibekalkan kepada pesakit-pesakit.

Juga pendirian tegas kepada kerajaan tentang memastikan syarikat kita turut dilindungi dalam *dispute* di negara-negara lain. Terutama di bawah *Investor-State Dispute Settlement*. Akan tetapi apakah aspek dalam yang sedang dirunding sekarang ini termasuk persetujuan kita untuk membuka pasaran padi tempatan? Oleh kerana rakan rundingan ini termasuk Amerika Syarikat yang mana industri padinya *heavily subsidize*, dengan izin. Apakah ini termasuk dalam satu daripada yang bakal dipersetujui yang membawa akibat kepada membolehkan Amerika dan negara-negara rakan lain memasuki pasaran padi yang pada masa ini dilindungi dalam negara kita?

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, dua perkara penting yang pertama *patent* melibatkan kos ubat-ubatan yang sudah pasti menimbulkan kebimbangan di kalangan rakyat Malaysia, melibatkan kita semua Ahli Parlimen dan rakyat biasa. Kedua, padi di mana 300,000 ke 400,000 rakyat Malaysia di Kedah, di Perak di Kelantan masih tanam padi. Jadi, ini ada kaitan dengan hal-hal domestik. Banyak perkara dibincangkan dalam TPP termasuklah subsidi. Yang subsidi banyak ini Amerika dan negara-negara maju.



Jadi, hal ini merupakan perkara domestik dan kita tetap mempertahankan perkara ini iaitu untuk melindungi petani-petani kita. Juga bagi pengguna, kita ada Skim Kawalan Harga. Ada juga kebimbangan dengan adanya TPP ini, harga beras naik. Ini merupakan dasar domestik di mana kita menyediakan subsidi untuk memastikan dasar ini dapat membantu meringankan pengguna.

Jadi, mengenai padi dan beras, *insya-Allah* pendirian kita ialah untuk mempertahankan dasar yang sedia ada. Berkaitan *patent*, ada beberapa negara yang ingin melanjutkan lagi tempoh *patent*. Ini akan merumitkan lagi pengenalan ubat-ubat generik dan sudah pasti ini akan menaikkan harga ubat-ubatan. Malaysia tegas dalam perkara ini. Kita tidak mahu rejim yang ada sekarang ini diubah kerana ini akan menyebabkan kenaikan kos ubat-ubatan. Terima kasih.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas penjelasan yang panjang lebar dan mengucapkan tahniah di atas jaminan kerajaan bertindak tegas. Saya hendak tanya khusus berkaitan dengan IPR ini. Sekiranya *member states*, dengan izin, tidak bersetuju dengan ketegasan yang ditonjolkan oleh Kerajaan Malaysia, khusus dalam isu IPR, apakah Kerajaan Malaysia bersedia untuk meneruskan atau tidak menandatangani TPPA itu?

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Itu Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Kita tidak dipaksa. Kita memasuki sebarang rundingan atas kehendak kita. Tidak ada sesiapa boleh memaksa pendirian kita. Jadi, kalau Malaysia tidak bersetuju dengan *patent* atau IPR, maka Malaysia boleh memilih untuk tidak menandatangani. Jadi, itulah jaminan kita. Apa-apa pun kita akan menentukan kedaulatan negara dan juga kepentingan negara akan sentiasa terpelihara. Kalau tidak setuju, maka tidak jalan. Terima kasih.

#### ■1100

**3. Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [Setiawangsa]** minta Menteri Kewangan menyatakan sejauh manakah kerajaan telah memperjelaskan kepada rakyat kita kerajaan bercadang mengenakan kadar tujuh peratus Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) bagi meyakinkan rakyat supaya menerima kaedah percukaian itu.

**Menteri Kewangan II [Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan Yang Berhormat Setiawangsa berserta dengan soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan pada 1 Julai 2013, Yang Berhormat Sandakan 2 Julai 2013, Yang Berhormat Bukit Mertajam 2 Julai 2013, Yang Berhormat Bukit Bintang 3 Julai 2013, Yang Berhormat Lipis 3 Julai 2013, Yang Berhormat Shah Alam 3 Julai 2013, Yang Berhormat Kubang Pasu 3 Julai 2013, Yang Berhormat Ampang 8 Julai 2013, Yang Berhormat Tebrau 10 Julai 2013, Yang Berhormat Sungai Petani 10 Julai 2013, Yang Berhormat Keningau 10 Julai 2013, Yang Berhormat Kulai 11 Julai 2013, Yang Berhormat Marang 15 Julai 2013, Yang Berhormat Kluang 16 Julai 2013 dan Yang Berhormat Labis 17 Julai 2013.

Tuan Yang di-Pertua, antara perkara-perkara yang dibangkitkan yang pertama adakah kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan GST. Sebagaimana kita maklum, kerajaan sekarang sedang membuat kajian yang lebih mendalam menggunakan harga semasa tahun 2003 untuk kita melihat impak sama ada kepada kerajaan, swasta, sektor ekonomi dan juga kepada rakyat. Kajian yang kita laksanakan pada tahun 2009 iaitu berdasarkan harga semasa pada tahun itu tidak lagi sesuai untuk kita membuat keputusan pada masa ini. Jadi buat masa ini kerajaan belum membuat kata putus lagi mengenai pelaksanaan GST. Kita akan umumkan keputusan itu kelak.

Isu kedua yang dibangkitkan adalah kenapa kerajaan memberi perhatian kepada GST. Seperti mana kita maklum Tuan Yang di-Pertua, dunia melalui proses evolusi dan bila kita masuk abad ke-21 terutama di dekad kedua ini, perubahan begitu pantas bukan sahaja melibatkan teknologi, multimedia, juga melibatkan kewangan dan percukaian. Tentunya kerajaan-kerajaan negara-negara mahukan kepada sistem kutipan cukai yang terbaik dalam mengurus kewangan. Apabila kita cakup mengurus kewangan ia melibatkan hasil dan juga perbelanjaan peningkatan hasil akan membolehkan peningkatan perbelanjaan untuk kepentingan pertumbuhan ekonomi dan juga kesejahteraan rakyat.

Jadi sehingga ini sebanyak 160 buah negara telah melaksanakan GST. Kalau kita lihat dari segi keahlian dalam Bangsa-Bangsa Bersatu ada 969,196 buah negara bermakna

sebahagian besar daripada negara-negara di dunia ini telah melaksanakan GST. Akan Tetapi saya juga telah ambil maklum bahawa ada setengah negara juga mengiktiraf negara lain lebih 200 negara sebenar tidak semata-mata kepada senarai yang disediakan senarai di bawah Bangsa-Bangsa Bersatu.

Isu yang dibangkitkan juga mengenai mekanisme bagi melindungi golongan berpendapatan rendah. Tuan Yang di-Pertua kita melihat kepada model di mana kita sekiranya dilaksanakan berdasarkan kajian, kita melihat kepada model untuk mengadakan zero rated, pengkadaran sifar kepada GST kepada barangan asas diperlukan oleh rakyat terutama kepada berpendapatan rendah.

Dalam konteks ini barang makanan iaitu beras, gula, tepung, minyak masak, garam dan sayu-sayuran dan sebagainya. Ternakan dan daging, ikan, *crustacean* iaitu udang, ketam, ayam, bekalan elektrik untuk 200 kilowatt, bekalan air untuk 35 kubik meter, perkhidmatan komunikasi, perkhidmatan kelab persatuan dan juga *exam supply*. *Exam supply* ini bermaksud di peringkat penjualan akhir, transaksi akhir tidak dikenakan GST tetapi input GST itu masih dikenakan. Jadi ia adalah berkurangan daripada peratusan yang kita tentukan. Ia melibatkan rel, bas, teksi, pengangkutan air dan rumah kediaman.

Perkara yang keempat mengenai dengan program-program penerangan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program-program penerangan telah pun dibuat melibatkan pengguna industri dan kerajaan. Sehingga ini sebanyak 4,667 program telah dilaksanakan dan isu yang seterusnya dibangkitkan adalah mengenai kadar GST di mana saya nyatakan kita belum lagi membuat keputusan jadi kita belum tetapkan kadar GST tersebut.

**Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [Setiawangsa]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri Kewangan. Saya difahamkan tadi bahawa 160 negara telah pun menjalankan GST ini. Saya juga difahamkan sehingga 2011 hanya tinggal sebelas negara sahaja yang masih belum melakukan GST di dalam dunia ini. Kemungkinan 2013 ini nombor kepada, jumlah kepada negara itu berkurangan. Saya juga difahamkan pada 2007 telah ada keinginan kerajaan untuk melakukan GST ini. Pada 2009, GST ini telah ditarik balik di dalam Parlimen ini kerana untuk penambahbaikan.

Sekiranya 160 negara telah melakukan hanya sebelas negara yang masih belum lakukan, ini menunjukkan ada benda yang elok yang harus kita lakukan. Benda-benda yang elok di dalam GST ini untuk diimplementasi. Soalan saya adalah kenapa 2009 itu ianya ditarik? Adakah kerajaan mempunyai *timeline* untuk diimplementasikan juga akhirnya kepada rakyat? Sekiranya ianya dilakukan ia mestilah mengambil kira bahawa ianya dilakukan dengan penuh perancangan, teratur, tersusun supaya ianya bukan menjadi kepada bebanan rakyat, terima kasih.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Berhormat nyatakan sebanyak 160 buah negara telah melaksanakan dan saya tadi menggunakan senarai negara-negara di Bangsa-Bangsa Bersatu sebanyak 196. Jika kita ambil itu sebagai asasnya bermakna ada 36 lagi negara yang sedang dalam proses untuk melaksanakannya. Malah Amerika Syarikat pada peringkat awal tidak melaksanakan kerana sistem Amerika Syarikat berbeza dengan negara-negara yang lain di mana cukai jualan adalah di bawah kuasa negeri dan ada negeri yang tidak melaksanakan. Akan tetapi kita tahu sekarang Amerika Syarikat juga telah sedang melihat kepada proses untuk pelaksanaan tersebut.

Pada tahun 2008 kita telah membuat pembentangan bagi bacaan kali pertama tetapi kita tarik balik oleh kerana kita telah berbincang dengan pelbagai pihak dan pihak-pihak yang terlibat itu menyatakan adalah lebih baik kita memberi fokus kepada pembaikan sistem GST terutama dalam konteks kita hendak memastikan tidak berlaku bebanan kepada rakyat. Jadi kajian ini yang sedang kita laksanakan selain daripada *zero rated* yang saya nyatakan tadi. *The exam suppliers* yang saya nyatakan dan kita juga melihat kaedah-kaedah lain dari segi konteks pelaksanaan.

Kita lihat dari segi harga, kenaikan harga berdasarkan harga semasa dan kita juga melihat dalam konteks apakah pertambahan cukai apabila kita tukar daripada *sales and service tax*. Sekarang kita menggunakan kaedah *sales and service tax* kepada GST bermakna bukan cukai yang baru yang kita laksanakan seperti mana sebahagian besar negara-negara dunia.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Kita lihat negara kita masih lagi belum mencapai status negara berpendapatan tinggi dan peningkatan cukai tanpa dalam keadaan negara kita dalam status berpendapatan tinggi akan terus membebankan rakyat. Soalan saya apakah hasil kajian yang telah dibuat oleh kerajaan terhadap kemampuan ekonomi dan kemampuan rakyat mampu untuk berdepan dengan program GST yang akan dilaksanakan dan apakah pelaksanaan GST ini tidak akan menyebabkan kenaikan barang yang akan membebankan pengguna terutama yang berpendapatan rendah dan akan meningkatkan inflasi dan memberi kesan yang amat besar kepada negara? Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua seperti mana yang saya nyatakan tadi, kita bukannya memperkenalkan cukai yang baru iaitu GST. Tidak macam Singapura memperkenalkan GST suatu yang baru tetapi jika kita perkenalkan bermakna kita akan menggantikan daripada *sales and service tax*, cukai jualan dan cukai perkhidmatan. Cukai jualan sekarang di antara 5% hingga 10%, cukai perkhidmatan adalah 6%.

Berkenaan dengan impak kepada rakyat sebagaimana Yang Berhormat nyatakan, sebenarnya dalam konteks pelaksanaan GST ini mari kita lihat Tuan Yang di-Pertua ya. Bagi negara-negara yang pendapatan per kapita bawah daripada USD1,000 - 28 negara telah laksanakan. *Lower middle income* antara USD1,000 hingga USD4,000 - 41 buah negara, *upper middle income* 39 buah negara, *upper middle income* itu antara USD4,000 hingga ke USD14,000 itu termasuk negara kita. Kemudian *high income* lebih daripada USD14,000 iaitu 42 buah negara.

Kita telah membuat kajian dalam konteks pelaksanaan negara-negara tersebut ini mereka mendapat impak yang begitu tinggi.

#### ■1110

Malah dari segi beberapa negara yang kita buat kajian termasuk Australia, Kanada dari segi kenaikan harga. Harga itu naik sedikit kemudian ia menurun. Jadi dalam konteks negara kita kerana kita meletakkan kepentingan kepada menjaga kepentingan rakyat, jadi kita sedang membuat kajian yang lebih mendalam.

Seperti mana saya katakan ada dua impak yang kita lihat dari segi bebanan bayaran cukai oleh golongan rakyat berbanding antara *sales and service tax* dengan GST, pertambahan berapa banyak pertambahan jika berlaku. Keduanya dari segi harga semasa sekiranya dilaksanakan dan apakah kaedah yang akan dilaksanakan oleh kerajaan untuk membantu sekiranya mendapat pertambahan tersebut dan kadar kaedah ini sedang kita kaji.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya ramai yang tidak faham tentang GST ini. [*Dewan riuh*] Cukai ini adalah satu perkara yang cukup sensitif. Dalam masa yang sama kerajaan mahu mendirikan ekonomi yang mampan.

Sebenarnya banyak yang tidak dapat maklum bahawa sebenarnya GST ini tidaklah membebankan bahkan ia boleh menggantikan cukai jualan dan juga cukai perkhidmatan. Ramai juga yang tidak dapat maklum bahawa pada masa ini kita sedang membayar cukai walaupun ia tidak dipamerkan dalam resit-resit pembayaran. Masih juga ramai yang tidak mengetahui bahawa GST juga bakal menghapuskan cukai berganda yang menjadikan harga barangan yang lebih tinggi.

Walaupun pihak kementerian telah menyatakan, banyak makluman yang telah diberikan kepada rakyat dan juga *engagement* telah dibuat kepada *stakeholders* tetapi masih lagi rakyat tidak dapat memahami dan juga salah faham tentang konsep GST yang sebenarnya boleh memberikan faedah dan manfaat kepada semua.

Jadi soalan saya Tuan Yang di-Pertua, setakat manakah GST ini boleh menambah hasil negara tanpa kita membebankan kepada rakyat dan juga langkah-langkah tertentu yang patut kita buat bagi melindungi golongan-golongan yang berpendapatan rendah. Keduanya, apakah sebenarnya langkah kerajaan yang akan dibuat untuk memastikan supaya maklumat ataupun penerangan yang cukup jelas yang mudah kepada semua rakyat supaya cukai ini tidak disalah ertikan. Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bertanya mengenai dengan pertambahan pendapatan yang akan diperoleh jika kita melaksanakan GST. Kita membuat beberapa simulasi, kita ambil 5% kadarnya. Kalau kita ambil 5% dan kita buat andaian bahawa kita laksanakan pada tahun 2015. Itu andaian.

Yang Berhormat kata ada yang tidak tahu kita telah membayar *sales and service tax* yang kita akan kutip pada tahun 2015 adalah sebanyak RM20 bilion. Jikalau kita kenakan GST 5%, kita akan dapat kutip RM26 bilion. Maknanya pertambahan RM6 bilion. Pada tahun kedua akan ada pertambahan RM7 bilion iaitu kalau berdasarkan kepada 5%. Yang Berhormat menyatakan tentang penjelasan kepada rakyat. Itu kita akur. Bermakna kita kena membuat promosi yang lebih banyak supaya rakyat akan memahami tentang GST ini kerana banyak isu yang negatif itu sebenarnya datang daripada persepsi, Tuan Yang di-Pertua.

**4. Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan usaha-usaha yang telah diambil untuk mengawal peningkatan harga rumah kediaman di kawasan bandar.

**Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Abd. Rahman Dahlan]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Seremban, Ahli Yang Berhormat Labis, Ahli Yang Berhormat Seputeh dan Ahli Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu bertarikh 8, 10 dan 11 Julai 2013 yang berkaitan dengan isu harga rumah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan sememangnya tidak mengawal harga rumah secara mikro memandangkan ia ditentukan sendiri oleh faktor pasaran ataupun *market forces*, dengan izin berkonsepkan pasaran bebas ataupun *free market*, dengan izin. Ini bagi menggalakkan pertumbuhan industri perumahan di Malaysia. Kenaikan harga rumah secara umumnya meluas. Trend ini lebih ketara di lokasi seperti di Kuala Lumpur, Selangor dan Pulau Pinang serta Sabah dan Sarawak seperti harga tanah bertingkat tinggi dan harta tanah sesebuah. Pada masa ini kerajaan hanya mengawal harga rumah kos rendah (RKR) iaitu tidak melebihi RM42,000 di Semenanjung Malaysia dan tidak melebihi RM50,400 di Sabah dan Sarawak.

Langkah-langkah yang telah diambil bagi menstabilkan harga rumah adalah Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT), nisbah pembiayaan perumahan (*margin of finance*) atau *loan-to-value*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua dan juga garis panduan Bank Negara Malaysia bagi mengenakan syarat yang lebih ketat kepada para peminjam bagi menjamin kemampuan peminjam membayar balik pinjaman. Kerajaan mengambil inisiatif mengawal harga rumah dengan menambah bekalan rumah dalam pasaran di kawasan-kawasan strategik di bandar dan pinggir bandar bagi membolehkan rakyat membeli pada harga yang munasabah. Inisiatif yang diambil adalah:-

- (i) membina lebih banyak rumah di bawah Program Perumahan Rumah (PPR) bagi golongan berpendapatan rendah;
- (ii) Program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA); dan
- (iii) Program Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M) di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).

Kerajaan-kerajaan negeri juga turut memainkan peranan dalam mengawal harga rumah dengan memastikan kuota pemajuan perumahan swasta untuk rumah kos rendah atau rumah mampu dipatuhi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Persoalan berkaitan dengan perumahan kalau kita ambil pada kaedah Islam, ia merupakan *minal dharuriyat*, antara keperluan utama kehidupan seseorang. Hari ini kita lihat bagaimana berlaku peningkatan hutang isi rumah bahkan juga hutang yang melibatkan *consumer debt* yang telah meningkat 76% berbanding daripada GDP pada hari ini.

Suatu kajian dibuat oleh pensyarah UKM menunjukkan bahawa antara faktor peningkatan pada harga pasaran rumah ialah faktor luaran. Satunya ialah kos harga bahan binaan, yang kedua kos penggunaan bahan lestari, yang ketiga kos jentera. Persoalan saya ialah, apa jaminan kerajaan supaya faktor-faktor luaran ini dapat dikawal semaksimum yang boleh untuk kita kurangkan tahap hutang isi rumah rakyat di Malaysia. Terima kasih.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya katakan tadi, kita tidak berhasrat untuk membuat intervensi di dalam pasaran di negara kita kerana negara kita mengamalkan pasaran bebas. Kita mempunyai cara lain yang lebih efektif daripada menjaga ataupun membuat intervensi secara langsung ke dalam pasaran.

Antara lainnya ialah apa yang saya katakan tadi ialah cukai, cukai CKHT ataupun Cukai Keuntungan Harta Tanah atau *Real Property Gain Tax* (RPGT) sebagai satu cara untuk mengekang harga rumah. Pertamanya kita hanya pada tahun 2013, kita telah naikkan RPGT daripada 10% kepada 15% untuk pelupusan rumah kurang daripada dua tahun, melebihi dua hingga lima tahun kita kekalkan pada 10%. Akan tetapi ini memberikan satu keyakinan kepada rakyat bahawa sesiapa yang membeli rumah untuk tujuan spekulasi mereka akan dikenakan cukai yang lebih tinggi jika mereka menjualnya pada pasaran *secondary market* bagi menjamin harga ini lebih berpatutan. Saya faham apa yang Yang Berhormat hendakkan iaitu satu intervensi daripada kerajaan. Akan tetapi pada masa ini saya kira kita mempunyai beberapa lagi instrumen yang lain di luar daripada menetapkan harga-harga bahan-bahan dan sebagainya itu walaupun itu adalah satu cadangan yang baik. Terima kasih.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada kos pembangunan projek itu sendiri, elemen-elemen penting yang menjejaskan kos rumah adalah kos tanah itu sendiri dan juga kos kewangan atau *financial cost* dengan izin.

Jadi saya ingin bertanya adakah pihak kerajaan ataupun agensi-agensi pemaju bagi pihak kerajaan bercadang untuk mencari kaedah-kaedah pendekatan seperti mencari *cost free land* ataupun *interest-free financing* supaya harga rumah tidak melambung dan juga rakyat ataupun khususnya penduduk dalam bandar mampu membeli rumah di kawasan bandar. Terima kasih.

#### ■1120

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, itu cadangan yang baik. Kita akan pertimbangkan. Akan tetapi seperti mana yang saya katakan tadi, saya setuju dengan Yang Berhormat Kuala Kangsar, kos yang paling besar antara lainnya adalah tanah dan kos tanah akan melambung. Oleh sebab itu untuk Program Perumahan Rakyat (PPR) kita minta supaya kerajaan negeri memberikan kita tanah bukannya daripada pihak swasta tetapi kerajaan negeri dan bukan sahaja tanah kerajaan negeri tetapi juga lokasi yang sesuai. Kita mempunyai masalah apabila ada kerajaan-kerajaan negeri yang memberikan tanah untuk membuat perumahan murah ini diletakkan jauh di pinggir bandar. Di tepi hutan, di tepi sungai, di tempat pelupusan sampah.

Saya kira ini harus dihentikan dan walaupun mungkin di bandar ini saya kira adalah lokasi yang baik dan mempunyai nilai yang lebih kerana soal tanah adalah kerajaan negeri, maka kerajaan negeri mestilah mengambil inisiatif untuk berkorban sedikit dan memberikan tanah-tanah yang lebih baik kepada masyarakat yang kurang berkemampuan supaya mereka boleh mendapat rumah di kawasan-kawasan bandar. Akan tetapi cadangan Yang Berhormat amat baik, saya akan pertimbangkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, salah satu sungutan daripada pihak pemaju adalah kadar penilaian tanah yang dikenakan oleh Jabatan Penilaian. Saya tahu mungkin ini bukan agensi di bawah Kementerian Yang Berhormat tetapi ini berkaitan. Selalunya ia terlalu tinggi sehingga mereka terpaksa membayar premium yang agak tinggi kepada pihak kerajaan dan selalunya kami juga mendapati bahawa agensi Jabatan Penilaian kerajaan itu kadang-kadang kadar dia lebih tinggi daripada agensi swasta. Jadi, saya rasa ini adalah salah satu sebab di mana harga tanah selalu kita dapati sangat tinggi khususnya di kawasan Lembah Klang.

Saya rasa juga Yang Berhormat, sebenarnya kementerian juga boleh menubuhkan satu jawatankuasa untuk mengkaji, selain daripada mengamalkan RPGT ini dengan cara

manakah yang kita juga boleh menambah lebih banyak lagi rumah mampu milik khususnya di kawasan Lembah Klang. Seperti di kawasan Kuala Lumpur, sekarang ramai penduduk datang mengadu dan mereka mahu minta kerajaan, minta DBKL memberi kepada mereka rumah malah sewa pun boleh tetapi DBKL sudah tidak buat dan Jabatan Perumahan Negara sudah tidak buat lagi. Jadi, di kawasan bandar, ramai orang dari luar bandar datang duduk di Kuala Lumpur tetapi mereka tidak cukup rumah. Saya minta Yang Berhormat mengambil perhatian tentang ini, terima kasih.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Pertamanya ialah Jabatan Penilaian memang betul bukan di bawah bidang kuasa kementerian saya Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya ingin katakan di sini ialah penilaian yang dibuat oleh kerajaan adalah berpandukan kepada pasaran. Saya kira Yang Berhormat harus faham bahawa dari segi penilaiannya, selalunya Jabatan Penilaian ini harganya rendah daripada penilaian yang dibuat oleh swasta, ini selalunya. Akan tetapi saya kira Yang Berhormat selaku pernah menjadi exco kanan di negeri Selangor, kita harus mempertahankan rakyat dahulu. Kalau tanah kerajaan itu kalau diminta dikurangkan hanya untuk kepentingan syarikat-syarikat pemaju perumahan, *they are making a lot of money already*, itu satu.

Yang keduanya ialah tidak betul kalau Yang Berhormat katakan bahawa Jabatan Perumahan Negara tidak membina rumah di kawasan Lembah Klang, itu tidak betul. Kita banyak buat tetapi ini masalahnya Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang kita buat rumah lokasinya kita buat oleh kerana kekangan kos tadi, kita buat di pinggiran bandar sedikit. Akan tetapi orang yang mahukan rumah ini mahukan supaya rumah ini dibuat betul-betul di bandar, berdekatan dengan segala kelengkapan kehidupan seperti sekolah, berdekatan bandar, pengangkutan awam. Kita cuba yang terbaik dan kita dapati di kawasan-kawasan tertentu contohnya di Bukit Jalil kalau saya tidak silap. Kita ada perumahan 3,000 lebih lagi perumahan rumah murah. Tidak dapat dihuni kerana tidak ada orang yang mahu.

Kita dalam proses mengisi rumah-rumah tersebut. Jadi, ini kekangan yang kita hadapi tetapi kita akan buat yang terbaik Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Seputeh kerana membawa persoalan ini. Terima kasih.

**5. Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau]** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah agaknya laporan dan rekomendasi daripada Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) mengenai dengan masalah berkaitan dengan kehadiran pendatang asing tanpa izin (PATI) di negeri Sabah akan selesai dan dibentangkan dalam Parlimen.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim*, Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi. Penubuhan Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah dan pelantikan pesuruhjaya telah dibuat pada 21 September 2012. Berdasarkan tauliah pelantikan yang telah diwartakan melalui PU(B300/2012) pesuruhjaya hendaklah menyiapkan siasatan dan mengemukakan laporan kepada Yang di-Pertuan Agong pada masa enam bulan daripada tarikh tauliah dikeluarkan. Seksyen 5 Akta Suruhanjaya Siasatan 1950, Akta 119 memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk melanjutkan masa bagi pelaksanaan tauliah tersebut.

Berdasarkan kepada peruntukan tersebut Yang di-Pertuan Agong telah melanjutkan masa bagi pelaksanaan tauliah tersebut sehingga 20 September 2013. Pelanjutan masa ini telah diwartakan melalui PU(B34/2012). Tujuan Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 digubal adalah untuk memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk melantik pesuruhjaya bagi menjalankan siasatan dan hasil siasatan tersebut hendaklah dilaporkan kepada Yang di-Pertuan Agong. Menurut perenggan 3(i)(b) Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 juga Yang di-Pertuan Agong juga boleh mengarahkan di mana dan bila laporan siasatan itu diserahkan.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana dengan berani telah menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja mengenai pendatang tempat izin di Sabah. Di antara terma rujukan RCI ini khususnya nombor empat ialah untuk menyiasat apakah pihak berkuasa telah mengambil tindakan untuk mempertingkatkan lagi kaedah pematuhan peraturan-peraturan dalam pengeluaran kad-kad pengenalan.

Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa dalam *standard operating procedure (SOP)* pengeluaran kad-kad pengenalan adalah sama untuk seluruh negara. Akan tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa di negeri Sabah ada satu yang dikatakan unit khas untuk negeri Sabah dalam soal pengeluaran kad pengenalan yang mempunyai tiga kategori iaitu P1, P2, P3 dan sebagainya.

Saya ingin mohon penjelasan daripada Yang Berhormat, apakah benar unit khas di Sabah ini wujud? Apakah tiga kategori itu iaitu P1, P2, P3? Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, apakah sepanjang berjalannya RCI ini telah diberikan cadangan-cadangan untuk peningkatan untuk memperkasakan lagi SOP pengeluaran kad pengenalan, terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, terma empat yang menyebut "*untuk menyiasat lebih lanjut mengenai prosedur amalan standard kaedah-kaedah dan juga peraturan-peraturan berhubung dengan pemberian kad pengenalan atau kewarganegaraan kepada pendatang asing di Sabah dengan mengambil kira standard dan juga norma antarabangsa yang terpakai di Malaysia dan untuk mengesyorkan apa-apa pindaan atau perubahan untuk memantapkan dan menambah baik prosedur amalan standard kaedah-kaedah dan juga peraturan.*" Ini ialah skop terma Suruhanjaya Diraja dan kita akan mendapat laporan dalam bulan September nanti. Berhubung dengan apa yang berlaku di Sabah, saya akan menjawab secara bertulis.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Walaupun laporan lengkap belum diperoleh kerana diextend sehingga September 2013 tetapi di dalam Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja, kita difahamkan sekurang-kurangnya 16,000 pendatang asing dari Filipina dan Indonesia telah diberi kad pengenalan mengikut pengakuan bekas pengarah JPN Sabah dan dapat mengumpul dana lebih daripada RM1 juta.

#### ■1130

Jadi persoalannya, bekas pengarah JPN Sabah telah dikenakan tindakan ISA. Apakah tindakan terhadap bekas pemimpin negara yang mengarahkannya? Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, semua sekali prosiding yang berlaku sekarang akan diambil tindakan di mana perlu tetapi semua prosiding itu ialah prosiding, kita dengar dan ianya bukan keputusan. Akan tetapi keputusan suruhanjaya kita akan dengar dalam bulan September. Keputusan itu akan diserahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan itulah keputusan yang muktamad.

Prosiding tidak boleh ambil kira sebagai keputusan. Banyak kes mahkamah yang berlaku sekarang itu ialah prosiding atau perbicaraan. Kita tidak boleh kira prosiding mahkamah itu ialah keputusan. Macam kes Yang Berhormat Permatang Pauh sebagai contoh, prosiding atau kes bicara yang masih berjalan tidak boleh dianggap keputusan. Bila mahkamah sudah jatuh keputusan, maka itu keputusan mahkamah. Prosiding kita tidak boleh ambil kira, keputusan suruhanjaya adalah muktamad.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan berakhir dan ini sebagai ingatan kepada Ahli Yang Berhormat yang berada di Dewan ini pada Parlimen Kedua Belas sedia maklum bahawa saya jarang-jarang memberi soalan tambahan tiga kali. Saya hadkan kepada dua kali sahaja. Akan tetapi saya tekad untuk ubah. Maka pada Parlimen Ketiga Belas ini saya bagi tiga tetapi yang saya hendak daripada Ahli Yang Berhormat, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat mahu soalan-soalannya tersenarai dalam *order paper*, kita ada banyak menjawab soalan, maka pendekkan soalan-soalan tambahan itu. Kita mesti bersikap adil kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan dengan notis. Hari ini kita cuma dapat menjawab lima, kelmarin enam. Jadi kalau pendek-pendek soalan tambahan itu tidak banyak bunga, isinya tebal-tebal tetapi padat, banyak soalan kita boleh jawab. Jadi kalau saya boleh berubah, tolonglah Ahli Yang Berhormat berubah.

## USUL

### **MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Pertama Parlimen Ketiga belas”. **[26 Jun 2013]**

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, ada usul. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk meminta penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua. Saya telah membawa usul di bawah 18(1) dan Tuan Yang di-Pertua telah menolak usul saya di atas alasan tidak perlu disegerakan. Saya ingin mohon penjelasan sebab isu usul saya adalah berkaitan dengan pendakwaan terpilih di bawah Akta Hasutan. Seperti mana yang Tuan Yang di-Pertua tahu bahawa isu itu melibatkan pendakwaan di mana kita lihat beberapa tokoh daripada pembangkang telah didakwa dibawa Akta Hasutan sedangkan jelas terdapat juga tokoh-tokoh daripada Barisan Nasional dan juga NGO-NGO yang menyokong mereka tidak diambil tindakan, sedangkan mereka telah pun terlebih dahulu membuat kenyataan-kenyataan yang berbau hasutan.

Jadi kalau Tuan Yang di-Pertua menolak atas alasan tidak perlu disegerakan, persoalan saya kenapakah siasatan ke atas Husam boleh disegerakan, Munawar, Thamrin Ghaffar boleh disegerakan tetapi untuk Ibrahim Ali dan orang-orang sejenis macam dia ini tidak langsung disegerakan. Jadi berbanding dengan kuasa mahkamah yang tidak boleh dipersoalkan dalam Parlimen, sedangkan tidak ada dalam peruntukan perlembagaan yang tidak membenarkan Parlimen ini berbincang mengenai kuasa pendakwaan oleh Peguam Negara. Perkara 127 perlembagaan jelas mengatakan mahkamah kita tidak boleh bicarakan, *conduct of the judge* tetapi perkara mengenai kuasa pendakwaan 145, tidak ada halangan untuk Parlimen ini berbincang. Selalunya apabila kita pergi mahkamah, mahkamah kata bawalah ke Parlimen untuk bincang. Sekarang sebab itu saya sebagai Ahli Parlimen minta.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini saya rasa perlu disegerakan. Saya mohonlah supaya di bawah *inherent power* dengan izin, pihak Tuan Yang di-Pertua untuk supaya *reconsider* balik keputusan tersebut. Tidak salah saya rasa untuk *reconsider*. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya sengaja biarkan Ahli Yang Berhormat untuk teruskan hujah memandangkan Ahli Yang Berhormat adalah ahli baru. Itu konvensyen kita di Parlimen tidak boleh ganggu tetapi sebagai makluman, begini Yang Berhormat. Perkataan yang disegerakan itu dalam konteks Parlimen adalah berbeza maknanya dibandingkan dengan konteks di luar Parlimen. Maksud disegerakan ialah isu yang dibawa itu perlu juga dibincang, mengetepikan agenda yang sudah dibuat kerana tidak ada lagi peluang untuk membincangkan hal itu kalau tidak dibincang juga.

Sebabnya Yang Berhormat begini. Pertama, hal penyiasatan polis adalah penyiasatan jenayah. Kalau kita bincang soal-soal penyiasatan jenayah, ianya akan menjejaskan penyiasatan kerana ada hal-hal soal saksi. Konvensyen Parlimen kita tidak benarkan.



Kedua, saya sebelum mengambil tindakan seperti ini menolak usul yang dibawa oleh Yang Berhormat di bawah 18(1), saya perlu meminta maklumat daripada pihak-pihak yang berwajib. Saya difahamkan melalui tulisan yang bertulis kepada saya ialah siasatan yang sedang dibuat ini ada kaitan dengan kes-kes yang telah pun dibawa di mahkamah sekarang ini, maka ia juga mengaitkan peraturan mesyuarat iaitu subjudis. Yang utamanya kenapa saya menolak Yang Berhormat ialah sekarang ini kita sedang sesi berbahas Ucapan Diraja. Apa Yang Berhormat timbulkan dalam Peraturan Mesyuarat 1 akan dijawab oleh Menteri. Akan tetapi dalam hal itu terpaksa kita sisihkan satu jam untuk berbahas. Siapakah yang menghalang Yang Berhormat untuk menimbulkan yang Yang Berhormat timbulkan itu dalam nanti membahaskan Ucapan Diraja yang boleh juga dijawab oleh Menteri yang berkenaan. Itu sebabnya Yang Berhormat. Bukan saya menghalang dan tidak nampak isu itu adalah isu yang tidak serius. Itu bezanya.

Jadi kalau Yang Berhormat mahu bincang fasal soal itu, tunggu saya mempengerusikan mesyuarat, berdiri, saya bagi Yang Berhormat *chance* untuk bercakap. Kalau 20 minit Ahli Yang Berhormat bercakap, saya bagi 20 minit cakap fasal hal itu sahaja, *selecting prosecution* dan akan dijawab. Sama. Tidak payah mengesampingkan agenda yang ada. Harus faham itu semua. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi sekarang saya difahamkan bahawa yang berbahas seterusnya ialah Yang Berhormat Permatang Pauh dan Yang Berhormat Permatang Pauh ada 15 minit lagi. Sila Ketua Pembangkang.

**11.37 pg.**

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semalam saya ucapkan tahniah walaupun Tuan Yang di-Pertua tidak ada dalam Dewan.

Keduanya dalam menjunjung kasih Titah Tuanku Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ditekankan soal menghormati perlembagaan, ditekankan soal ketelusan dan oleh yang demikian, saya ingin memulakan dengan menyentuh apa yang disebut oleh Yang Berhormat Sepang tentang pendakwaan terpilih. Peranan Peguam Negara ini sudah lama, banyak dibincangkan di Parlimen, bertahun-tahun tetapi nampaknya tidak berani disentuh oleh pemimpin-pemimpin kerajaan. Ini juga menimbulkan banyak persoalan mengapa seorang yang begitu tercemar dan dikritik kerana pendakwaan terpilih berulang kali dibiarkan begitu bermaharajalela.

Soalnya tidak kita pertikai hak mendakwa siapa. Yang Berhormat Tuan Chua Tian Chang, Tamrin Tun Abdul Ghaffar, Harith Ibrahim dan yang paling akhir Yang Berhormat Dato' Husam Musa. Akan tetapi siapa dalam negara ini boleh pertikai bahawa isu yang disebut serangan yang *seditionous* ini hanya berkaitan kononnya dilibatkan dengan ahli-ahli dan pimpinan pembangkang atau Pakatan Rakyat. Jadi maknanya, dalam sistem pelaksanaan 1Malaysia ini ada dua undang-undang. Satu untuk mempertahankan semua keterlanjuran dan pelanggaran dan jenayah yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional dan satu hanya menyerang dan menggunakan institusi termasuk Peguam Negara di Jabatan Peguam Negara. Saya ingin penjelasan langsung dari Menteri berkenaan dengan keterangan langsung dari Peguam Negara untuk mempertahankan pendiriannya.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]*

■1140

Isu yang penting bagi kita juga yang ditekankan dalam Titah Tuanku Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengenai perlembagaan. Saya beri contoh, yang kita bicarakan tentang kedudukan orang-orang Melayu memartabatkan apa yang dimaktubkan dalam perlembagaan. Mengapa mutu penguatkuasaan Bahasa Kebangsaan tidak ditingkatkan sejajar dengan kedudukannya sebagai Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi? Dalam perkembangan peningkatan bahasa serantau di Indonesia, Brunei, malah dalam beberapa aspek Singapura sendiri, kita dapat kesan mutu penguasaan Bahasa

Melayu jauh lebih mantap di luar negara berbanding dengan apa yang diusahakan dalam negara kita. Media rasmi kerajaan, program-program rasmi kerajaan, program-program latihan khusus untuk mengangkat martabat dan perluasan penggunaan bahasa itu tidak dilakukan. Ini bukan masalah Cina, bukan masalah DAP dan bukan masalah pembangkang. Ini isu yang dipersetujui oleh semua. Ia hanya dijadikan laungan modal politik murahan tetapi tidak ada tindakan yang berkesan.

Oleh yang demikian, saya menggesa kerajaan supaya lebih telus dan ikhlas dalam melaksanakan Program Memartabatkan Bahasa dan mengangkatnya sewajar sebagai suatu bahasa ilmu dan bahasa budaya. Sama dalam keadaan dalam memartabatkan kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan. Siapa yang mempertikaikan kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan? Siapa yang mengatakan bahawa negara ini akan jadi negara Kristian dengan menyerang Ketua Menteri Kerajaan Pulau Pinang umpamanya? Ini hanya menjadi satu laungan dan propaganda politik murahan. Akan tetapi dalam masa yang sama, pelanggaran hukum dan pencemaran agama, fitnah dan lain-lain diteruskan. Jadi tidak konsisten.

Saya fikir elok kerana ini disebut selain daripada Titah Tuanku, soal Perlembagaan; Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebut tentang *maqasid* syariah. *Maqasid* itu harus dijelaskan bahawa *maqasid* itu bermakna mempertahankan kemurnian agama, maruah manusia, mempertahankan prinsip keadilan, kemurnian hukum. Kalau kita bicarakan soal *maqasid* syariah dan umpamanya membiarkan pelanggaran dan kemaksiatan termasuk penyebaran arak dan perjudian seperti yang berlaku sekarang. Maka *maqasid* itu hanya menjadi slogan yang tidak memberikan kesan dan makna.

Kita bicarakan soal kepentingan Melayu dari segi ekonomi dan saya dapat kesan sepanjang kempen PRU, rakan-rakan terutamanya pimpinan Kerajaan UMNO dan NGO yang mereka pelihara, menyerang kita sebagai mengkhianati amanah Melayu.

Saya hendak beri contoh, apa berlaku selepas PRU? Ada tiga keputusan penting yang dibuat oleh pemimpin Melayu setelah mendapat kononnya mandat Melayu yang masih dipertikai. Akan tetapi tidak, apa dia? Suruhanjaya Sekuriti mengambil langkah pertama, dua hari selepas pilihan raya iaitu meluluskan sukuk RM580 juta kepada syarikat atas permohonan Tan Sri Syed Mokhtar. Ini sahaja Melayu yang dipelihara. Beras, gula, kereta api, PROTON, pelabuhan, apa lagi?...

**Beberapa Ahli: POS.**

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** POS dan PUSPAKOM. Jadi ini sahaja.

**Seorang Ahli: Bank Muamalat.**

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Bank, ya. Ini saya tahu Yang Berhormat Pasir Salak tetapi dia tidak berkeupayaan bahas sekarang.

Akan tetapi, ya tidak mungkinlah Melayu ini hanya jadi satu lambang dan saya ulang Tuan Yang di-Pertua, tidak ada negara yang saya tahu yang memberikan kelulusan semudah dan begitu kepada satu syarikat menguasai puluhan industri dan kepentingan strategik dalam negara. Ini tidak diubah begitu dasar, dan kalau kita tegur dia kata, "*Mengapa sanggup Yang Berhormat Permatang Pauh tegur Melayu?*" Hah! Ini bukan soal Melayu tetapi soal tidak telus, ada unsur rasuah, penyelewengan dan menggondol kekayaan bagi satu syarikat kroni, bagi pihak pemimpin.

Kedua, keputusan yang penting yang dihebahkan oleh *Sarawak Report* baru-baru ini ialah kelulusan kepada satu syarikat perjudian kroni, bilion ringgit, kepentingan minyak di Persisiran Sarawak kepada Ananda Krishnan sejurus selepas pilihan raya...

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Nerus bangun Yang Berhormat.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Ya, hadiah...

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Kuala Nerus, minta penjelasan sedikit.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Sekejap sahaja.

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebut Yang Berhormat Permatang Pauh tadi menimbulkan persoalan yang disebut oleh Al-Quran, Surah Al-Hasyr: 7... [Membaca sepotong ayat al-Quran] Bermaksud "supaya harta-harta tidak hanya berlegar di kalangan orang-orang kaya sahaja". Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Ini persekitaran kelompok yang menjadi prinsip mereka. Dia BR1M kepada rakyat, 'broom' sapu bagi pemimpin.

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Jadi saya terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Nerus... [Tepuk]

Jadi kita kena minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, mengapa *secret agreement approval* kepada syarikat Tan Sri Ananda Krishnan dan kepentingan minyak di Sarawak, mengapa tidak ada sistem yang lebih telus? Mengapa kepentingan rakyat Sarawak tidak diambil kira selain daripada kepentingan rakyat lain? [Tepuk]

Ketiga, kelulusan besar yang ketiga ialah kepada Tan Sri Kaneswaran, seorang peniaga baru yang rapat dengan pemimpin negara ini yang diberikan lesen televisyen *ABN Media Group* untuk *ABN News* itu satu hal. Akan tetapi mendapat pinjaman mudah dan proses yang *elaborate* RM500 juta dari Bank Pembangunan... [Tepuk] Saya hendak tanya, RM500 juta dari Bank Pembangunan kepada satu syarikat tauke kaya kroni berbanding dengan ribuan perusahaan usahawan kecil terutama di kalangan Melayu bumiputera yang miskin, yang menyokong kita dengan titik peluh mereka tidak diberikan pertimbangan, ditolak mudah begitu tetapi satu syarikat kroni kaya, Tan Sri Kenneth Eshwaran itu diberi RM500 juta untuk satu *channel television* yang baru. Ini sebagai contoh apa yang diambil tindakan bertentangan dengan Melayu-Melayu ini...

**Seorang Ahli: Hidup Melayu!**

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Satu hal yang lain ialah tentang kesan Yang Berhormat Menteri kedua-dua tadi mendedahkan tentang TPPA dan juga soal GST. TPPA pada prinsipnya kita tidak pertikai dan Malaysia perlu untuk meneruskan rundingan dengan semua negara baik FTE dan juga TPPA. Cuma soal yang kita bangkitkan ialah dalam TPPA ini, jawapan Yang Berhormat Menteri ialah dalam masa rundingan dia peruntukan itu perjanjian itu rahsia. Betul! Akan tetapi di semua negara prinsip-prinsip itu dijelaskan. Sekarang kita tidak tahu. Parlimen tidak tahu, tidak ada maklumat seperti mana perjanjian Malaysia dengan Australia soal imigresen. Ia tidak tahu sampai sekarang. Apa dia *terms* walaupun telah dipersetujui.

Saya tahu dalam FTA dalam proses perundingan. Yang Berhormat Ketereh pun tahu bahawa dalam urusan perundingan kita tidak boleh dedahkan tetapi prinsipnya itu harus dimaklumkan. Kebimbangannya seperti mana disebut oleh Ahli Yang Berhormat daripada Klang tadi, berdasarkan pengalaman Uruguay dengan Australia itu harus memprihatinkan kita. Ia tidak semudah itu. TPPA ini bukannya FTA biasa. Tekanannya kuat, pengaruh Amerika menekan juga sangat kuat. Jadi sementara pada prinsipnya kita setuju dengan perundingan, tetapi rakyat harus diberi maklum apa kesannya terutama peniaga dan syarikat. Saya tahu Dewan Perniagaan Melayu umpamanya membantah dan keluar dalam sidang kerana peruntukan itu mereka anggap akan membebankan syarikat-syarikat kecil, syarikat baru bumiputera.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Pandan mohon mencelah.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Sila, sila.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Permatang Pauh...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Cuma hendak ingatkan satu minit lagi untuk Yang Berhormat Permatang Pauh, ya.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** *Alright.*

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** TPPA, apabila sesebuah negara apabila sesebuah negara memasuki satu Perjanjian Perdagangan Bebas termasuklah TPPA,

tujuannya ialah untuk membuka pasaran di kedua-dua buah negara kepada industri-industri yang baik di kedua-dua buah negara mendapat pasaran baru.

■1150

Bersetujukah Yang Berhormat Permatang Pauh jika saya katakan bahawa apabila TPPA ini dilaksanakan, oleh sebab nilai dagangan kita adalah kepada negara-negara seperti Singapura dan China lebih banyak, daripada pasaran-pasaran yang ada dalam negara TPPA ini, akhirnya hanya syarikat-syarikat kroni besar sahaja yang akan mendapat manfaat daripada TPPA ini, sedangkan peniaga dan usahawan biasa akan terus terpinggir?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Ringkas sahaja Tuan Yang di-Pertua untuk menyatakan bahawa kesan TPPA ini yang memprihatinkan ialah kerana peruntukan yang dianggap menekan itu tidak dimaklumkan kepada rakyat. Ini *concern* yang amat penting.

Saya akan hanya menutup dengan menekankan sedikit tentang GST kerana Menteri beri gambaran seolah-olah ia akan dilaksanakan dalam masa terdekat walaupun tidak diberitahu tarikh persis. Ini kerana negara memerlukan hasil tambahan.

Kita juga tidak mengatakan tidak harus ada reformasi percukaian. Dia gunakan alasan kebanyakan negara laksanakan. Kebanyakan negara laksanakan adalah negara-negara yang jauh lebih maju, sistem percukaian lebih telus. Kita kena mulakan untuk hentikan pembaziran. Kita kena tentukan ketelusan dalam *procurement policy*. Kalau kita boleh jimatkan seperti mana Laporan Ketua Audit Negara, berpuluh-puluh bilion ringgit, kita mulakan itu dahulu. Kita tingkatkan pendapatan rakyat. Selesaikan masalah pengangguran yang tinggi.

Pengangguran di kalangan siswazah dan dikatakan 80%, dan paling kurang siswazah Melayu bumiputera adalah sekitar 80,000 orang. Selesaikan dalam soal-soal itu dahulu, baru fikirkan GST. Kalau kita sudah mula bazir, wang tidak cukup, kemudian perkenalkan GST, ini yang dibantahkan. Teranglah banyak mana pun melainkan Yang Berhormat dari Melaka mengatakan GST itu bagus. Kesannya tidak ada, ini saya hendak pertahankan.

Yang saya tahu, *I stand corrected*, tidak ada negara di dunia yang melaksanakan GST yang mengatakan, tidak ada kesan inflasi dan kesan kepada rakyat bawahan. *No countries in the world*. Kalau Malaysia hendak buat *exception*, dia boleh berikan penjelasan. Tidak ada negara di dunia yang mengenakan. Cuma mereka mampu laksanakan bila mutu pendapatan rakyat itu meningkat tinggi. Jadi, kesan 5%, 7% *across the board* itu tidak dirasakan terlalu keras. Akan tetapi, bagi kita pendapatan rakyat yang begitu rendah, berilah pengecualian. Akan tetapi kalau kita faham GST itu, pengecualian itu tidak realistik kerana sistem itu sistem yang telus. Dari segi sistem percukaian, saya tidak nafikan GST adalah sistem percukaian yang lebih efisien dan telus.

Soalnya ialah pelaksanaannya itu juga lebih membebankan rakyat. *Efficiency* ini adalah untuk cukai, orang yang buat kaya dahulu. Bukan efisien mengenakan cukai bagi rakyat berpendapatan rendah. Berkaitan dengan itu, sebagai contoh umpamanya sebagai hadiah selepas PRU berbeza dengan sebelum PRU termasuk bagi rakyat Kuala Krau. Minta maaf, bergurau sahaja... [*Disampuk*] laitu barang dan perkhidmatan. Ini contoh untuk pengetahuan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Walaupun disebutkan nama Kuala Krau tetapi tidak akan diberikan masa tambahan.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** [*Ketawa*] Ya, tahu. Satu minit saya terima.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat. Mengenai isu masa tambahan bagi Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya ingin membawa kepada perhatian Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 35(7) memang menyatakan bahawa Tuan Yang di-Pertua boleh menghadkan masa bagi Ahli-ahli bercakap, akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, ini tidak terpakai kepada Ketua Pembangkang. Itu adalah tradisi Komanwel.

Semalam pun Tuan Yang di-Pertua telah merujuk kepada *Erskine May* dan *House of Commons*. Jika *Erskine May* edisi ke-24, muka surat 437 dirujuk, jelas dinyatakan bahawa memang Ketua Pembangkang tidak termasuk di dalam menghadkan masa. Jadi,

saya mengesyorkan, mencadangkan supaya Tuan Yang di-Pertua membenarkan mengikut tradisi Komanwel dan juga *Westminster* dan juga *Erskine May* dan juga Peraturan Mesyuarat 35(7) tidak terpakai. Hanya Ahli-ahli bukan Ketua Pembangkang. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Terima kasih di atas pandangan Yang Berhormat Padang Serai. Akan tetapi kita sebenarnya diberi peluang untuk perbincangan sehingga 4 Julai dan urusan-urusan kerajaan yang lain banyak lagi hendak kita uruskan. Kecuali Ahli-ahli pembangkang yang lain tidak berminat untuk bercakap, serahkan kepada Ketua Pembangkang sahaja bercakap.

Jadi, semestinya aturan-aturan begitu tidak terpakai di dalam Parlimen kita. Konvensyennya bahawa kita diberikan peluang kepada semua Ahli-ahli berucap sama ada pembangkang dan juga pihak Barisan Nasional. Jadi, Tuan Yang di-Pertua telah membuat *ruling* bahawa 15 minit diberikan kepada Yang Berhormat Permatang Pauh setelah dua jam lebih. Jadi, saya minta satu minit lagi. Terima kasih atas pandangan Yang Berhormat Padang Serai.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Ya, saya terima. Walaupun dari segi tradisi, saya di Parlimen sebelah sana pun lama, memang tidak pernah Tuan Yang di-Pertua menghalang, melainkan meminta jasa baik ada. Akan tetapi oleh kerana saya hormat kepada jawatan, saya terima jasa baik itu dan selesaikan dalam masa satu minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Cuma hendak sebut ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Aman Dewan kita kalau ikut Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Terima kasih.

Barang dan perkhidmatan. Saya hendak berikan gambaran mengapa bahayanya kita membicarakan soal GST tanpa melihat kepada beban kepada rakyat. Umpamanya, susu tepung formula kanak-kanak *Dumex dugro*. Sebelum PRU, RM18, selepas PRU RM22. Kenaikan 22%. Tahniah BN. Roti *Gardenia* sebelum PRU, RM2.10, selepas PRU RM2.40. Ini Syed Mokhtar punya. Naik 14%. Tambang bas ekspres akan naik 30%.

Kalau ini dilakukan, kemudian kita bercakap soal efisien, cara percukaian GST yang efisien yang menekan rakyat di bawah, bagilah pengecualian, dia terus akan membebankan.

Sekali lagi saya ucapkan terima kasih dan mengulangi kenyataan menjunjung kasih atas Titah Tuanku Yang di-Pertuan Agong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Dijemput Yang Berhormat Ketereh. Diingatkan 40 minit ya, Yang Berhormat Ketereh.

11.57 pg.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** *Insya-Allah* kalau tidak ada gangguan. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Alhamdulillah rabbil 'aalamiin. Wassolaatuwassalaamuala 'asyrafilnbiyyai'walmursaliin. Wa'alaah aliihi waashaabihi ajma'in, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian untuk turut menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Ke Bawah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Lenggong, dan seterusnya disokong oleh Yang Berhormat Tanjong Piai.

Seperti mana yang kita semua maklum, Titah Ucapan Diraja di Dewan ini adalah sebahagian daripada perkara yang termaktub dalam Perlembagaan, dan ianya mempunyai pengertian yang sangat mendalam. Pertamanya, Titah ini adalah perkara yang terkandung dalam Bahagian IV, Bab 4, Perkara 60, Perlembagaan Persekutuan. Ia bukan satu ucapan yang biasa. Ianya juga melengkapkan kedudukan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan

Agong sebagai sebahagian daripada Parlimen. Seperti mana terdapat dalam Bahagian IV, Bab 4, Perkara 60, Perlembagaan Persekutuan.

Yang di-Pertuan Agong menjalankan tanggungjawabnya sebagai Ketua Utama Negara sekali lagi dimaktubkan dalam Perlembagaan Bab 1, Bahagian IV, Perkara 32. Justeru itu, Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tidak boleh disindir dengan apa juga cara yang boleh merendahkan martabat dan kedudukan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong seperti mana ada dilakukan di luar Dewan oleh beberapa anggota yang berada di dalam Dewan ini. Perkara itu amat dikesalkan.

#### ■1200

Syukur *alhamdulillah*. Kita juga baru mendengar ucapan Ketua Pembangkang yang kebetulannya telah pun meninggalkan Dewan kerana barangkali beliau kurang berminat untuk mendengar ucapan-ucapan orang lain. Saya gembira melihat Ketua Pembangkang sudah pun menunjukkan beberapa perubahan-perubahan.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua telah melafazkan sumpah di dalam Dewan ini yang sekali lagi merupakan sebahagian daripada perkara yang terdapat dalam perlembagaan untuk kita menunaikan tanggungjawab kita di dalam Dewan ini bukan sahaja secara menurut peraturan tetapi dengan penuh rasa tanggungjawab. Kita agak rasa kebimbangan di peringkat awal apabila terdapat ugutan untuk tidak melakukan angkat sumpah ataupun secara langsung atau tidak langsung ingin menghina proses yang telah terdapat dalam perlembagaan.

Namun begitu, kita ingin mengucapkan tahniah kepada Pembangkang yang akhirnya barangkali kerana terdapat *wisdom* di kalangan sebahagian daripada mereka yang kita tahu terdapat ramai di kalangan Pembangkang yang begitu arif tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan hal undang-undang. Mereka telah berjaya untuk membendung emosi dan sentimen sebahagian daripada mereka yang hampir-hampir mengambil tindakan yang mungkin membawa kepada gambaran bahawasanya Parlimen ini mungkin terhina kerana perbuatan-perbuatan yang sedemikian.

Kita ucapkan tahniah. Malah, saya merasa bangga dengan beberapa pemimpin pembangkang yang baru, yang dapat menunjukkan tahap kefahaman terhadap perkara ini dengan secara begitu konsisten daripada awal lagi. Berbanding dengan sebahagian daripada *senior* mereka termasuk saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Pasir Mas misalnya, yang pertama kali ke Dewan ini tetapi menunjukkan pendirian yang tegas. Tahap yang begitu matang dalam membuat pendirian-pendirian berbanding dengan Ketua Pembangkang sendiri.

Akan tetapi tidak mengapa Tuan Yang di-Pertua, kerana kita boleh memahami. Apabila selesai pilihan raya berlaku dan apabila *expectation* yang tinggi tidak tercapai, maka sudah tentu *frustration* juga begitu memuncak tinggi. Ini menyebabkan sebahagian daripada sahabat-sahabat kita daripada kalangan pembangkang dilanda perasaan, rasa kecewa yang memuncak. Itu mungkin boleh kita fahami. Maklumlah dalam pilihan raya yang dianggap sebagai, *'the mother of all the battle'*. Gambaran yang diberikan oleh pembangkang bahawasanya "ini kalilah", mereka akan berupaya dengan segala taktik dan strategi mereka untuk mengalahkan dan menjatuhkan Kerajaan Barisan Nasional dengan berbagai cara dan pendekatan yang mereka lakukan.

Dengan pelbagai pendekatan dan janji yang mereka taburkan. Mereka percaya bahawasanya pendekatan mereka itu akan dapat menjatuhkan Barisan Nasional sehingga ada yang mendoakan supaya KO Barisan Nasional. Mereka akan bergerak ke Putrajaya dan sebagainya. Akan tetapi *alhamdulillah*, manusia merancang, Allah S.W.T menentukan. Doa untuk KO Barisan Nasional itu tidak dimakbulkan oleh Allah S.W.T tetapi kita bersyukur sebaliknya Kerajaan Barisan Nasional tetap utuh hingga ke hari ini dan bersedia untuk menunaikan tanggungjawab dan mandat yang diberikan oleh rakyat. *[Tepuk]*

Sebaliknya KO Barisan Nasional itu bertukar tangan. Beberapa negeri di bawah pembangkang kembali kepada Barisan Nasional. Pembangkang KO di Kedah dan tahniah, Kedah kembali kepada Barisan Nasional. *[Tepuk]* Pemimpin-pemimpin kanan daripada pembangkang di peringkat timbalan presiden dan naib presiden terKO oleh Barisan Nasional kerana manusia merancang tetapi Allah S.W.T jua yang menentukan...

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]:** *[Bangun]*

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Maka, kekecewaan pembangkang boleh kita fahami. Namun kita berharap janganlah sentimen dan kekecewaan itu boleh membawa kerosakan yang lebih besar kepada proses...

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]:** Minta laluan.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** ...Dan amalan demokrasi berparlimen yang kita amalkan dalam negara kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Pasir Mas bangun.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Titah Seri Paduka Baginda...

**Seorang Ahli: [Menyampuk]**

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Betul, betul, betul, betul. Silakan adinda.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Sila, sila.

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Ketereh, sedarkah Yang Berhormat Ketereh dalam soal doa, doa KO Barisan Nasional itu tidak berakhir dengan pilihan raya yang ke-13? Terima kasih. [Tepuk]

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Bagus orang yang berilmu ini. Memang betul doa itu tidak semestinya berakhir Pilihan Raya Ke-13. Allah pun, kalau Allah mahu beri *favor* kepada Barisan Nasional, tidak setakat Pilihan Raya ke-13. [Tepuk]

Bukan adinda tetapi anakanda ini. Saya katakan tadi, kekecewaan itu jangan sampai kita merosakkan peranan dan tanggungjawab kita sebagai Ahli Parlimen yang telah dipilih oleh rakyat supaya kita konsisten dalam setiap pendirian dan tindakan kita. Jangan seperti sesetengah daripada kita, semata-mata kerana berubah tempat duduk dan kerusi, kita telah bertukar wajah menjadi orang lain yang sebenarnya rakyat akan tetap dapat menilai kita sepanjang tindak tanduk kita. Sepanjang perjalanan politik kita. Kita akan terus dinilai sejauh mana kita konsisten dalam pendirian dan pendekatan kita. Saya merasa lega kerana akhirnya Ketua Pembangkang telah menyampaikan ucapan dalam Dewan ini, yang telah mengambil masa yang begitu panjang sekali. Beliau telah menyebutkan juga berakhirnya beberapa perkara yang kita turut bersetuju. Soal bahasa, soal agama dan sebagainya tetapi yang ingin kita tegaskan di sini ialah soal kita menjunjung undang-undang dan peraturan ini tidak juga boleh dilakukan secara terpilih.

Dalam hal-hal tertentu, kita inginkan supaya kita mengikuti peraturan-peraturan dan perlembagaan. Akan tetapi dalam banyak hal kita mendorong dan mengajar anak buah kita supaya mempersyaitkan apa juga peraturan dan undang-undang yang ada. Saya bimbang kalau sekiranya kita mempunyai sikap yang seperti ini, negara kita akhirnya akan dipimpin dan diperintah oleh orang-orang yang bersifat dua muka dan dua alam. Siang lain, malam lain. Siang malaikat, malam menjadi iblis dan akhirnya keseluruhan nasib dan masa depan negara diperjudikan dengan kata-kata yang lunak dan manis tetapi pada amalan adalah tidak sebegitu.

Ketua Pembangkang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tuaran bangun. Sila.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Yang Berhormat Ketereh, boleh saya balik kepada *point* awal tadi yang hal-hal luar itu, boleh?

Dalam pilihan raya kali ini, PRU Ke-13 ini, nampaknya pihak pembangkang ini sering menggunakan Tuhan. Menggunakan agama untuk meraih undi. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa, di beberapa tempat di negeri Sabah sehinggakan ada pihak yang mengatakan satu undi untuk Barisan Nasional, satu *Bible* terbakar. Sehinggakan begitu sekali dan secara kebetulan kita mengundi pada hari Ahad. Paginya, umat Kristian bersembahyang. Ada pemimpin-pemimpin agama tertentu telah menggunakan kesempatan itu untuk menyatakan hal demikian.

■1210

Selepas sembahyang bercerita lagi tentang hal begitu dan selepas itu dia pergi mengundi. Dengan menggunakan perkara-perkara yang sebenarnya tidak betul dan sehingga pada hari ini kita masih menuntut apakah ada Bible yang terbakar kerana mengundi Barisan Nasional. Satu yang tadi itu berdoa supaya kerajaan jatuh, bertukar dan sebagainya. Jadi bolehkah, adakah Yang Berhormat bersetuju, jika sekiranya jangan kita peralatkan Tuhan dan agama semata-mata untuk meraih undi sebab kita ini bercerita hal-hal rakyat. Ini bukan pasal Tuhan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Ringkaskan Tuaran.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Jadi persoalan saya adakah Yang Berhormat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Ambil masa Ketereh ini.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** ...Jangan terlalu banyak menggunakan agama ini, ketuhanan ini semata-mata untuk meraih undi. Terima kasih.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Berkaitan agama dalam hal-hal politik malah seharusnya begitu kerana agama dan politik itu tidak dapat dipisahkan. Akan tetapi barangkali apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Tuaran ini menggunakan agama semata-mata bagi kepentingan diri dan atas perkara yang tidak selari dan tidak selaras dengan tuntutan agama itu sendiri. Itu memang kita kesalkan.

Tuan Yang di-Pertua berbalik kepada soal menjunjung perlembagaan itu tadi dan juga soal konsistensi dan sebagainya. Saya melihat kepada Ketua Pembangkang kalau dilihat kepada pendekatannya, ideanya, pandangannya memang hebat. Namun saya percaya Ketua Pembangkang juga sedar menguruskan kerajaan tidak semudah seperti mana yang lazim digambarkan oleh pihak pembangkang. Namun begitu kita memerlukan pembangkang, kita harus dengar suara pembangkang, kita harus beri ruang kepada suara pembangkang, kerana itu kita harap akan dapat melengkapkan lagi kesempurnaan perjalanan pengurusan kerajaan dalam konteks Demokrasi Berparlimen.

Akan tetapi jangan keterlaluan sampai menghina semua orang lain kerana sejarah telah membuktikan kalau dulu Ketua Pembangkang pernah menjadi hero membela soal kepentingan belia, Allah SWT mentakdirkan beliau menjadi Menteri Belia dan Sukan. Berapa banyak masalah yang beliau sempurnakan? Beliau dulu adalah hero membela soal kemiskinan. Allah SWT mentakdirkan beliau menjadi Menteri Kewangan. Dulu beliau adalah hero kepada para pelajar, Allah mentakdirkan beliau menjadi Menteri Pendidikan. Beliau menjadi hero kepada kemiskinan petani di Baling, Allah memberi peluang kepada beliau untuk menjadi Menteri Pertanian.

Persoalannya sepanjang lebih daripada satu dekad beliau menduduki di kerusi yang berkuasa termasuk sepuluh tahun bersekali dengan saya dalam Kabinet, apakah beliau berani menyatakan beliau telah menyempurnakan, memperelok, melaksanakan segala yang beliau bicarakan sewaktu beliau sebelum menjadi Menteri. Sudah tentu keupayaan beliau sendiri telah kita sukai.

**Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Pasir Puteh

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Sila, sila.

**Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya bagi pihak Ketereh pernah menjadi Menteri adakah tercapai apa yang sepatutnya dilakukan oleh Menteri pada masa itu atau menimbulkan skandal yang besar pada Ketereh. Terima kasih. [Tepuk]

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Pasir Puteh, pandai betul dan ia mengiakan lagi apa yang saya kata. Saya tidak pernah kata bila saya jadi Menteri, saya dapat selesaikan semua. Saya juga tidak kata waktu saya jadi Menteri, saya bersih segala-galanya. Itu yang saya maksudkan supaya Ketua Pembangkang menerima realitinya supaya berpada-pada dalam menyerang kerajaan supaya beliau tidak



dilihat sebagai mempunyai sifat-sifat bertalam dua muka dan berwajah tidak sama bila berada dalam dua kedudukan yang berbeza.

Saya cukup gembira kerana kita menyempurnakan majlis angkat sumpah dan membolehkan Dewan ini mula bersidang kerana lama juga kita menanti untuk bertemu wajah, bertemu muka dengan rakan-rakan dalam pembangkang, yang sering barangkali di luar Dewan ini kita berbicara tanpa ada perbahasan. Kita berbicara secara sehalu, kita menganjurkan ceramah-ceramah. Kita mengadakan rapat-rapat umum atau demonstrasi-demonstrasi jalanan tetapi di sinilah tempat yang sewajarnya. Tempat di sini kalau kerajaan tidak bertanggungjawab, dia bakal ditegur. Pada masa yang sama juga pihak pembangkang juga mesti bersedia untuk berdepan dengan kita, untuk kita juga menegur. Itulah indahnya proses demokrasi berparlimen dalam negara kita.

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]:** *[Bangun]*

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Sebab itu Duli Yang Maha Mulia titahkan apabila pilihan raya telah selesai...

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]:** Minta laluan. Bachok, Bachok. Anakanda.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Sila, sila Bachok.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Bachok. Sila, sila.

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Ketereh kerana memberi ruang. Saya ingin merujuk kembali kepada apa yang disebut tentang doa daripada ulama daripada Kelantan. Sebenarnya doa tersebut adalah merupakan manifestasi daripada rakyat yang dizalimi. Setujukah Yang Berhormat Ketereh untuk bersama-sama dengan kami, wakil-wakil rakyat, Ahli Parlimen daripada Kelantan untuk menghilangkan kezaliman tadi supaya mengembalikan royalti kepada Kelantan dan membina apa yang disebut sebagai lebuhraya yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kelima lagi. Kalau ini masih lagi dinafikan maka jangan salahkan rakyat Kelantan kalau mereka terus berdoa kerana doa orang yang dizalimi ini sangat mustajab oleh Allah SWT.

Saya ingin memetik apa yang disebut oleh Nabi SAW *[Membaca sepotong hadis Nabi]* Bermaksud: *"Takutlah kamu kepada doa orang yang dizalimi kerana doa mereka sangat di mustajab Allah SWT"* Sekian.

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua minta penjelasan, laluan.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Yang Berhormat Ketereh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Siapa, Jelutong?

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Ketereh. Saya cuma hendak mendapatkan penjelasan berkenaan dengan adab dan tertib doa yang dikatakan dibaca oleh ulama dari Kelantan. Adakah boleh kita dalam berdoa ini, doa supaya orang pecah perut, berdoa supaya Perdana Menteri pecah perut. Adakah ini tertib yang diajar dalam Islam? Adakah itu dinamakan doa orang yang dizalimi kerana dia mendoakan kepada orang pecah perut itu lebih teruk dari dizalimi. Terima kasih.

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]:** Minta laluan. Ketereh, Ketereh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Ya Bachok, Bachok duduk Bachok.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab orang yang mengepalai doa itu tidak ada dalam Dewan ini dan saya percaya Bachok, Pasir Mas yang baik-baik dia tidak akan buat macam itu. Jadi saya tidak payah panjang hendak mengulas tentang relevan tidak relevan doa itu. Tinggal lagi soal dakwaan doa orang yang dizalimi, saya juga fikir ini biarlah Allah yang menentukan siapa

yang sebenarnya menzalimi siapa. Biarkan Allah yang menentukan kepada siapa yang dia hendak makbulkan doa itu.

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]:** Minta laluan sebab soalan daripada Yang Berhormat tadi dia minta penjelasan berkaitan doa kalau saya tidak jelaskan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Tidak boleh begitu Bachok.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Saya sudah jawab sudah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Kita kena tanya kepada Ketereh.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Beralih pada isu lain Yang Berhormat Ketereh.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Kembali kepada ucapan saya tadi bahawasanya soal konsistensi ini juga akan menentukan kewibawaan dan kewibawaan inilah yang akhirnya menjadi sukatan kepada siapa rakyat ingin memberikan kepercayaan. Kemenangan Barisan Nasional adalah semata-mata kerana rakyat ingin menolak daripada demonstrasi jalanan kepada politik pembangunan yang memberi kesejahteraan kepada mereka. Rakyat barangkali ingin menolak gagasan pakatan yang telah rapuh kepada satu Barisan Nasional yang padu yang mempunyai rekod dan sejarah yang tersendiri.

Rakyat barangkali ingin memberi signal untuk tetap tidak memberi peluang memerintah bagi orang yang banyak mengapi-apikan sentimen tetapi kosong dari segi prestasi.

#### ■1220

Sebab itu kemenangan Barisan Nasional dalam pilihan raya yang lepas memang satu tentangan yang sangat hebat kita hadapi. Saya tak pasti siapa yang dizalimi. Barisan Nasional difitnah, Ketua Pembangkang mendakwa bahawasanya kerajaan tidak memberikan ruang kepada media milik kerajaan untuk mereka pergunakan tetapi dunia tahu segala media yang ada yang lain telah dipergunakan oleh mereka sepenuhnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Langat bangun.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Akan tetapi akhirnya rakyat yang telah membuat ketetapan.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Ada dua yang bangun, Yang Berhormat Ketereh.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Ketereh, minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Ketereh nak bagi yang mana?

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Tak apa, kita bagi pembangkang.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Yang Berhormat Ketereh kerana lebih *gentleman* daripada Yang Berhormat Lenggong. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ketereh, adakah Yang Berhormat menafikan sokongan rakyat 51.7% nak dibandingkan dengan 47% yang diterima oleh Barisan Nasional? Apakah Yang Berhormat Ketereh menidakkan apa yang diberikan ruang yang telah diberikan kepercayaan kepada Pakatan Rakyat dan dalam masa yang sama Yang Berhormat Ketereh tidak boleh menafikan hak rakyat Malaysia menyuarakan pandangan mereka. Kita kena faham *efficiency* itu terletak pada individu yang melaungkan dasar dan kerangkanya

dan tidak boleh kita nafikan itu hak rakyat. Apakah Yang Berhormat Ketereh bersetuju dengan saya? Terima kasih.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju pasal Yang Berhormat Kuala Langat ini tengah dok *confuse* barangkali sebab tak pernah menang, baru menang, itu dia tengah *confuse*.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Perbetulkan Yang Berhormat Ketereh. Dua penggal Yang Berhormat Ketereh, dua penggal. Dua penggal majoriti 400%. Jangan nafikan hak rakyat Kuala Langat.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya cukup suka dengan soalan yang macam ini.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Ketereh baru 800 sahaja lebih. Jangan berlaku sombong dan bongkak.

*[Dewan riuh]*

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya nak mengulangi sekali lagi malah ada dalam ucapan saya nanti tentang soal *popular vote* ini tetapi oleh kerana Yang Berhormat Kuala Langat telah bertanya, maka saya mengambil kesempatan nak menegaskan sekali lagi. Saya tidak menafikan hak pembangkang untuk merasa bangga dengan apa yang mereka istilahkan *popular vote*, itu adalah hak mereka. Akan tetapi dalam sistem Parlimen dalam negara kita ini, perkara itu adalah tidak relevan. *[Dewan riuh]* Nak bangga dapat berapa peratus, silakan. Saya dah kata tadi.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** *[Bangun]*

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Sebelum saya nak beri peluang kepada Yang Berhormat, saya nak baca pantun supaya *relax* sikit. Saya nak baca pantun, pantun tentang *popular vote* ini. Kenapa heboh tentang *popular vote* walaupun ini tidak menjadi sistem pilihan raya kita.

*Dari Lenggong ke Tanjung Piai,*

*Permatang Pauh tempat memuja,*

*hajat menggunung tidak tercapai,*

*mencari salah pengubat duka.*

Satu lagi pantun, satu lagi pantun.

*Di Padang Merbok menaiki van,*

*punggah pengikut buat demonstrasi,*

*undi popular tidak relevan,*

*modal lapuk, idea dah basi.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Ada tiga yang bangun, Yang Berhormat Ketereh.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Biar saya jawab dulu lepas itu saya bagi. Saya nak jawab dulu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Langat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Duduk, duduk.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Yang Berhormat Kuala Langat jangan keluar. Nak kencing? Baru sikit nak terkencing dah? Duduk dulu.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Saya tak kencing, saya nak dengar apa dia jawapan Yang Berhormat Ketereh.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Sila, sila.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Kita bergelanggang anak jantan.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Okey, sila duduk. Baik, soal undi popular. Saya dah katakan tadi barangkali kita, Kerajaan Barisan Nasional pun teringin nak mengiktiraf soal undi popular kalau ada beberapa prasyarat yang setimpal dengan kaedah mengira undi popular. Kita tahu dalam pilihan raya baru-baru ini gagasan pakatan hanya satu gagasan yang mempunyai *common enemy* untuk nak mengalahkan Barisan Nasional tetapi mereka tidak dapat menghidangkan kepada rakyat satu dasar yang mereka bersetuju bersama. Sebab itu mereka bertanding atas kapasiti parti masing-masing. Mereka membawa dasar masing-masing. Ketua Pembangkang nak menghalalkan penggunaan kalimah Allah oleh orang-orang bukan Islam tetapi pemimpin PAS sendiri menolak penggunaan kalimah Allah oleh orang-orang bukan Islam. Pemimpin-pemimpin parti PAS bertegas nak menegakkan negara Islam, nak melaksanakan hudud tapi Yang Berhormat Bukit Gelugor dan DAP terang-terang menolak pelaksanaan hudud.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Minta laluan, minta laluan.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Cuma strategi pembangkang ialah cuba meraih maksimum undi. Apabila berdepan dengan pengundi Melayu dan Islam, membawa perkara-perkara agama Islam. Bila berada di bandar depan pengundi-pengundi Cina, bermain sentimen-sentimen Cina, akhirnya mereka bertembung, mereka dapat banyak undi. Tidak ada apa yang boleh dibanggakan bila mendapat *popularity vote* dengan cara yang sedemikian. [Tepuk] Kita tunggu pilihan raya akan datang. Saya syorkan kepada kerajaan kalau sekiranya pembangkang minta nak wujudkan satu lambang, satu parti, satu dasar.... [Dewan riuh]

**Ahli-ahli Pembangkang:** Luluskan, luluskan, luluskan.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Luluskan. Jangan jadi penakut. Kita sudah tunggu tiga tahun...

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Kita hanya bertanding dua parti dan di situ kita akan ukur soal *popular vote* tapi sekarang belum masanya lagi.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Luluskan kalau berani. Kenapa tidak meluluskan pendaftaran kami? Kalau cakap...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat-Yang Berhormat.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** ...Tetapi forum yang sebenar, luluskan pendaftaran, barulah anak jantan. Ini tidak, di sini cakap sebagai ketulusan tapi yang sebenarnya tidak ada kejantanan untuk memberi ruang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat-Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Ketereh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Ketereh, saya nak ingatkan.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Yang belum lagi, yang lain dah kena satu dua das dah cukup, yang belum lagi. Siapa lagi yang hendak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Ketereh, sekejap ya. Duduk. Sebelum diberikan kepada Yang Berhormat Sepang, duduk sekejap semua Yang Berhormat, sila duduk.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Ketereh, minum sekejap boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat, sila duduk dulu.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Okey, nanti saya bayar kat luar.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Tuan Yang di-Pertua, minum kejap. Nanti masuk balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Saya ingatkan masa Yang Berhormat Ketereh ada sepuluh minit lagi. Sila Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Ketereh. Saya nampak Yang Berhormat Ketereh ini kadang-kadang bercakap dia terlupa fakta. Contoh paling mudahlah, kemenangan Yang Berhormat Kuala Langat pun dia tak tahu berapa kali.

Okey, saya nak tanya kepada Yang Berhormat 'keterer' Ketereh. *[Dewan riuh]* Biasalah, *slip of tongue* itu biasalah. Yang Berhormat, kita tahu bahawa Yang Berhormat menang 800 undi sahaja. Jadi saya nak tanya Yang Berhormat, Yang Berhormat tak rasa ke bersalah apabila Yang Berhormat itu pernah terbabit dengan skandal PPRT, tiba-tiba Yang Berhormat nak bertanding juga, tak rasa bersalah kah? Tak rasa bersalah kah, tak rasa membohongi rakyat kah?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** *Popular vote, popular vote.*

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya seronok bagi peluang kepada pembangkang ini tanya saya dan soalan-soalan yang macam ini saya hendak. Dia nak membangkitkan soal yang saya terlibat dalam skandal PPRT kerana saya disiasat oleh BPR, itulah pendirian saya. Kalau ada tuduhan sila siasat, *no problem*. Akan tetapi perbuatan Yang Berhormat menghina orang yang disiasat oleh SPRM itu, menghina rakan-rakan yang sampai ke peringkat bukan sahaja disiasat, didakwa malah menjadi banduan. Jangan Yang Berhormat menghina rakan-rakan Yang Berhormat yang lain. Kalau setakat siasat, saya rasa ramai kita kena siasat dan saya pun sukarela, tidak ada masalah. Kalau Yang Berhormat ada lagi butir-butir lain nak beri, silakan *no problem*.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat, laluan. Tidak didakwa itu sebab berlakunya *selective prosecution*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Dia tak boleh macam ini Yang Berhormat, tak boleh macam ini. Ini dialog ini, ini kita dalam perbincangan.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sebab berlakunya *selective prosecution* lah tidak didakwa.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Inilah watak pembangkang, inilah watak pembangkang. Kalau saya tak bagi dia bercakap, kita tak akan nampak kebobrohan macam ini.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Yang Berhormat Ketereh, minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Ketereh, ada tiga orang Yang Berhormat bangun ini Yang Berhormat. Yang Berhormat Jerantut, Simpang Renggam dan Sepang.

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Tuan Yang di-Pertua, tentang soal *popular vote* ini untuk maklumat Dewan yang mulia ini, kita lihat kalau kita mengulas keputusan Pilihan Raya Umum Ketiga Belas, walaupun DAP dapat kerusi 38, PKR dapat kerusi 30 tetapi kalau kita lihat peratusannya, *popular vote* yang didapati oleh PKR adalah sebanyak 20.39% tetapi DAP hanya 15.71%. Kalau kita nak katakan siapa dapat *popular vote* lagi tinggi, patut Pulau Pinang haruslah diserahkan kepada PKR, bukan DAP. *[Dewan riuh]*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Inilah menunjukkan Gerakan yang tak tahu kira berapa kerusi DAP bertanding.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Ketereh, tolonglah, *popular vote*. Yang Berhormat Ketereh, jawab sekalilah, bagi Kuantan dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat-Yang Berhormat tak boleh macam ini.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Tahu kira tak?

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Bagi Kuantan peluang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Ini *floor* Yang Berhormat Ketereh, kalau Yang Berhormat Ketereh bagi laluan baru boleh kita berucap.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk meneruskan ucapan saya daripada menghabiskan masa atas polemik perkara yang tidak relevan dengan perlembagaan ini, pasal *popular vote* ini.

■1230

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Ketereh. Bagilah peluang kepada Kuantan. Takkan takut pada wanita.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Tidak bagi laluan Yang Berhormat. Yang Berhormat Temerloh dan Yang Berhormat Kuantan.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Ketereh, takkan takut pada wanita. Bagi peluanglah.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Yang Berhormat Kuantan kesian pula. Saya bagilah sebab orang rumah saya orang Kuantan. Saya kena bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Kuantan.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Terima kasih Yang Berhormat Ketereh. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Ketereh berkenaan dengan popular *vote* tadi ya. Adakah Yang Berhormat Ketereh merasakan bahawa jumlah kerusi Parlimen bagi Pakatan Rakyat kurang daripada Barisan Nasional walaupun popular *vote* itu lebih oleh kerana *malapportionment* jumlah pengundi di kawasan-kawasan.

Contoh yang saya ingin berikan, Ketereh mempunyai 62,217 pengundi berbanding dengan Serdang. Serdang ada 133,000 pengundi. Subang ada 128,000 pengundi, Puchong 107,000 pengundi, Kelana Jaya 101,000 pengundi, Hulu Langat 127,000 pengundi, Gombak 123,000 pengundi. Kalau kita ada enam Parlimen ini..

**Tuan Manivannan a/Gowindasamy [Kapar]:** Kapar jangan lupa.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** ...Kita bagi jumlah. Kapar pun sama.

**Tuan Manivannan a/ Gowindasamy [Kapar]:** Kapar jangan lupa.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Kapar pun sama, 144,000 pengundi.

**Tuan Manivannan a/ Gowindasamy [Kapar]:** Kapar yang paling besar.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Kalau tujuh Parlimen ini...

**Tuan Manivannan a/ Gowindasamy [Kapar]:** Paling besar di Malaysia.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Kalau tujuh Parlimen ini kita bagi jumlah pengundi sama macam Ketereh sudah jadi 14 Parlimen. Jadi, *malapportionment* ini yang membuatkan sumbing ataupun tidak betul sistem pembahagian jumlah pengundi dengan jumlah Parlimen.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** [Bangun]

**Seorang Ahli:** Lain kali. Lain kali kita buat macam itu. Lain kali.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Saya minta Yang Berhormat Ketereh beri penjelasan.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Saya setuju Yang Berhormat. Yang Berhormat ini masih *confuse* lagi.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Ketereh, boleh tidak sekejap?

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Saya terangkan sekali lagi. Apabila kita ingin memasuki pilihan raya dalam negara ini, kaedah, proses, sistem, peraturan telah pun terlebih awal termaktub di dalam perlembagaan. Yang Berhormat kalau tidak biasa buka perlembagaan saya tunjukkan pada Yang Berhormat. Yang Berhormat buka bahagian...

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Ini bukan peraturan. Ini pembahagian. *[Dewan riuh]*

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** ...Yang kelapan.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Pembahagian pengundi yang tidak sama rata. Yang Berhormat Ketereh tidak faham apa yang saya cakap. Yang Berhormat Ketereh tidak faham.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Perkara 113 sampai 120 dalam perlembagaan telah menghuraikan parameter dalam keadaan bagaimana pilihan raya akan diadakan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh minta penjelasan.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Yang Berhormat jangan pergi ke padang, niat, pakai baju, pakai kasut, pakai jersi hendak main bola tetapi bila kalah suruh hitung cara badminton. *[Dewan riuh] [Ketawa]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh?

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Ketereh, perkara ini telah pun diketengahkan kepada SPR Yang Berhormat Ketereh. Oleh sebab itu kita kata SPR tidak bagus, tidak betul.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat Ketereh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Ketereh, mana satu? Yang Berhormat Kuantan atau Yang Berhormat Kinabatangan?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kinabatangan. Dia bagi Kinabatangan.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Ketereh tidak faham apa yang saya cakap. *[Dewan riuh]* Saya kata perkara ini sudah pun dikeluarkan, diketengahkan kepada SPR, yang SPR buat tuli, buat pekak tak mahu dengar. Oleh sebab itu kita kata pilihan raya ini tidak adil.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Yang Berhormat, saya sudah kata tadi, analisa Yang Berhormat untuk tujuan akademik boleh tetapi dalam konteks perlembagaan itulah kaedah dan cara yang telah kita laksanakan. *[Tepuk]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh minta penjelasan?

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Yang Berhormat ada faham?

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Kalau begitu kita maktubkan di dalam *Hansard* bahawa Yang Berhormat Ketereh setuju SPR bersekongkol dengan Barisan Nasional untuk memenangkan Barisan Nasional dengan cara yang tidak betul. *[Dewan riuh]*

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Yang Berhormat ini faham bahasa Melayu atau tidak?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh minta penjelasan Yang Berhormat Ketereh?

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Saya tidak ada sentuh langsung lagi soal SPR bersekongkol dengan siapa ataupun siapa. Yang Berhormat, sebenarnya Dewan ini cukup bertoleransi dalam soal kita berbahas.

Sebenarnya kalau semalam saya perhatikan sehingga ada yang menyebut nama anggota ataupun pegawai-pegawai ahli Suruhanjaya Pilihan Raya. Kalau mengikut buku Peraturan Majlis Mesyuarat, perilaku individu yang dalam suruhanjaya-suruhanjaya tertentu tidak boleh disabitkan di sini tanpa membawa usul yang khusus.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sebutlah aturan berapa. Sebutlah aturan berapa.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** ...Dewan ini menyediakan kaedah kalau kita ingin membicarakan tetapi sekali lagi dalam Dewan ini segala-galanya kita lebihkan kepada pembangkang. Jadi, Ketua Pembangkang ada elaun besar.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Ketereh, boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Ketereh.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Jadi pembangkang boleh bercakap panjang. Jadi pembangkang sekarang ini dapat jawab soalan banyak. Saya ucap tahniah kerana Parlimen ini memberi ruang yang cukup kepada pembangkang. Saya pun tidak puas-puas, bagi peluang walaupun saya ini pesan orang kampung tentang masalah Kelantan tidak bawa lagi dalam Parlimen ini.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh Yang Berhormat Ketereh, sekejap? Sedikit.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Ya, Timbalan Pengerusi BBC.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat Ketereh. Yang Berhormat Ketereh sedarkah, sebetulnya budak kampung saya pun tahu mengira. Tahu peraturan pilihan raya. Yang wakil-wakil rakyat pembangkang ini ada doktor, *lawyer* tetapi betul orang kampung saya kata, yang *lawyer* itu dia kata 'lauya' itu Yang Berhormat jangan dengar. Apakah dia kalah dia ukur kira popular vote. Kita bukan di Amerika, bukan di Philippines, bukan di Indonesia! Sistem pilihan raya kita, kita menang satu undi pun kita menang! Menang satu kerusi pun kita menang! Di Terengganu, Barisan Nasional menang dua kerusi, kita memerintah. Di mana lagi? Di Kelantan, dahulu satu kerusi PAS menang, menang tidak ada popular. *You* nak meraih popular, raihlah. Kita hendak menang hati rakyat. Hendak memerintah. Setujukah Yang Berhormat Ketereh? *[Ketawa]*

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Tuan Yang di-Pertua, bijak sungguh Yang Berhormat Kinabatangan. Saya setuju.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Minta laluan Yang Berhormat Ketereh.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Saya masa dah nak habis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Tinggal lima minit lagi Yang Berhormat Ketereh.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Saya minta izin Tuan Yang di-Pertua untuk meneruskan ucapan saya kerana ada beberapa perkara penting.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Tidak bagi peluang Yang Berhormat Temerloh dan Yang Berhormat Bukit Katil?

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Saya hendak berkata sedikit tentang SPR.

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Ketereh, minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Tidak bagi laluan.



**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Minta laluan.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Saya berani menegaskan bahawa soal SPR ini, kita dalam Barisan Nasional pun bukan semuanya kita senang hati.

**Beberapa Ahli:** Ya betul. Betul.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Akan tetapi kita menghormati kedudukan SPR pada kedudukan yang kita letakkan mereka mengikut perlembagaan. Oleh kerana perlembagaan pula menyediakan ruang dan kaedah mengikut saluran dan peraturan. Kalau kita ingin menegur SPR, rasa tidak puas hati dengan pilihan raya telah ada dalam perlembagaan tentang cara dan prosesnya. Akan tetapi kalau kita tidak puas hati dengan pilihan raya, kita pergi ke jalanan sedangkan peraturan menyediakan cara yang lain, itu bukan satu cara yang baik untuk kita sebagai Ahli-ahli Parlimen. Kita tidak menggunakan hak dan keistimewaan yang diberikan kepada kita.

Sebenarnya soal *electoral roll* yang tidak bersih. Ini bukan hanya menjadi igauan kepada pembangkang. Kita dalam Barisan Nasional pun pening. Buka dalam *electoral roll*, bila buat semakan, kita dapati beribu-ribu orang yang memang kita tidak kenal. Begitu juga dengan Ketua Pembangkang menyenaraikan nama orang yang tidak dikenali tetapi kita faham dalam proses ini, dalam negara kita apabila seseorang mendaftar telah ada tempoh untuk kita membuat bantahan. Kemudian, kalau kita tidak menggunakan ruang itu, waktu itu untuk membantah, bila seseorang itu cuba mendaftarkan nama kemudian nama mereka telah terdaftar di dalam *electoral roll* itu, kita tidak mempunyai kuasa untuk mengeluarkannya. SPR sendiri tidak boleh membuat proses pembersihan dengan membelakangkan peraturan dan undang-undang.

Di Kelantan misalnya saya tahu, rakan-rakan kita daripada parti-parti yang lain mempunyai pengundi-pengundi yang bermastautin di seberang sempadan, di luar negara, di negara lain, rakan-rakan parti politik tertentu di Kelantan menghantar wakil berkursus, berceramah, berkempen sehingga lambang parti mereka dihantar ke negara lain. Kita tahu. Kita juga pernah ada pengalaman bagaimana orang-orang tertentu memegang kad pengenalan yang orang-orangnya berada di seberang sempadan tetapi oleh kerana nama itu telah ada, tidak banyak yang kita boleh buat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** [Bangun]

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Kita juga mengalami masalah di kawasan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bintulu bangun di belakang.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Ya sila.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Yang Berhormat Ketereh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Ketereh ada dua minit lagi.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tidak mengapa ini SPR. Saya mahu minta pandangan sedikit daripada Yang Berhormat Ketereh. Kita selalu kata SPR bantu Barisan Nasional tetapi kali ini saya punya kawasan Bintulu, saya punya *counting agent* kena kunci di luar, tidak boleh masuk kira undi. Di dalam cuma pegawai SPR sama *counting agent* daripada DAP, seberapa *counting centre*. Jadi, saya mahu tanya ini, SPR bantu Barisan Nasional atau bantu DAP? Minta komen sedikit.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Saya rasa betul mungkin ada tempat-tempat yang pembangkang telah dibantu oleh SPR pun boleh jadi juga.

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Ketereh, minta laluan.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Akan tetapi isu di sini..

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Ketereh, minta laluan. Di sini Batu Kawan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Masa Yang Berhormat Ketereh sudah hendak habis. Masa sudah habis.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Labuan minta laluan.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Saya hendak habiskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Sila gulung, sila gulung.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Saya hendak sudahkan ucapan saya.

#### ■1240

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu soal SPR ini sekali lagi kalau kita hendak memperbaiki terus atau mengadakan *electoral reform* ataupun mengadakan kaedah-kaedah penambahbaikan. Saya rasa proses ini adalah satu proses yang boleh terus berjalan dari semasa ke semasa. Tinggal lagi kita akan memberikan input dan juga memberikan pengesyoran-pengesyoran mengikut kaedah dan saluran-saluran tertentu agar SPR ini dapat melakukan penambahbaikan kerana adalah menjadi impian bagi kita semua agar proses pilihan raya dalam negara kita berjalan dengan cara yang sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa yang sudah agak terbatas dan saya tidak sempurna dalam ucapan saya yang pertama selepas 13 tahun meninggalkan Dewan ini untuk membawa beberapa mesej yang ada kaitannya dengan soal Kelantan. Kebetulanannya kerana tadi ada dibangkitkan oleh adinda saya dari Bachok tentang kononnya Kelantan adalah menjadi negeri yang dizalimi. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, Kelantan adalah negeri yang paling bernasib baik.

Walaupun 23 tahun berada di dalam diperintah oleh pembangkang yang tidak mempunyai keupayaan kerana sebab-sebab tertentu yang mereka sendiri akui, tidak berupaya untuk melakukan banyak bagi negeri, tetapi *alhamdulillah*, rakyat Kelantan rata-rata dapat menikmati kehidupan yang agak baik, dapat menikmati pelbagai kemudahan kerana dasar Barisan Nasional yang memegang tampuk pemerintahan di Putrajaya tidak pernah mengamalkan dasar untuk memencilkan rakyat dan negeri Kelantan. [Tepuk] Soal yang menyatakan Kelantan dizalimi ini adalah suatu *approach* dan pendekatan politik bagi membolehkan pihak yang memerintah Kelantan mendapat simpati daripada rakyat.

Saya ingin mengemukakan bukti di sini yang lazimnya tidak disebut dan biasanya dikesampingkan tetapi ia adalah fakta. Antaranya, Rancangan Malaysia Kelapan, Rancangan Malaysia Kesembilan dan Rancangan Malaysia Kesepuluh, kerana Barisan Nasional persekutuan telah pun melaksanakan – Ini bukan dalam perancangan, yang telah dilaksanakan di Kelantan sebanyak 4,365 projek dengan nilai peruntukan RM10.3 bilion yang telah Kerajaan Pusat laburkan di Kelantan. [Tepuk] Fakta ini tidak pernah dibawa.

Pada masa yang sama, ingin saya tegaskan pada setiap tahun Kerajaan Pusat memberikan pelbagai bantuan kepada Kerajaan Negeri Kelantan dalam jumlah mencapai ratusan juta dalam pemberian-pemberian seperti pemberian mengikut bilangan orang, pemberian berdasarkan pada kekurangan belanja akaun mengurus, hatta membuat bayaran perkhidmatan. Bukan sahaja memberikan projek kepada kerajaan Kelantan, bagi setiap projek Kerajaan Pusat laksanakan di Kelantan, 10% kerajaan membayar kepada akaun kerajaan negeri sebagai bayaran perkhidmatan atas projek-projek Kerajaan Persekutuan. Pembayaran diberi di bawah pemberian tahap, pemberian kerajaan pertama ada hasil, pemberian tahunan kepada PBT, pemberian kepada pelbagai lagi. Bagi tahun 2012 sahaja, berjumlah RM381 juta.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, bayaran setiap tahun yang diberikan kepada Kerajaan Negeri Kelantan adalah...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Banyak, banyak.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Lebih tinggi daripada yang ke Barisan Nasional membayar kepada negeri-negeri yang diperintah oleh

Barisan Nasional sendiri. Jumlah bayaran yang diberikan kepada akaun kerajaan negeri adalah lebih tinggi daripada apa yang Barisan Nasional beri kepada Kerajaan Negeri Kedah, RM381 juta. Kedah hanya RM333 juta.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Lebih tinggi daripada Kerajaan Barisan Nasional Melaka yang hanya RM265 juta.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Banyak, banyak.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Lebih tinggi daripada yang diberikan kepada Kerajaan Barisan Nasional Negeri Sembilan ...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Ketereh.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Yang berjumlah hanya RM240 juta.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Ketereh.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Lebih tinggi daripada yang diberikan kepada Kerajaan Barisan Nasional Pahang, negeri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Ketereh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kapar, duduk Yang Berhormat.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Yang hanya berjumlah RM359 juta.

**Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]:** Banyak, banyak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Ketereh, sila habiskan ayat tersebut. Sila habiskan ayat itu. Gulung. *[Disampuk]*

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Ini gulunglah Yang Berhormat. Tidak habis lagi gulung. *[Ketawa]* Negeri Perlis RM138 juta, Terengganu hanya RM272 juta berbanding dengan Kelantan RM381 juta. *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua, kesejahteraan negeri Kelantan sekarang dalam pelbagai aspek kehidupan adalah kerana dasar Kerajaan Barisan Nasional tidak jemu-jemu menang atau kalah untuk membantu Kerajaan Negeri Kelantan seperti mana yang telah saya buktikan. *[Tepuk]*

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Tuan Yang di-Pertua, ini semua duit rakyat bukan duit Barisan Nasional.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Oleh kerana itu, saya ingin mengambil kesempatan di dalam Dewan yang mulia ini dalam menggulung ini untuk memohon kepada Kerajaan Persekutuan. Pertama...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini gulung apa...

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Untuk mengekalkan...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini sudah terbelit sudah ini.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Dasar membantu Kelantan dan rakyat Kelantan. Dalam hubungan ini juga, saya ingin menyeru kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, terdapat beberapa program yang sangat mendesak bagi negeri Kelantan walaupun ditakdirkan Kelantan masih juga tidak diperintah oleh Barisan Nasional. Akan tetapi perkara-perkara ini adalah sangat diperlukan bagi rakyat Kelantan.

Saya ingin memohon kepada Perdana Menteri untuk mempertimbangkan perkara-perkara berikut. Pertama, lapangan terbang di negeri Kelantan adalah antara lapangan terbang yang paling sibuk dalam negara kita. Lapangan terbang yang paling banyak memberikan keuntungan kepada beberapa buah syarikat-syarikat penerbangan dan lapangan terbang ini telah menjadi semakin sesak dan semakin sempit. Saya

mengesyorakan kepada kerajaan agar mempertimbangkan supaya lapangan terbang Kelantan ini diperbesarkan dan dinaikkan taraf sehingga menjadi lapangan terbang antarabangsa sejajar dengan kedudukannya pada masa ini.

Kedua, yang disebutkan oleh adinda saya dari Bachok dan beberapa yang lain tentang keperluan lebuh raya terutamanya lebuh raya Kota Bharu ke Kuala Krai. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana telah pun meluluskan dan telah pun tender dipanggil bagi fasa pertama Kota Bharu ke Kadok yang kebetulannya dalam kawasan Parlimen saya. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merayu kepada kerajaan kerana lebuh raya ini adalah sangat penting. Ia tidak boleh hendak dipolitikkan walaupun kerajaan negeri ada melancarkan lebuh raya rakyat, hendak buat lebuh raya dengan kutip derma. Itu tidak mengapalah. Itu cara mereka. Akan tetapi kalau kita hendak tunggu lebuh raya itu Tuan Yang di-Pertua, jawabnya sampai sudahlah Kelantan tidak mendapat lebuh raya. *[Disampuk]*

Maka sementara kita sokong, kita galakkan kerajaan negeri membuat lebuh raya mereka, janganlah Kerajaan Pusat berhenti daripada melaksanakan projek lebuh raya ini.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Maka saya ingin merayu...

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Minta laluan.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya lebuh raya ini tidak berhenti setakat Kadok.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Lebuh raya, ini tanggungjawab Kerajaan Persekutuan.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Saya ingin mengesyorkan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Rantau Panjang, tidak beri laluan Yang Berhormat.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Agar Perdana Menteri mempertimbangkan lebuh raya ini pun sekurang-kurangnya dari Kota Bharu melalui Ketereh sampai ke Machang sebab ini dua-dua Parlimen di bawah Barisan Nasional, ia telah menolak wakil rakyat PKR yang tidak berfungsi selama ini. Penolakan wakil-wakil rakyat PKR dalam kedua-dua kawasan ini dan juga Tanah Merah Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja ditolak oleh orang-orang UMNO. Sebenarnya kawan-kawan saya dalam PAS pun tolong undi saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Saya mengucapkan terima kasih Yang Berhormat Ketereh.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Tuan Yang di-Pertua, minta dua minit lagi untuk gulung ini. *[Dewan riuh]* Yang ini adalah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Habiskan ayat itu.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Pesanan daripada orang kampung, yang akhir sekali. Tuan Yang di-Pertua, 29 hari bulan ini *final* FA Cup. Di Johor pun gempar, di Kelantan pun gempar. Kita tahu, yang ini saya tahu pembangkang pun sokong. Semalam Ketua Pembangkang telah mengisytiharkan di Dewan yang mulia ini, saya mengucapkan terima kasih. Dia kata dalam soal bola, dia sokong saya, *alhamdulillah*. Jadi Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh sekat *point* ini. Juga kawan saya dari Kota Bharu pun adalah orang kuat bola.

Kita juga hendak merayu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, walaupun sekali lagi Kerajaan Negeri Kelantan sudah buat stadium yang lebih besar. Stadium itu, *sport city* itu *multi-purpose stadium*. Apa yang saya hendak bercakap ini adalah stadium untuk bola sepak sahaja kerana saya khawatir stadium yang ada sekarang ini memang bersaiz kecil, membahayakan penonton, takut tidak selamat. Maka antara perkara-perkara yang saya harapkan Kerajaan Pusat akan pertimbangkan adalah untuk membina

stadium. Stadium ini kalau hendak bina tidak ada tanah, saya tolong cari tanah Kerajaan Persekutuan yang berada dalam kawasan Parlimen Ketereh, *insya-Allah*.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, adalah masalah bekalan air. Ini yang paling penting Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Ini berapa kali akhir ini Yang Berhormat?

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Ini yang terakhir, terakhir. Tadi separuh akhir. Ini akhir. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, masalah air. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, terdapat beberapa ribu petani terutamanya di bawah sistem pengairan KADA telah terlewat dua bulan untuk menanam padi kerana masalah bekalan air tidak dapat disampaikan. Bekalan air di Kelantan ini sering terganggu, tidak seperti di Kedah kerana sistem di Kedah sistem mengepam air menggunakan sistem graviti. Akan tetapi sistem bekalan air di Kelantan di bawah Rancangan Kemubu, menggunakan sistem mengepam yang mana air sungai berada lebih rendah daripada permukaan sawah padi. Ia terpaksa menggunakan pam.

#### ■1250

Pada masa ini mengikut laporan daripada jabatan yang terbabit, dalam setahun beberapa bulan dan semakin lama semakin panjang tempohnya, paras air kurang daripada 4.5 meter *above sea level* yang memungkinkan sistem-sistem pam untuk berfungsi. Apabila sistem pam ini tidak dapat berfungsi Tuan Yang di-Pertua seluas 29,000 hektar tanah yang bertanam padi itu tidak dapat hendak ditanam. Tuan Yang di-Pertua, akibat daripada kegagalan menanam ini, kerugian pada keseluruhannya petani dan juga kerajaan lebih kepada RM300 juta.

Subsidi input tidak dapat digunakan, hasil padi tidak dapat bertanam, jumlahnya ratusan juta. Akan tetapi kerajaan masih lagi menggunakan pendekatan *piecemeal* di cuba dibuat beberapa empangan-empangan kecil untuk menaikkan *water level* di rumah pam tertentu. Saya ingin merayu kepada kerajaan tolong jangan membuat pendekatan yang *piecemeal* begini kerana sesuatu empangan bernilai RM50 juta. Kita mempunyai tiga, empat rumah empangan sudah menelan RM200 juta.

Oleh kerana itu, saya ingin mengesyorkan agar kerajaan khususnya Kementerian Pertanian menimbangankan dengan serius untuk membina sebuah baraj yang membolehkan menukar sistem mengepam tali air Kemubu, jelapang padi kedua terbesar dalam negara kita daripada sistem *pumping* kepada sistem graviti. Ini hendaklah dilaksanakan dengan segera kerana setiap satu musim, kita rugi dua, tiga ratus juta. Kalau berlaku dalam masa dua tahun, tiga tahun kos yang hilang adalah lima, enam, tujuh ratus juta berbanding dengan kos membina 'baraj' yang barangkali hanya RM100 atau RM150 juta.

Dalam hal ini saya minta kepada kerajaan agar mempertimbangkan perkara ini dengan segera. Oleh kerana ini baru hari awalan persidangan, kita ada banyak lagi masa lain, saya ucapkan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Maka saya dengan ini menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Lenggong yang disokong oleh Yang Berhormat Tanjong Piai untuk menyampaikan, mempersembahkan Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Diraja di Dewan yang mulia ini. Terima kasih *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Terima kasih ya, sila Yang Berhormat Gelang Patah.

#### 12.52 tgh.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Yang pertama saya ucap tahniah Tuan Yang di-Pertua dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertua. Semalam saya ada menghadiri untuk menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kepada Dewan yang mulia ini. Semalam saya ada terima dua surat daripada Setiausaha Parlimen yang mengeluarkan soalan-soalan yang saya ada kemukakan.

Satu ialah mengenai subjek pendakwaan terpilih yang tadi sudah menjadi tajuk perbincangan yang meminta Perdana Menteri mengatakan adakah kerajaan mengamalkan

pendakwa terpilih dan mengapa bekas Hakim Mahkamah Rayuan Datuk Mohd Noor Abdullah dan bekas Ketua Pengarah Pelajaran Tan Sri Datuk Wira Abdul Rahman Haji Arshad tidak didakwa meskipun membuat kenyataan yang berunsur hasutan dan perkauman selepas PRU-13.

Soalan yang kedua ialah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapa beliau mudah tertipu dengan propaganda tidak berasas bahawa kononnya terdapat 3,000 orang tentera siber *Red Bean Army* yang dibiayai DAP dengan membelanjakan sebanyak RM100 juta sehingga sebillion ringgit sejak enam tahun lalu. Perkara ini *Red Bean Army* pun berada ini ada dibangkit dan saya pernah kata bahawa ini semua tidak benar oleh sebab tidak berasas, DAP tidak ada membiayai apa-apa *Red Bean Army*.

Kita tidak keluar satu sen pun dan untuk mengeluarkan palsu, fitnah, pembohongan tapi hari ini saya faham kenapa ada cerita-cerita direkakan oleh sebab ada laporan bahawa ada satu cadangan mahu peruntukan RM250 juta oleh UMNO supaya lawan *Red Bean Army*...[*Dewan riuh*] Sangat jelas bahawa inilah satu mereka yang mengeluarkan palsu-palsu ini, fitnah-fitnah ini adalah *vested interest*. Mereka mahu pemimpin-pemimpin UMNO membelanjakan RM250 juta untuk lima tahun supaya *fight Red Bean Army*. Bukan *fight Red Bean Army* untuk memperkayakan mereka sendiri sekarang... [*Tepuk*]. Inilah tujuan dan matlamat yang sebenarnya barulah hari ini saya faham kenapa ada itu cerita-cerita *Red Bean Army*, itulah oleh sebab mereka adalah faedah sendiri. Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Peraturan...

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Sejurus...

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Peraturan. Tuan Yang di-Pertua, Peraturan 36(6)...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Duduk Yang Berhormat Gelang Patah.

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Seseorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat kepada atas sesiapa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tasek Gelugor.

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Jadi saya minta Tuan Yang di-Pertua sila yang berkenaan Yang Berhormat Gelang Patah tarik balik, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Ini Yang Berhormat Tasek Gelugor saya sangkakan ini bukan sangkaan jahat. Sila teruskan...[*Tepuk*]

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Keputusan Pilihan Raya Umum ke-13 diumumkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ada membuat perjanjian untuk mengadakan rencana pendamaian nasional atau *national reconciliation* walaupun niat pengumuman itu mungkin baik, akan tetapi tindakan dan kata-kata Yang Amat Berhormat dan beberapa Menteri Kabinet dan Ahli-ahli Barisan Nasional itu beliau menunjukkan bahawa mereka tidak ada keinginan ataupun keikhlasan untuk menunaikan rencana ini.

Pandangan yang sesat dan salah ini bahawa berpunca daripada pandangan bahawa ia adalah satu tsunami Cina yang menaikkan BN kalah tujuh lagi kerusi Parlimen berbanding dengan PRU ke-12 dan gagal untuk memenangi kembali Kerajaan Negeri Selangor dan Pulau Pinang. Manakala pada hakikatnya ia adalah tsunami Malaysia yang menyaksikan perwakilan pembangkang diperkukuhkan lagi di peringkat persekutuan dan negeri.

Tanpa kesedaran ini, tanpa komitmen untuk tidak membalas dendam dan sebaliknya untuk melaksanakan reformasi yang luas. Rancangan pendamaian nasional Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah gagal sebelum ia bermula. Ia bukan satu tsunami Cina yang membolehkan Pakatan Rakyat untuk mengekalkan Kerajaan Negeri Kelantan. Ia bukan satu tsunami Cina yang hampir menyaksikan pakatan rakyat memenangi Kerajaan Negeri Terengganu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Gelang Patah, Yang Berhormat Kinabatangan bangun.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Sebuah negeri di mana 96 peratus daripada pengundi adalah pengundi Melayu. Ia bukan satu tsunami Cina yang membolehkan Pakatan Rakyat menambah kerusi Kuala Terengganu 88 peratus Melayu, Kuala Nerus 98 peratus Melayu, Dungun 96 peratus Melayu, Temerloh 64 peratus Melayu, Alor Setar 41 Melayu, Sepang 57 peratus Melayu dan Penampang 66 peratus Sabah bumiputera. Ia bukan satu tsunami Cina juga membolehkan PAS untuk menambah kerusi DUN di Selangor daripada lapan ke lima belas di mana semua kerusi DUN ini adalah kerusi majoriti pengundi Melayu... *[Tepuk]* Ia adalah tsunami Malaysia yang menyaksikan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kinabatangan Yang Berhormat. Yang Berhormat Kinabatangan.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Nanti-nanti. Petang-petang, Pakatan Rakyat menambah sokongan di Semenanjung Malaysia. Ia adalah tsunami Malaysia yang menyaksikan Pakatan Rakyat memenangi 713,000 lebih undi daripada Barisan Nasional di Semenanjung Malaysia.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau begitu saya keluar dulu Tuan Yang di-Pertua... *[Ketawa]*

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Ia adalah tsunami Malaysia yang membolehkan Pakatan Rakyat memenangi 51 peratus daripada jumlah undi, bermaksud bahawa Kerajaan Barisan Nasional yang berada sekarang adalah kerajaan yang disokong oleh minoriti. Ia adalah tsunami Malaysia yang menyaksikan kadar sokongan Barisan Nasional jatuh sebanyak lima peratus di negeri Perlis, di mana 85 peratus adalah pengundi Melayu. Ia adalah tsunami Malaysia yang menyaksikan kadar sokongan Barisan Nasional jatuh sebanyak 4.3 peratus di negeri Pahang di mana 70 peratus adalah pengundi Melayu. Ia adalah tsunami Malaysia yang menyaksikan kadar sokongan Barisan Nasional jatuh sebanyak tujuh peratus di negeri Sabah di mana 80 peratus adalah pengundi Sabah bumiputera.

Ia adalah tsunami Malaysia yang menyaksikan kadar sokongan Barisan Nasional jatuh sebanyak 10 peratus di negeri Johor di mana 53 peratus adalah pengundi Melayu, 39 peratus adalah pengundi Cina dan tujuh peratus adalah pengundi India. Pemimpin-pemimpin Barisan Nasional termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak mahu rakyat Malaysia malah penyokong-penyokong mereka sendiri untuk tahu bahawa terdapat sebanyak majoriti kerusi Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak di mana sokongan untuk BN itu telah jatuh dengan begitu ketara tetapi tidak mencukupi untuk BN kalah di kerusi-kerusi ini.

Misalnya di Kangar 81 peratus Melayu, sokongan UMNO jatuh 16 peratus, di Sungai Besar 66 peratus Melayu, sokongan UMNO jatuh 10 peratus, di Saratok 49 peratus Dayak, 44 peratus Melayu Melanau ini, Sarawak sokongan BN jatuh 24 peratus. Di Baram 70 peratus Dayak, sokongan BN jatuh 17.4 peratus. Di Sabah BN memenangi empat peratus, empat kerusi majoriti Sabah pula di Kota Marudu, Keningau, Tenom dan Pensiangan dengan kurang daripada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Gelang Patah kita sambung 2.30 ya. Pukul 2.30 kita sambung. Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

***[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.01 petang]***

■1430

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

***[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]***

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Gelang Patah sila

sambung. Berapa minit lagi Yang Berhormat perlu? 30 minit? 30 minit, okey. Gelang Patah? Ipoh Timur sudah berubah tempat. [Ketawa] Gelang Patah. 30 minit ya Gelang Patah.

### 2.33 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Tuan Yang di-Pertua, kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa keputusan Pilihan Raya Umum Ke-13 adalah bertanggungjawab akibat daripada tsunami Cina, memang tidak bertanggungjawab. Kenyataan beliau itu secara langsung dan tidak langsung menghantar isyarat kepada orang ramai bahawa masyarakat Cina boleh dihuraikan sebagai tidak setia kepada BN dan justeru itu tindakan sewajarnya perlu diambil terhadap komuniti ini.

Tidak lain daripada itu Timbalan Perdana Menteri pun ada dipetik sebagai berkata bahawa dengan izin, *quote "Mesej yang jelas adalah bahawa majoriti orang Melayu, India, bumiputera, Orang Asli, masyarakat Siam serta orang-orang di Sabah dan Sarawak masih menyokong BN. Kami akan terus memberikan mereka bantuan yang lebih besar. Itu yang kita akan lakukan"*. Dengan tidak memasukkan masyarakat Cina dalam kumpulan ini dan dengan tidak mengakui hakikat bahawa ramai orang Melayu, India, bumiputera, Orang Asli dan Siam juga tidak menyokong BN. Kenyataan Timbalan Perdana Menteri berkesan khususnya masyarakat Cina untuk dibantu kurang.

Bekas Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Mohd Noor Abdullah dalam forum *post PRU* yang dianjurkan oleh Persatuan Alumni UiTM Malaysia dan Gabungan Melayu Semenanjung memberikan amaran kepada orang-orang Cina untuk sedia menerima tindak balas atau *backlash* daripada orang Melayu oleh kerana dakwaan pengkhianatan mereka terhadap BN. Pada forum yang sama Tan Sri Abdul Rahman Arshad, Pro-Canselor UiTM menyeru supaya sekolah-sekolah vernakular dimansuhkan kerana ia menyalahkan sekolah-sekolah ini kerana menyebabkan polarisasi kaum yang mengakibatkan BN kehilangan undi popular dalam Pilihan Raya Umum Ke-13.

Baru-baru ini Ketua Menteri yang baru dari Melaka, Datuk Idris Harun telah memutuskan untuk menutup pasar malam Jonker Street kerana pengundi di sana tidak menyokong MCA dan secara lanjutan BN. Saya harap bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sebelum ini berkata bahawa akan berhubung dengan Kerajaan Negeri Melaka bolehlah memberi berita yang baik supaya menamatkan *national retaliation* usaha-usaha ini.

Tambah lagi siapa yang boleh lupa tajuk provokatif oleh *Utusan Malaysia* - '*Apa lagi Cina mahu?*'. Yang Amat Berhormat membuka pintu dengan kata-kata yang tidak bertanggungjawab iaitu kenyataan tentang tsunami Cina. Pemimpin-pemimpin BN yang lain hanya mengikuti jejak beliau. Ini merupakan satu lagi contoh yang jelas bahawa panggilan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk pendamaian nasional adalah satu janji kosong yang tidak akan ditepati. Kerajaan BN terus menyasarkan bukan sahaja pengundi Cina tetapi juga mengambil tindakan terhadap pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat dan aktivis NGO dan mengancam untuk mengambil tindakan terhadap rakyat Malaysia yang tidak menyokong Barisan Nasional.

Kebanyakan penganjur Black 505 perhimpunan awam telah didakwa di bawah Akta Perhimpunan Aman, satu akta yang sepatutnya melindungi hak untuk menganjurkan perhimpunan aman tetapi sebaliknya digunakan untuk menyekat hak ini. Ada juga yang telah didakwa di bawah Akta Hasutan kerana mereka menekankan keperluan ke perhimpunan awam untuk membantah ketidakadilan Pilihan Raya Umum Ke-13.

Mereka yang telah didakwa di Akta Perhimpunan Aman dan Akta Hasutan termasuk beberapa Ahli Parlimen termasuk Ahli Parlimen Ipoh Timur, Ahli Parlimen Batu. Husam Musa telah pun ditahan semasa dalam perjalanan beliau untuk menghadiri Perhimpunan 622 baru-baru ini di Padang Merbok. Malah bekas pemimpin UMNO seperti Tamrin Gaafar pun tidak dikecualikan dan telah didakwa di bawah Akta Hasutan. Kerajaan BN juga telah menyasarkan anggota NGO termasuk pemimpin pelajar seperti Safwan Anang dan Adam Adli serta pemimpin Asalkan Bukan UMNO (ABU), Haris Ibrahim dengan mendakwa mereka di bawah Akta Hasutan.

Terdapat pun kenyataan oleh Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Alias Ahmad yang berikan amaran bahawa passport warganegara Malaysia di luar negara boleh dibatalkan jika mana-mana daripada mereka teruskan aktiviti membantah keputusan PRU-13 di negara-



negara asing jika ada apa-apa yang ikhlas atau substantif mengenai slogan 1Malaysia Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ia adalah bahawa Kerajaan BN memang konsisten dalam tindakan menyasarkan rakyat Malaysia daripada pelbagai latar belakang selagi mereka menyuarakan sokongan mereka terhadap perhimpunan awam untuk membantah ketidakadilan PRU-13.

Ironinya ia seolah-olah macam strategi Perdana Menteri untuk mencapai pendamaian negara adalah untuk menyatukan pendapat awam terhadap Kerajaan Barisan Nasional melalui penindasan pemimpin-pemimpin PR, ahli-ahli NGO bahawa rakyat Malaysia yang mengelakkan masalah-masalah yang berkaitan dengan PRU-13, ini bukan pelan pendamaian negara tetapi sebaliknya pelan tindak balas nasional. Bukan *national reconciliation plan* tetapi *national retaliation plan*.

Salah satu daripada tokoh BN utama yang bertanggungjawab untuk memperkaumkan atau *racialist* kempen Pilihan Raya Umum Ke-13 dan selepas itu adalah bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir. Beliau menuduh saya mahu mengancam hubungan baik antara orang Melayu dan Cina di Johor apabila saya memutuskan untuk meninggalkan bekas kerusi saya di Ipoh Timur untuk bertanding di Gelang Patah. Selepas Pilihan Raya Umum Ke-13, dia menyalahkan DAP dan menuduh DAP memainkan sentimen perkauman untuk menarik sokongan kaum Cina dari BN.

Jika bekas Perdana Menteri benar-benar mahu tahu siapa *cauvinist* sebenarnya, beliau harus melihat kepada parti dan pemimpin-pemimpin yang bertanggungjawab meletakkan calon Perkasa, Zulkifli Noordin di Shah Alam dan untuk membuka jalan bagi ketua Perkasa Ibrahim Ali untuk bertanding sebagai calon *defector* BN di Pasir Mas. Beliau harus melihat kepada mereka yang bertanggungjawab menghantar bekas Menteri Besar Johor, Datuk Ghani Osman untuk menggantikan calon MCA di Gelang Patah. Inilah *cauvinist* yang sebenarnya, *racist* yang sebetulnya.

#### ■1440

Sebagai perbandingan, semua pihak Pakatan Rakyat berjaya membuka lembaran baru dalam Pilihan Raya Umum ke-13. DAP membuka lembaran baru dalam Pilihan Raya 2013 dengan kejayaan dua Ahli Parlimen Melayu ialah Yang Berhormat Bukit Bendera dan Yang Berhormat Raub. Satu ADUN Melayu ialah di Mentakab, Pahang dan seorang ADUN Kadazan ialah di Kepayang, Sabah. DAP juga berjaya membuka lembaran baru pada tahun 2013 dengan mencalonkan seorang Sabah bumiputera dan tujuh orang Sarawak bumiputera sebagai calon Parlimen. Malah DAP meletakkan lebih calon bumiputera Sarawak iaitu enam berbanding dengan calon-calon Cina iaitu lima di Sarawak. Bekas Perdana Menteri juga menuduh DAP meletakkan calon Cina di kawasan majoriti Cina sahaja. Sekali lagi beliau telah gagal untuk melakukan kerja rumah atau *homework*.

DAP meletakkan lapan calon Cina di kerusi Parlimen majoriti bukan Cina termasuk P.135 Alor Gajah yang merupakan 58% Melayu. DAP memenangi tujuh daripada kerusi Parlimen bercampur termasuk P.128 di Seremban yang merupakan kerusi 44% Melayu, 41% Cina dan 14% India. DAP juga meletakkan 12 calon Cina di kerusi DUN majoriti bukan Cina termasuk N.1 Titi Tinggi di Perlis yang merupakan kerusi 76% Melayu dan N.14 Klebang di Melaka yang merupakan kerusi 60% Melayu. DAP memenangi 10 daripada 12 kerusi negeri termasuk N.11 Derga di Kedah yang merupakan kerusi 56% Melayu dan N.21 Duyong yang merupakan kerusi 50% Melayu. DAP berjaya memenangi 9 Parlimen dan 17 kerusi DUN yang merupakan majoriti bukan Cina di mana pengundi Cina kurang daripada 50% termasuk P.80 Raub yang merupakan kerusi Parlimen Melayu 50% dan juga N.30 Mentakab yang merupakan kerusi DUN Melayu 50%. Kedua-dua kerusi yang dipertandingkan dan dimenangi oleh calon Melayu DAP.

Pada masa yang sama, PAS juga meletakkan calon Cina yang bukan beragama Islam iaitu Hu Pang Chow, Ketua Dewan Himpunan Penyokong PAS di kerusi Parlimen Ayer Hitam di Johor. PAS juga meletakkan calon India bukan Islam iaitu Kumutha Rahman di kerusi DUN Tiram juga di Johor. PKR juga berjaya membuka lembaran baru di Sabah dengan pemilihan seorang Ahli Parlimen Kadazan di Penampang serta tiga ADUN Kadazan dan dua ADUN Muslim Sabah. Di peringkat Parlimen, PKR mempunyai 16 Ahli Parlimen Melayu, sembilan Ahli Parlimen Cina, empat Ahli Parlimen India dan seorang Ahli Parlimen Kadazan. Dari perspektif membina jambatan antara kaum di kalangan masyarakat majmuk di Malaysia, pihak Pakatan Rakyat telah melakukan ini sejak sebelum pilihan raya. Usaha-usaha ini dapat dilihat dalam komposisi etnik calon-calon kami dan secara lanjutan di

kalangan wakil-wakil rakyat kami juga. Kami jauh lebih maju dan progresif dalam isu ini dan tidak seperti BN yang memulakan proses pendamaian nasional ini hanya selepas berakhir Pilihan Raya Umum ke-13 dan sebenarnya apa yang dijalinkan ialah *national retaliation*.

Tuan Yang di-Pertua, semua rakyat Malaysia yang berfikiran waras merasa sedih dengan laungan berbaur perkauman dan agama sepanjang tempoh kempen Pilihan Raya Umum ke-13. Hakikat bahawa sentimen perkauman menjadi lebih buruk lagi setelah keputusan Pilihan Raya Umum ke-13 telah diumumkan. Malah keputusan saya untuk bertanding di Gelang Patah telah dijadikan satu isu perkauman. Seheinggakan bekas Perdana Menteri telah menerajui serangan dengan menyebarkan dusta-dusta perkauman mendakwa bahawa saya bertanding di Gelang Patah kerana saya ingin antara lain:

- (v) menghasut kaum Cina di Gelang Patah dan Johor. Menolak bekerja sama serta berkongsi hidup dengan kaum Melayu;
- (vi) supaya orang Cina di Johor benci kaum Melayu. Mencetus konflik dan permusuhan antara kaum; dan
- (vii) mencipta konfrontasi perkauman yang tidak sihat. Di antara kaum Melayu dan kaum Cina di Johor yang menghalang dan tidak membantu pembangunan sihat Malaysia.

Baru-baru ini dalam blog beliau, *ratio polarization*, beliau meneruskan kenyataan yang menghasut, melaga-lagakan perhubungan antara kaum berlandaskan hasutan dan dusta. Antara dusta yang disebarkan dalam blognya termasuk bahawa:

- (i) DAP mencetuskan kebencian terhadap kaum Melayu;
- (ii) ceramah-ceramah *Black 505* di seluruh negara yang bertujuan membantah penipuan dan salah laku dalam Pilihan Raya Umum ke-13 adalah sebenarnya manifestasi perkauman Cina. Sungguh pun kehadiran dalam ceramah-ceramah *Black 505* sebenarnya terdiri daripada majoriti kaum Melayu;
- (iii) dusta keji bahawa DAP menolak konsep berkongsi antara kaum Melayu, Cina, India dan mendakwa bahawa DAP "*Mahu melihat kaum Cina yang telah mendominasi bidang ekonomi untuk terus mendominasi politik Malaysia*", dan dia kata, "*ini jelas adalah berunsur perkauman dan menolak konsep perkongsian kuasa serta kekayaan di antara kaum yang dibela oleh BN*".

Saya ingin merakamkan rasa marah saya bahawa seorang bekas Perdana Menteri yang berkuasa selama 22 tahun boleh menunduk ke tahap yang begitu rendah dan tidak bertanggungjawab sehingga menyebarkan dusta dan fitnah yang begitu keji sehingga menuduh saya sebagai membenci orang Melayu. Semasa dan selepas Pilihan Raya Umum ke-13, saya telah digambarkan sebagai anti Melayu, anti Islam, malah bertanggungjawab mencetuskan peristiwa 13 Mei 1969 di Kuala Lumpur. Sedangkan saya tidak ada di Kuala Lumpur dalam tempoh itu kerana saya berada di Melaka pada 12 Mei dan Kota Kinabalu pada 13 Mei 1969.

Selain daripada satu *term*, iaitu dari 1999 ke 2008, saya tidak ada di Parlimen. Saya telah menjadi Ahli Parlimen selama 39 tahun. Saya mencabar bekas Perdana Menteri atau sesiapa pun supaya memetik satu ucapan yang telah saya buat di Parlimen selama empat dekad ini yang boleh dikata bersifat sebagai anti Melayu atau anti Islam. Sebenarnya saya mengalu-alukan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Bebas untuk mengenal pasti mereka yang telah mengeluarkan ucapan, kenyataan dan tulisan yang menghasut berbaur perkauman dan membakar perasaan orang ramai sebelum, semasa dan selepas PRU ke-13 yang menyebabkan polarisasi kaum serius di negara sekarang. Saya ingin membuat satu kenyataan peribadi di sini.

Baru-baru ini saya terbaca kembali satu puisi yang saya tulis 56 tahun yang lepas untuk *magazine* kelas saya di Batu Pahat High School dalam tahun 1957. Semasa saya masih berumur 16 tahun dan menuntut di Tingkatan Tiga iaitu satu stanza:

*One for all and all for one  
We care not what colour, creed or religion you belong  
For aren't each of us Malaya's son  
Then why let silly racial quarrels prolong?*

Itulah apa yang saya tulis, 56 tahun dahulu. [Tepuk] Ini merupakan *watch word* saya, sepanjang kehidupan awam saya dan saya merasa sungguh sedih dan terkejut dengan kelakuan bekas Perdana Menteri dan orang-orang lain yang sanggup mendakwa saya sebagai membenci orang Melayu. Sesiapa pun di Malaysia yang membenci orang Melayu atau membenci mana-mana kumpulan kaum atau agama sama ada Cina, India, Kadazan atau Iban, orang ini tidak boleh digelar rakyat Malaysia yang sebenarnya dan patriotik. [Tepuk] Sepanjang 47 tahun saya di dalam politik, saya hanya melihat diri saya sebagai rakyat Malaysia terdahulu. Saya tidak pernah melibat diri saya hanya sebagai kaum Cina tetapi sebagai rakyat Malaysia keturunan kaum Cina yang taat setia.

#### ■1450

Saya tidak pernah beralih daripada negara Malaysia. Saya mempunyai aspirasi yang sama dengan semua rakyat Malaysia yang lain tidak kira kaum, agama atau rantau wilayah mereka. Kita semua mahu membina negara Malaysia yang lebih baik untuk semua rakyat Malaysia.

Semalam sebelum hari membuang undi pada 4 Mei 2013, saya telah menyeru para pemilih Malaysia supaya bersedia menyambut realisasi impian Malaysia yang menyatupadukan rakyat Malaysia tidak kira kaum, agama atau wilayah. Berlandaskan wawasan dan haluan nasional yang sama, membina sebuah negara yang lebih bersatu padu, demokratik, bebas, adil, berdaya saing dan makmur untuk semua rakyat Malaysia.

Sebenarnya demi merealisasikan impian Malaysia ini, saya telah mengambil keputusan untuk bertanding di Gelang Patah, bukan untuk mencetuskan konfrontasi kaum atau menghasut orang Cina di Johor untuk membenci orang Melayu sebagaimana yang didakwa oleh pemimpin-pemimpin UMNO yang tidak bertanggungjawab. Sememangnya pertempuran Gelang Patah yang bertujuan mencetuskan tsunami politik dalam Pilihan Raya Umum Ketiga Belas dan hala ke Selatan dan seterusnya menamatkan cengkaman Barisan Nasional di Johor yang selama ini merupakan negeri *fixed depositnya* telah membawa kejayaan kepada Pakatan Rakyat dan memenangi lima kerusi Parlimen dan 18 kerusi Dewan Undangan Negeri. [Tepuk]

Akan tetapi, untuk merealisasikan impian Malaysia ini merupakan objektif yang lain yang saya telah jelaskan secara terbuka di kenyataan saya pada 8 April 2013 yang berikut dan saya *quote* oleh kerana saya rasa ini penting. Ini apa yang saya kata 8 April 2013.

*"Saya memasang impian Malaysia, saya pasti rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, agama, daerah atau zaman turut memasang impian yang sama. Impian Malaysia adalah keinginan untuk mewujudkan sebuah masyarakat majmuk yang anggota-anggotanya bersatu sebagai satu bangsa yang diikat oleh satu kewarganegaraan melampaui kebezaan suku kaum, agama, budaya dan bahasa.*

*Dalam impian Malaysia ini, kita semua menumpukan kesetiaan tidak berbelah bagi kepada negara. Berkongsi satu tanah air dan bersatu sebagai sebuah bangsa untuk membangunkan sebuah negara yang hebat bermodalkan kekuatan yang digabung daripada unsur-unsur terbaik daripada pelbagai kaum, agama dan budaya yang telah lama bertapak di Malaysia, agar Malaysia akan menjadi negara terulung di dunia dalam semua bidang kegiatan Malaysia.*

*Impian Malaysia bukan baru muncul pada hari ini. Ia telah lama wujud sejak sebelum Malaya dan Malaysia diasaskan."*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** [Bangun]

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** "Biar pertempuran Gelang Patah menjadi petanda awal penjelmaan impian Malaysia di mana rakyat Malaysia berbilang kaum bersatu melampaui garis perkauman seperti

*yang menjadi wawasan pemimpin agung Melayu Johor dan Presiden pengasas UMNO, Dato' Onn Jaafar enam dekad yang lalu."*

**Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tanjong Karang bangun.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Habiskan petikan ini dahulu.

*"Walaupun Dato' Onn adalah Presiden pengasas UMNO dan beliau telah merasa makin kurang senang dengan dasar-dasar perkauman dan kekelompokan UMNO sehingga beliau terdorong pada tahun 1951 untuk menyeru UMNO agar membuka pintu keahlian kepada semua rakyat Malaysia dan mengubah nama parti daripada United Malays National Organization kepada United Malayan National Organization.*

*Setelah saranan tidak dipedulikan, Onn Jaafar telah meninggalkan UMNO pada 26 Ogos 1951 untuk membentuk Parti Kemerdekaan Malaya (IMP). Setelah 62 tahun berlalu sejak Dato' Onn mengajak supaya keanggotaan UMNO dibuka kepada bukan Melayu dan mengubah makna UMNO menjadi United Malays National Organization. Maka, cukup wajar dan sesuai jika panji-panji impian Malaysia yang menjadi milik warga-warga Malaysia yang berwawasan dan patriotik sejak zaman berzaman diulang semula untuk disambut oleh semua rakyat Malaysia."*

Di sini saya menyeru supaya rakyat Malaysia bersatu di bawah impian Malaysia tanpa kira kaum, agama atau wilayah. Bersatu padu menuju wawasan dan haluan nasional yang sama membina negara yang lebih bersatu padu, demokratik, bebas, adil, berdaya saing dan makmur untuk semua rakyat Malaysia. Ya.

**Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih. Banyak hendak tanya, tapi saya tanya satu dahulu. Tadi Yang Berhormat menyingkap sejarah mengenai penubuhan UMNO. Saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat. Kalau mengikut sejarah, salah satu sebab mengapa orang-orang Melayu menentang *Malayan Union* ialah kerana pada masa itu, *Malayan Union* ingin memberikan konsep *jus soli* kepada orang-orang bukan Melayu pada ketika itu iaitu ingin memberikan warganegara secara automatik kepada orang-orang bukan Melayu.

Oleh sebab itulah salah satu sebab mengapa orang Melayu menentang *Malayan Union* kerana pada ketika itu Malaya untuk Melayu dan pada itu lah UMNO ditubuhkan kerana tidak bersetuju untuk memberikan warganegara secara automatik kepada bukan Melayu. Namun demikian, apabila kita hendak mencapai kemerdekaan, kita ada kontrak sosial. Kita hari ini telah pun nampak bahawa orang bukan Melayu boleh menjadi warganegara secara automatik. Apa pendapat Yang Berhormat mengenai sejarah penentangan *Malayan Union* oleh orang-orang Melayu ketika itu?

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Jelas bahawa Yang Berhormat Tanjong Karang langsung tidak sebut mengenai cadangan Dato' Onn Jaafar bahawa UMNO pada tahun 1951 patutlah membuka pintu yang menjadi bukan sahaja *United Malays National Organization* tetapi *United Malayan Organization*. Kenapa takut sejarah itu? Kenapa lari daripada apa yang kita tumpukan? Sama ada masa sudah sampai di mana kita *move away from the politic of race, beyond politic of race...*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Yang di-Pertua, ini tidak menjawab soalan saya.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Itulah makna, itulah harapan PRU-13.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tidak jawab soalan saya. Soalan saya tanya perjuangan *Malayan Union...*

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Janganlah kita *racialkan* apa yang berlaku dalam Malaysia.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** ...Dalam konsep kontrak sosial. Yang Berhormat tidak perlu pusing-pusing cakap. Itu semua orang sudah faham.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Saya percaya Yang Berhormat Tanjong Karang ini sekarang duduk di belakang...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ini dia ambil sejarah separuh Yang Berhormat. Sejarah Melayu kena tengok Melayu menentang *Malayan Union*.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** ... Oleh kerana dia tidak boleh memandu ke depan sebab itu duduk di belakang, bukan di depan sini.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Sejarah UMNO bermula 1951, sebab saya dekat sini, saya lebih seronok duduk sini. Senang hendak lawan Yang Berhormat. [*Dewan riuh*]

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Tidak boleh. Ini satu isu yang serius. Kita tidak mahu memaikan, mempolitikkan atau menggaulkan - Masa sudah sampai...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Apa? Jawablah saya tanya. Perjuangan asal UMNO?

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** ...Kita melihat kita sebagai rakyat Malaysia.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Adakah Yang Berhormat memberi pengiktirafan? Yang Berhormat memberi pengiktirafan kepada perjuangan semangat orang-orang Melayu ketika itu?

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Saya harap bahawa semua parti boleh maju ke depan, *move away from the politic of race, move away from the mindset of race...*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Siapa yang perkauman? Yang Berhormat yang perkauman.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** ...Dan adalah satu impian yang sama, adakah Yang Berhormat ada impian Malaysia?

**Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, sila duduk.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ya, betul.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** *You have a Malaysian dream? Or a Malay dream?*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kita adalah Malaysia.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** *Or Chinese dream? Indian dream? Kadazan dream? Iban dream? We want a Malaysian dream.* Adakah Yang Berhormat sokong kita? *1Malaysian dream.* [*Tepuk*]

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kita sudah lama mendengar konsep sosial kontrak. Saya hendak tanya soalan, dia tidak jawab Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** *You lari daripada tahun 1951.* Jawab adakah Yang Berhormat bersetuju dengan *1Malaysian dream?*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ha, tanya. Jawab dahululah. Adakah DAP mengiktiraf perjuangan orang-orang Melayu?

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Dia cakap *path a Malay dream, Chinese, Indian dream, Kadazan dream, Iban dream...*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Adakah DAP mengiktiraf perjuangan orang-orang Melayu?

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Selain daripada Yang Berhormat, rela jawab dahulu itu. Tidak guna kita bincang dalam perkara ini.

**Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tanjong Karang...

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Dia DAP yang perkauman, hendak cuba-cuba pusing cakap.

**Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Balik fikir, bagi satu jawapan dahulu.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Jawapan apa? Jawapan perkauman?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *You can keep complaining Sir.*

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Akhir, ia adalah satu pembaziran masa untuk...

**Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Ya, ada dua minit lagi Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** ... Berucap tentang pendamaian nasional apabila tidak ada keikhlasan untuk menangani isu reformasi sistem pilihan raya yang merupakan salah satu punca utama mengapa ramai orang menunjukkan rasa tidak puas hati sebelum, semasa dan selepas Pilihan Raya Umum Ketiga Belas. Walaupun penubuhan sebuah jawatankuasa pilihan khas untuk memantau Suruhanjaya Pilihan Raya adalah satu cadangan yang dibuat, akan tetapi tidak menyentuh langsung mengenai pembaharuan substantif yang lain seperti susulan dan pelaksanaan cadangan Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai pembaharuan sistem pilihan raya *Parliamentary Select Committee On Electoral Reform*. Ini termasuk memisahkan Suruhanjaya Pilihan Raya kepada tiga bahagian. Satu bahagian bertanggungjawab mendaftar pengundi, satu bahagian yang bertanggungjawab bagi menjalankan pilihan raya dan satu lagi untuk persempadanan semula sempadan bahagian pilihan raya.

#### ■1500

Jika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri benar-benar ikhlas mengenai pendamaian nasional, saya mencadangkan bahawa langkah pertama ialah untuk mengesyorkan kerajaan Yang di-Pertuan Agong untuk menghentikan semua ahli Suruhanjaya Pilihan Raya bermula dengan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi SPR kerana mereka tidak lagi menerima keyakinan orang ramai seperti mana yang disebut dalam Artikel 114(2) Perlembagaan Persekutuan selepas itu barulah proses pendamaian nasional boleh benar-benar bermula pada muka surat yang baru. Sekian, Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Gelang Patah. Saya jemput Yang Berhormat Titiwangsa. Selepas ini giliran daripada parti pembangkang daripada parti PAS. Ingat, parti PAS bersedia.

#### 3.01 ptg.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kerana saya diberi ruang dan peluang dalam perbahasan sulung saya sebagai Ahli Parlimen baru dalam Dewan Rakyat yang mulia ini sebagai menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Tiga puluh minit diberikan masa.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Terima kasih juga kepada rakyat yang mengundi dan meyakini saya sebagai wakil rakyat mereka di kawasan Parlimen Titiwangsa untuk membawa setiap isu rakyat di Dewan Rakyat ini.

Sempena Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Ketiga Belas ini saya memanjatkan kesyukuran terhadap Allah SWT kerana dengan limpah kurnia memperlihatkan kerajaan pembinaan Barisan Nasional terus memerintah negara di peringkat nasional dan sebahagian besar kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai orang baru di dalam Dewan ini selepas tiga hari saya duduk di dalam Dewan ini saya agak terkejut apabila melihat dalam proses untuk memilih Tuan Yang di-Pertua pun kita terpaksa memakai undi sulit. Sedangkan apabila saya lihat di Pulau Pinang, di Selangor dan di Kelantan tidak langsung usul ini menjadi isu dalam Dewan persidangan tersebut.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bangun]*

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga lihat tiga hari dalam Dewan ini..

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Boleh Yang Berhormat Titiwangsa? Yang Berhormat Titiwangsa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Sila, sila Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak apalah. Sama-sama *freshie*. Tidak, tadi kata...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Hendak bagi laluan atau tidak ini?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Sila, sila.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Boleh? Okey, Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Titiwangsa. Soalan saya senang sahaja. Adakah Yang Berhormat Titiwangsa baca tidak peraturan mesyuarat? Kalau baca Peraturan Mesyuarat 4 itu tidak timbul kerajaan di Kelantan, kerajaan di - Parlimen sendiri telah merangka satu *standing order* yang memang menjamin kerahsiaan undi. Maknanya, kalau kita lihat kepada Peraturan Mesyuarat 4(4), 4(3), 4(7) itu, proses pengundian untuk Tuan Yang di-Pertua ini sepatutnya memang rahsia. Jadi janganlah kita cuba ambil Kerajaan Negeri Kelantan, kerajaan yang lain. Kita Parlimen ini terikat dengan *standing order*.

Persoalannya, kenapakah dalam *standing order* kata tidak boleh letak nama Ahli Parlimen, kita pergi letak. Jadi itu telah merosakkan kerahsiaan itu. Jadi mesti faham dulu *standing order* baru boleh bercakap tentang isu kerahsiaan undi.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Saya mengambil maklum terhadap komen yang dibuat oleh Yang Berhormat ini. Akan tetapi apa yang saya maksudkan tadi ialah secara *attitude* atau *spirit* kita hargai kemenangan sesuatu parti yang menguasai sesuatu Dewan tersebut.

Oleh sebab itu kalau kita lihat di ketiga-tiga Dewan ini kita tidak pernah mempertikaikan soal pelantikan Tuan Yang di-Pertua yang dibuat oleh mereka dalam ketiga-tiga Dewan ini. Itu maksud saya. Tuan Yang di-Pertua, tiga hari saya ada dalam Dewan ini..

**Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]:** *[Bangun]*

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Saya lihat kedua-dua.

**Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]:** *[Menyampuk]*

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Terutamanya daripada parti pihak pembangkang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kubang Kerian bangun. Hendak bagi laluan? Baru mula ini Yang Berhormat Titiwangsa, 30 minit.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Boleh, boleh.

**Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]:** Sekejap sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih daripada Yang Berhormat Titiwangsa. Untuk makluman Yang Berhormat Titiwangsa dan Dewan, sebenarnya di Dewan Undangan Negeri Kelantan pihak UMNO pernah cuba untuk melantik Tuan Yang di-Pertua yang lain

daripada apa yang telah dicadangkan oleh pihak kerajaan pada tahun 2004 yang lalu. Apa komen?

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Saya cerita tahun 2013. [*Dewan riuh*] Tuan Yang di-Pertua, tiga hari saya di dalam Dewan ini saya lihat selepas kita selesai pilihan raya ini, isu SPR yang saya anggap tidak selesai-selesai.

Jadi saya ingin mencadangkan kepada Dewan ini oleh kerana kita mempunyai empat tahun sepuluh bulan, boleh tidak kedua-dua belah pihak untuk kita bersatu hati, kita duduk dengan SPR kerana kita mempunyai masa yang begitu panjang untuk kita selesaikan masalah-masalah yang berbangkit yang tidak puas hati di kalangan pembangkang? Oleh kerana saya percaya saya juga tidak mahu menjadi *Member of Parliament* yang dipilih dengan tidak secara mengikut peraturan yang sah.

Oleh itu kita mempunyai empat tahun sepuluh bulan. Kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat bersetuju untuk kita sama-sama berbincang perkara ini jangan tunggu dua bulan lagi hendak pilihan raya baru kita hendak bincang. Tuan Yang di-Pertua,...

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** [*Menyampuk*]

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Sekarang kita bincanglah empat tahun sepuluh bulan. Lagi lama. Oleh sebab masa dulu bukan bincang.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** [*Bangun*]

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Masa itu cerita. Bila kita panggil mesyuarat tidak mahu datang.

**Tuan Liew Ching Tong [Kluang]:** [*Bangun*]

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Siapa yang tidak datang?

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Lepas ini kita buat.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Yang Berhormat Titiwangsa. Yang Berhormat Titiwangsa minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Ini Yang Berhormat Kluang minta laluan.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Yang Berhormat Titiwangsa.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Jalan, jalan.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Untuk makluman..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Titiwangsa. Sekejap ya Yang Berhormat Kluang. Saya minta Yang Berhormat Titiwangsa jangan respons kalau wakil rakyat yang mengusik-usik tanpa diberi laluan. Teruskan kepada ucapan perbahasan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Ini kepada...

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Yang Berhormat Titiwangsa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kluang hendak diberi laluan atau tidak? Yang Berhormat Kluang.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Yang Berhormat Titiwangsa.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Saya tidak mahu bagi laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Tidak bagi ya.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Yang Berhormat Titiwangsa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Okey, tidak bagi.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** [*Bangun*]

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Okey saya teruskan.



**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Okey.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Yang Berhormat Titiwangsa beri laluan Yang Berhormat Titiwangsa, Yang Berhormat Jelebu.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Tuan Yang di-Pertua..

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Shah Alam macam mana? Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Yang Berhormat Jelebu, Yang Berhormat Jelebu.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Shah Alam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Ini ada Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Jelebu. Mana satu hendak bagi ini?

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Saya ingat bagi saya lima minit dululah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Itu yang sebaiknya.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Baru hendak *start* mukadimah, mereka dah *stopkan* dah.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Lepas ini Yang Berhormat Jelebu Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** *[Menyampuk]*

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh soal perumahan dalam bandar raya Kuala Lumpur ini. Saya hendak lari sikit daripada cerita mengenai politik ini. Kebetulan kawasan Parlimen Titiwangsa ini adalah terletak di tengah-tengah bandar raya Kuala Lumpur ini. Perumahan merupakan salah satu keperluan asas untuk memastikan kesejahteraan hidup rakyat sesuatu negara sentiasa terpelihara.

Berdasarkan laporan ekonomi tahun 2011, sektor pembinaan telah menyumbang sebanyak 4.9% daripada jumlah KDNK negara dan 5% pada tahun 2012 atau nilai sebenarnya adalah dalam lingkungan RM18.2 bilion. Ianya telah menjana rangkaian ekonomi industri sampingan negara.

Walau bagaimanapun, dalam keghairahan kita membangunkan negara kerajaan perlu juga melihat dari segi keseimbangan keperluan perumahan untuk golongan berpendapatan rendah ataupun mereka yang dikategorikan sebagai miskin bandar yang mana saya melihat bahawa keperluan perumahan tidak mencukupi. Di bandar raya Kuala Lumpur ini perumahan golongan yang mempunyai pendapatan isi rumah kurang daripada RM3,000 hampir mencecah 60%.

Di Kuala Lumpur ini juga terutama di dalam kawasan-kawasan bandar khususnya kawasan Parlimen Titiwangsa saya lihat banyak tanah yang dimajukan oleh projek-projek perumahan mewah dengan harga yang mencecah berjuta-juta ringgit. Ianya agak ketara sejak lima tahun kebelakangan ini di mana di dalam kawasan saya sendiri hampir sepuluh projek pembinaan yang bakal disiapkan dalam masa dua, tiga tahun ini yang mencecah unit hampir 7,000 unit. Kesemua projek ini menawarkan harga hampir RM900 ribu hingga RM2 juta.

Yang Berhormat Menteri KPKT dalam sesi soal jawab lisan tadi ada mengatakan bahawa kementerian tidak mengawal harga pasaran rumah swasta.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** *[Bangun]*

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan sudah tiba masanya kerajaan mesti campur tangan untuk menentukan harga pasaran rumah. Terutama rumah-rumah yang dibina oleh syarikat-syarikat swasta ini. Oleh kerana kalau kita lihat..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Jelebu bangun sekali lagi. Sila.

■1510

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Terima kasih Yang Berhormat Titiwangsa kerana memberi laluan. Saya ada dua perkara untuk berkongsi dan meminta pandangan daripada Yang Berhormat Titiwangsa. Pertama, berkaitan dengan Yang Berhormat Gelang Patah berkaitan dengan Dato' Onn ketika itu mengesyorkan UMNO dibuka kepada bangsa asing. Jadi, *alhamdulillah* ketika itu keputusan dibuat supaya UMNO kekal dengan orang Melayu dan parti-parti ataupun bangsa lain dengan parti mereka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Ini tidak ada kaitan dengan ucapan kepada Yang Berhormat Titiwangsa ini Yang Berhormat Jelebu. Tengok Peraturan Mesyuarat 37(1)(b) ini, penjelasan yang diucapkan.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Saya hendak berkongsi kerana tadi minta, masa itu dia tidak beri laluan, jadi sudah masuk yang lebih awal itu tadi. [*Dewan riu*]

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Ada peluang ucapah, tidak apa. [*Ketawa*]

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Jadi oleh kerana itu kekal dengan pendirian itu maka kita boleh lihatlah DAP yang ada sekarang ini memang Melayu hilang.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Titiwangsa sudah tidak beri laluan sudah, sila duduk.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Saya rasa bagilah laluan kerana kita sama-sama baru, berilah praktis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Ya, okey.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Terima kasih Yang Berhormat Titiwangsa. Jadi, oleh kerana UMNO kekal dengan pendirian untuk Melayu itu maka kita dapat lihat bentuk politik yang lebih harmoni di bawah Barisan Nasional ini dengan setiap kaum diwakili oleh parti masing-masing. Oleh kerana itu kalau dibenarkanlah, dipersetujui cadangan Dato' Onn itu mungkin orang Melayu akan jadi seperti mana di dalam DAP sekaranglah. Jadi, saya berkongsi dengan Yang Berhormat Titiwangsa perkara ini. Seterusnya, suara SPR minta letak jawatan suruhanjaya, kakitangan dan sebagainya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Jelebu ya, duduk sekejap.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Ya, ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Kalau dibenarkan Yang Berhormat Titiwangsa membiarkan Yang Berhormat Jelebu membuat ucapan, masa Yang Berhormat Titiwangsa rugi dan masa yang akan tiba untuk Yang Berhormat Jelebu nanti *insya-Allah* boleh berucap mengenai perkara yang disebutkan nanti. Jadi, saya harap Yang Berhormat Titiwangsa boleh teruskan ucapan.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Okey, saya faham.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tadi Yang Berhormat Titiwangsa kata hendak beri laluan, sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Shah Alam, hendak beri laluan? Yang berkaitan dengan ucapan ya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Berhubung dengan apa yang sebut tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Titiwangsa hendak beri atau tidak?

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Berilah, berilah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Berilah. Dia bukan macam Yang Berhormat Lenggong. Dia tidak dengar hasutan Yang Berhormat Parit Sulong. Dia berani.

Tahniah Yang Berhormat baru daripada Titiwangsa. Ada semangat dan ada keberanian. Jangan dengar hasutan Yang Berhormat Parit Sulong itu. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Terus kepada penjelasan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Yang Berhormat Titiwangsa. Saya hanya hendak membuat sedikit pertanyaan sama ada Yang Berhormat Titiwangsa sedar ataupun tidak bahawa persoalan pilihan raya yang bersih ini bukan kita timbulkan hanya dua bulan sebelum pilihan raya.

Sebenarnya, dengan adanya himpunan Bersih, Bersih 2.0, Bersih 3.0 dan sebagainya malahan telah pun ditubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen untuk membincangkan tentang soal pilihan raya yang bersih. Daripada dahulu lagi kerana ini merupakan satu persoalan yang telah banyak kali timbul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Shah Alam pun sama ini.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak fasal tadi dia sebut, dia sebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Sama sahaja, Yang Berhormat Titiwangsa bercakap mengenai perumahan bukan pilihan raya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak, tidak, sebelum itu dia sebut jangan bila sudah dua bulan dekat hendak pilihan raya baru hendak buat bising. Inilah masanya untuk hendak komen lalu saya hendak beritahu dia sebenarnya sebelum pilihan raya yang ke-13 kita sudah bawa isu pilihan raya yang bersih ini. Ianya bukan dua bulan sebelum pilihan raya baru kita tegur. Ianya merupakan satu isu yang telah lama dibahas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Okey, okey ringkaskan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Malangnya, di sini saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat Titiwangsa, malangnya... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Shah Alam, simpati pada Yang Berhormat Titiwangsa ini. Masa dia ambil panjang ini.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak, saya tidak habis lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Titiwangsa sudah faham ya. Sila jelas.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Terima kasihlah, terima kasihlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Shah Alam, sila duduk.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Hanya sekadar hendak beritahulah supaya lain kali jangan buat komen kata sudah dekat dua bulan hendak pilihan raya baru hendak buat komen. Sudah lama sudah kita komen dan itu pun gagal lagi. Terima kasih.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Terima kasih. Nasib baik saya menang dengan PAS di kawasan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Titiwangsa ada 15 minit lagi.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Okey, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat kekurangan rumah-rumah mampu milik, rumah-rumah PPR atau perumahan awam ini. Ianya begitu jelas apabila kita lihat permohonan yang diterima oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mencecah hampir 118,000 permohonan dan dibandingkan dengan rumah yang sedia ada. Rumah yang sedia ada, yang boleh ditawarkan oleh DBKL hanya 3,225.

Jadi, kalau kita lihat permohonan yang datang ini 118,000 ianya bukan lagi permohonan yang datang daripada mereka-mereka yang kita kategorikan dahulu dalam 10-15 atau lima tahun yang kebelakangan ini adalah daripada mereka-mereka yang benar-benar miskin yang tidak mempunyai pendidikan dalam bandar. Akan tetapi sebahagian besar dari mereka ini adalah *graduate*. Orang yang baru masuk alam pekerjaan. Mereka tidak mampu untuk membeli rumah-rumah berharga RM900,000, RM1 juta dan RM2 juta. Mereka hendak menyewa rumah pun kadang-kadang tidak mampu kerana sewa rumah melambung begitu tinggi hingga mencecah RM1,500 dan RM2,000.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingat bercakap macam UMNO pula. *[Ketawa]* Keadaan ini sungguh menakutkan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Sama macam Kuala Krau, pengalaman yang sama.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Keadaan ini sungguh menakutkan saya. Kalau dahulu permohonan-permohonan ini datang daripada golongan-golongan miskin tetapi sekarang ramai golongan profesional yang baru memulakan alam pekerjaan juga yang baru berkahwin memohon rumah-rumah PPR dan perumahan awam ini oleh kerana rumah-rumah yang dibina oleh sektor swasta di luar jangkauan mereka untuk memilikinya. Sekiranya kita tidak membuat pemantauan rapi oleh kerajaan...

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Machang minta laluan.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Yang Berhormat Titiwangsa, kawan belakang.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Okey.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Titiwangsa. Pada sesi pagi tadi Yang Berhormat Menteri ada menjelaskan tentang aku janji Barisan Nasional tentang 1 juta rumah mampu milik yang bakal dibina. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawasanya sekiranya kita memohon kepada Yang Berhormat Menteri untuk mengagihkan secara lebih rumah-rumah mampu milik ini di kawasan bandar memandangkan keperluannya amat mendesak. Satu juta rumah ini Yang Berhormat banyak juga berbanding dengan manifesto Pakatan Rakyat tetapi manifesto, bukan janji Pakatan Rakyat yang hanya 150,000 buah rumah mampu milik sebelum pilihan raya baru-baru ini. Adakah Yang Berhormat bersetuju? Terima kasih.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Machang. Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi masalah ini dari menjadi lebih kronik pada masa akan datang, saya ingin mengemukakan beberapa cadangan. Yang pertama, tanah-tanah milik kerajaan atau DBKL yang masih belum ada perjanjian usaha sama dengan pihak-pihak swasta hendaklah dikaji semula agar kerajaan ataupun pihak DBKL boleh melihat semula bagaimana tanah-tanah yang strategik ini boleh dibangunkan rumah-rumah PPR dan perumahan awam serta perumahan rumah mampu milik dengan kadar segera. Keuntungan kerajaan atas nilai tanah-tanah ini tidak boleh diambil kira lagi.

Kalau dulu kita lihat banyak tanah-tanah ini apabila kita *joint venture* dengan syarikat swasta atau kerajaan *joint venture* dengan syarikat swasta, kita mementingkan nilai tanah tersebut. Apabila kita mementingkan nilai tanah tersebut sudah tentu syarikat-syarikat swasta ini terpaksa membina rumah-rumah yang begitu mahal harganya untuk menampung balik harga kos tanah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan kedua. Saya juga ingin mencadangkan dan mengesyorkan kerajaan mestilah memastikan kawasan-kawasan yang dibina rumah-rumah PPR dan perumahan awam ini mestilah di lokasi-lokasi yang mempunyai prasarana pengangkutan seperti LRT, MRT, *monorail*, komuter serta *public transport* yang lain. Ini sangat penting, kita tidak mahu rumah-rumah PPR dan PPA ini dibuat di hujung-hujung bandar raya Kuala Lumpur yang mana *public transport*, MRT, LRT tidak ada walaupun sewanya RM124 tetapi apabila setiap kali mereka hendak keluar daripada rumah tersebut kos *transport* sebulan mereka hampir mencecah RM700 hingga RM800 walaupun sewa rumah RM124.

Ada kawasan-kawasan yang saya lihat walaupun ada rumah-rumah PPR tetapi apabila ditawarkan kepada pemohon-pemohon, mereka tidak sanggup pergi ke kawasan tersebut oleh kerana tidak ada prasarana pengangkutan yang begitu cekap.

■1520

Syor yang ketiga, mana-mana kawasan setinggian yang masih ada di kawasan Kuala Lumpur ini, kerajaan hendaklah menggazetkan tanah-tanah ini sebagai tapak PPR atau perumahan awam DBKL ataupun pihak Kementerian KPKT. Kita tidak boleh lagi halau setinggian-setinggian ini untuk wujudkan projek-projek mewah. Kita mesti melakukan pembangunan projek-projek setinggian ini secara in situ di mana kawasan-kawasan setinggian ini yang diduduki oleh sekumpulan masyarakat setinggian ini hendaklah dibangunkan rumah-rumah PPR di kawasan tersebut.

Apa yang saya lihat sepanjang lima hingga 10 tahun yang lepas, banyak kawasan setinggian ini apabila dibangunkan, dipindahkan setinggian-setinggian ini, kawasan-kawasan itu dimajukan dengan projek-projek yang begitu mahal yang nilai projek tersebut hampir mencecah berbilion-bilion ringgit hingga tidak mampu untuk rakyat yang berpendapatan rendah dapat hidup dalam kawasan yang mereka biasa hidup selama 20 hingga 30 tahun dalam kawasan tersebut. Sekiranya kerajaan sudah tidak ada lagi tanah-tanah strategik untuk dibina PPR ataupun perumahan awam ini, maka sudah tiba masanya kerajaan memikirkan untuk membeli tanah-tanah pihak swasta dan persendirian untuk dibina projek-projek perumahan rakyat ini di kawasan-kawasan strategik yang mempunyai prasarana-prasarana pengangkutan yang mudah. Kos pembelian tanah-tanah daripada swasta atau pihak individu ini bolehlah dianggap sebagai geran daripada kerajaan bagi membolehkan kewujudan rumah-rumah mampu milik ini.

Kalau kerajaan boleh mengeluarkan BR1M RM2.16 bilion pada BR1M pertama. Kalau BR1M kedua kita boleh mengeluarkan RM2.9 bilion, maka saya tidak nampak kenapa kerajaan tidak boleh memperuntukkan RM200 *million*, RM300 *million* tiap-tiap tahun untuk membeli tanah-tanah yang strategik di bandar raya Kuala Lumpur ini untuk dibangunkan rumah-rumah PPR.

Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan ada menyebut untuk menyasarkan membina 80,000 unit rumah mampu milik dalam tempoh lima tahun di dalam Wilayah Persekutuan untuk menangani masalah rumah di kalangan rakyat berpendapatan rendah di Kuala Lumpur. Saya mengalu-alukan langkah ini. Cuma saya ingin tahu manakah kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti. Bilakah projek-projek ini akan dimulakan kerana jangka masa lima tahun adalah masa yang begitu singkat. Di kawasan saya terdapat penambahan penduduk. Dijangkakan dalam masa dua, tiga tahun ini sebanyak 7,000 unit di mana unit-unit ini harganya adalah RM1 juta ke atas. Jadi kalau 7,000 unit, RM 1 juta ke atas, kalau setiap unit ini mempunyai kepadatan penduduk tiga orang, bermakna kita mempunyai penambahan hampir 21,000 penduduk tambahan dalam kawasan saya dalam masa lima tahun akan datang.

**Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [Setiawangsa]:** Yang Berhormat Titiwangsa, minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Sila, sila.

**Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [Setiawangsa]:** Adakah Yang Berhormat Titiwangsa bersetuju sekiranya kerajaan membina semua rumah-rumah murah ini, rumah PPR yang mana bagi maksud membina rumah murah ini, *built-up areanya* hanya 650. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa yang akan datang ini ia sudah tidak lagi relevan dan dinaikkan kepada setidak-tidak sekurang-kurangnya 850 kerana memberi keselesaan. Terima kasih.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Kekangan dari segi saiz ini saya percaya bahawa kerajaan terikat dengan harga RM35,000 – RM45,000. Saya percaya sekarang ini banyak di kalangan kita yang tinggal di bandar masih mampu untuk membeli harga rumah RM100,000, RM80,000 ataupun RM120,000. Akan tetapi yang tidak mampu itu apabila dia melibatkan projek-projek ini memakan harga yang mencecah RM900,000 ataupun RM1 juta.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan Titiwangsa, saya ingin mengambil contoh satu kawasan di Jalan Pekeliling, Jalan Tun Razak. Kita mempunyai 56 ekar. Pada dahulunya tempat ini adalah kawasan rumah perumahan awam DBKL. Kemudian, penghuni di sini

dipindahkan dengan alasan kawasan ini hendak dibangunkan dengan pusat komersial tetapi selepas hampir 12 tahun berlalu, tiada kerja-kerja pembangunan dilakukan sehingga sekarang. Tempat ini telah menjadi sarang kepada gejala-gejala sosial yang mana saya ingin mencadangkan kalau sekiranya kerajaan sudah tidak mahu meneruskan projek-projek komersial ini, maka eloklah 56 ekar kawasan ini dibangunkan semula tapak rumah PPR dan perumahan awam yang lebih selesa di kawasan ini. *[Tepuk]* Mengikut perkiraan saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat ada lima minit lagi ya.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Mengikut perkiraan saya, 56 ekar ini boleh menambahkan 10,000 unit rumah-rumah mampu milik dan perumahan awam di kawasan ini. Saya percaya ini sudah dapat membantu...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Mohon laluan.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Hampir 25% kawasan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kota Tinggi.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Sila, sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Beri laluanah tidak?

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Saya mohon kepada pihak kerajaan atau pihak kementerian...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Belum lagi, belum lagi, sila duduk.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Kita lupakanlah soal keuntungan daripada tanah-tanah kita ini kerana selepas 56 tahun, sudah tiba masanya kita melupakan soal keuntungan untuk rakyat. Kerajaan tidak boleh lagi bergantung harap kepada pihak swasta untuk membina rumah-rumah PPR dan perumahan awam ini kerana ia tidak menguntungkan. Saya percaya tidak ada mana-mana syarikat swasta yang ingin membangunkan rumah-rumah PPR dan perumahan awam ini kerana projek-projek yang berskala harga yang begitu rendah ini tidak menguntungkan mereka. Saya takut kalau ini tidak diatasi, satu hari nanti Kuala Lumpur ini hanya diduduki oleh orang-orang kaya sahaja.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Titiwangsa. Saya hendak bertanya pandangan Yang Berhormat Titiwangsa, adakah bersetuju untuk kita kuatkan sedikit kuat kuasa tentang pelaksanaan rumah-rumah dalam kuota pembinaan pembangunan supaya yang murah ini dilaksanakan dengan segera tanpa berlengah-lengah. Saya tidak mahu ia diakhirkkan dalam pembangunan itu supaya didapatkan. Keduanya, pembangunan juga kita kena lihat kemampuan dari segi pembiayaan yang lebih fleksibel, anjal, dan juga mungkin sistem sewa beli supaya kita memungkinkan lebih ramai memiliki rumah. Saya harap pandangan saya jangan rumah setakat 600, 800 kita kena memberikan keselesaan kepada rakyat kita. Sudah sampai masa kita memberi penekanan tentang *roof over the top*, dengan izin yang selesa kepada rakyat kita. Terima kasih.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Saya bersetuju Yang Berhormat dengan pandangan tersebut. Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin menekankan supaya dalam soal pembangunan rumah mampu milik ini sama ada perumahan awam ataupun projek perumahan rakyat, kerajaan kena main peranan. Ini kerana mana-mana syarikat swasta yang saya berhadapan dengan mereka tidak ada seorang pun, tidak ada satu syarikat pun yang mahu membuat rumah-rumah kategori ini kerana rumah-rumah ini tidak menguntungkan mereka. Saya berharap bahawa kerajaan fikirkan secara serius dan mendalam bagi pembinaan perumahan rakyat miskin bandar ini dengan kadar segera menjelang lima tahun akan datang ini jika kita ingin terus memenangi hati rakyat dan terus mendapat sokongan masyarakat miskin bandar pada PRU-14 yang akan datang. Saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Terima kasih. Saya jemput Yang Berhormat Temerloh ya? Yang Berhormat Sepang atau Yang Berhormat

Temerloh? Yang Berhormat Temerloh? Kalau tidak Yang Berhormat Rantau Panjang hendak bercakap. Bergilir ya? Fasal dia baru sampai. Sila. Ini jiran sebelah saya ini. Diberikan masa juga 30 minit ya, sila.

### 3.29 ptg.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat. Menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

#### ■1530

Suka saya menarik perhatian Dewan yang mulia pada hari ini untuk bermula dengan seruan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong supaya semua pihak dan semua parti untuk menerima keputusan Pilihan Raya Umum ke-13. Merujuk beberapa kali kenyataan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya lihat bersikap sinis terhadap Pakatan Rakyat. Sebelum daripada ini kononnya, Pakatan Rakyat tidak menerima keputusan pilihan raya umum, tetapi datang untuk mengangkat sumpah pada hari pertama sidang Dewan ini.

Saya kira sengaja dikelirukan keadaan ini. Apa yang berlaku ialah sebenarnya kita menerima keputusan pilihan raya umum...[*Tepuk*] Justeru itu kita datang mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan. Tetapi tidak bermakna kita datang mengangkat sumpah dengan kita menerima keputusan pilihan raya, kepincangan, manipulasi, dan juga salah laku dalam pilihan raya itu tidak berlaku. Inilah sebenarnya yang kita bantah, yang kita lahirkan rasa tidak setuju, yang kita bantah ialah kepincangan, penyelewengan, penipuan dan juga manipulasi yang berlaku dalam pilihan raya.

Justeru itu kita kemukakan petisyen. So, bagaimana pihak Barisan Nasional juga ada mengemukakan petisyen ke mahkamah kerana kita tidak boleh menerima penyelewengan. [*Membaca sepotong Hadis*] Apa yang disebut Rasulullah SAW '*Barang siapa yang menipu maka dia bukan dari kalangan kita*'. Bukan bermakna apabila kami mengangkat sumpah, maka itu bermakna perjalanan pilihan raya dianggap bersih sepenuhnya. Malah jika ditanya ada yang bertanya jikalau sekiranya menganggap bahawa pilihan raya pincang ataupun berlaku penipuan salah laku, maka bagaimana Yang Berhormat boleh menang dan datang mengangkat sumpah? Jika itu soalnya, maka jawapan saya ialah jika sekiranya pilihan raya umum itu tidak pincang, tidak dimanipulasi, dan tidak ada salah laku, nescaya kami akan menang lebih besar *insya-Allah* dan kami datang mengangkat sumpah sebagai kerajaan di Dewan ini, *insya-Allah*. Tetapi apa yang berlaku di dalam pilihan raya lepas, memang ternyata banyak manipulasi termasuklah isu dakwat kekal yang disebut oleh rakan-rakan sebagai dakwat yang mengekalkan Barisan Nasional sebenarnya bukanlah dakwat kekal sebagaimana yang dijanjikan sebelum daripada itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat untuk memastikan semua pihak untuk menerima keputusan pilihan raya umum ini, dia mesti bermula dengan semangat memantapkan demokrasi. Dia mesti bermula dengan pihak kerajaan turut sama menghormati keputusan rakyat lalu tidak mengamalkan politik balas dendam seperti mana yang berlaku sebagai contoh saya tunjukkan ialah di Terengganu, apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengisytiharkan tidak ada satu pun rumah mampu milik untuk rakyat dalam kawasan DUN dan Parlimen yang pembangkang menang di negeri Terengganu. Ini satu kenyataan yang saya lihat seperti yang disiarkan dalam portal berita BERNAMA yang tidak sampai pun 24 jam selepas mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar di penggal kedua di negeri Terengganu.

Contoh kedua yang saya boleh kemukakan di sini ialah apa yang berlaku di negeri Pahang. Apabila dibuat pengagihan borang-borang permohonan biasiswa sekolah rendah di negeri Pahang di bawah Yayasan Pahang untuk tahun akan datang tahun 2014. Sewaktu mengedarkan borang itu, dilampirkan senarai mereka yang boleh menandatangani borang biasiswa itu. Di mana kawasan Parlimen yang dimenangi oleh Barisan Nasional menandatangani ialah Yang Berhormat di kawasan tersebut ataupun ADUN di kawasan tersebut.

Akan tetapi bagi 12 kawasan yang dimenangi oleh Pakatan Rakyat, mestilah ditandatangani oleh Setiausaha Sulit Kanan kepada Menteri Besar. Jadi saya kira ini

adalah merupakan satu contoh yang menunjukkan ke tidak kematangan dalam mengamalkan sistem demokrasi dan menunjukkan kerajaan sendiri berat untuk menerima keputusan rakyat yang memberikan kemenangan kepada Pakatan Rakyat dalam kawasan-kawasan yang tertentu ataupun negeri-negeri tertentu dalam negara kita. Tuan Yang di-Pertua, memamatkan demokrasi dengan memberikan pengiktirafan wajar kepada pembangkang, justeru mereka juga adalah merupakan wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat dalam pilihan raya.

Tuan Yang di-Pertua, secara berperlembagaan dalam negara kita, saya melihat British merupakan bangsa pertama menerima konsep pembangkang di Parlimen. Kalau kita lihat pada tahun 1826, Sir John Cam Hobhouse memberitahu Parlimen Britain mengenai dengan pengiktirafan terhadap pembangkang yang dikenali sebagai '*His Majesty's Opposition*' dengan izin dengan maksud membawa satu badan Parlimen ataupun perwakilan yang tidak hanya dimiliki oleh majoriti, tetapi juga mengiktiraf keabsahan minoriti ataupun keabsahan pembangkang yang menang ataupun yang dipilih oleh rakyat yang menganggotai oleh Parlimen.

Tetapi menurut Persatuan Parlimen-Parlimen Komanwel, saya melihat pada tahun 2005, sebahagian besar belum lagi memberikan pengiktirafan terhadap peranan pembangkang. Termasuklah memberi pengiktirafan itu ialah memberi peluang kepada pembangkang untuk berfungsi sebaiknya dalam negara kita. Ini kerana pembangkang bukanlah hina, bukanlah terpinggir dan bukanlah bukan dianaktirikan oleh pihak kerajaan justeru pembangkang itu *part of government*, sebahagian daripada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, antara langkah untuk memamatkan demokrasi dalam negara kita saya menggesa supaya Parlimen juga boleh mendahulukan urusan pembangkang sebagaimana yang pernah diamalkan oleh Parlimen yang mulia ini dalam sesi-sesi yang terdahulu. Saya melihat dalam *Hansard* sekitar 80-an dan sebelum daripadanya tetapi kemudiannya ditukar untuk mendahulukan urusan kerajaan dan akhirnya urusan kerajaan yang sentiasa mendapat tempat utama. Kalau inilah yang sentiasa diamalkan maka mungkin sukarlah bagi unsur-unsur pihak pembangkang dan seumpamanya untuk naik berada di *level* yang paling atas untuk dibahas dan diterima di Parlimen ini.

Tuan Yang di-Pertua, memamatkan demokrasi juga antara lain ialah melebarkan peranan pembangkang untuk berbakti kepada rakyat dan membangunkan negara secara seimbang sebagaimana...

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Batu Gajah minta laluan.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Peluang yang dimiliki oleh pihak kerajaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Batu Gajah, bagi laluan? Sila, sila.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih. Tadi Yang Berhormat kata tentang memamatkan demokrasi. Kita nampak jelas dalam pelbagai aspek di mana wakil-wakil rakyat daripada pembangkang sentiasa dianaktirikan. Sebagai contoh di negeri Perak, apabila Pakatan Rakyat menang di negeri Perak pada tahun 2008, dalam pemilihan Jawatankuasa Tindakan Daerah, kita memberikan kebenaran masuk kepada wakil-wakil daripada Barisan Nasional.

Kita sama-sama di kawasan di mana Barisan Nasional menang, kita beri peluang kepada wakil rakyat daripada Barisan Nasional untuk bersama-sama berada dalam Jawatankuasa Tindakan Daerah. Tetapi apabila Kerajaan Negeri Perak dirampas pada tahun 2009 dan Barisan Nasional menjadi kerajaan, dengan serta-merta dia membuat satu keputusan dalam Jawatankuasa Tindakan Daerah hanya diberikan kepada wakil-wakil daripada Barisan Nasional dan bukan kepada wakil-wakil rakyat daripada Pakatan Rakyat. Apa pandangan Yang Berhormat berkaitan dengan isu ini?

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Inilah yang saya maksudkan supaya dilakukan satu perubahan yang besar dalam sistem demokrasi sesuai dengan apa yang selalu disebut oleh Tuan Yang di-Pertua untuk melakukan perubahan dalam sesi yang baru ini. Bukan sahaja di negeri Perak saya melihat apa yang dialami oleh di negeri Kelantan sebelum daripada ini, lebih 20 tahun mereka diberikan mandat oleh rakyat untuk memimpin dan memerintah tetapi sering tindakan-tindakan menganaktirikan Kerajaan Negeri Kelantan



itu dilihat secara umum seperti isu royalti yang timbul, kemudian isu penubuhan Jabatan Pembangunan Persekutuan di negeri Kelantan...

**Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]:** Mohon laluan...

**Tuan Nasrudin bin Hassan:** Seperti tidak mempercayai keupayaan Kerajaan Negeri Kelantan untuk memimpin dan mentadbir dengan baik. Sama juga apabila PAS menang di negeri Terengganu...

■1540

**Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]:** Yang Berhormat Temerloh. Pada tahun 1999. Serta-merta royalti yang dinikmati sebelum daripadanya ditarik balik. Tidak mengapalah [*Bercakap dalam bahasa Arab*] yang lepas itu lepaslah, yang telah berlalu, berlalulah. Kita harap selepas daripada ini dengan semangat untuk melakukan perubahan ayuh kita matangkan demokrasi dengan memberikan peranan yang lebih besar kepada pembangkang untuk melahirkan keupayaan pembangkang membantu pembangunan negara dan juga negeri serta kawasan yang diwakili dengan baik sebagaimana dengan apa yang dinikmati oleh pihak kerajaan untuk menjadi pembangkang yang konstruktif, *insya-Allah*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kubang Kerian bangun.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Sila.

**Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Temerloh. Apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Temerloh tadi berkaitan dengan proses penerimaan keputusan pilihan raya dan juga untuk memamatkan sistem demokrasi. Adakah Yang Berhormat setuju jika sekiranya kita mencadangkan pihak Kerajaan Persekutuan menutup terus Jabatan Pembangunan Persekutuan di negeri Kelantan?

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Di atas semangat memamatkan demokrasi saya percaya semua boleh bersetuju termasuklah rakan-rakan kita daripada pihak kerajaan. Kalau ini tidak bersetuju bererti episod malang bagi demokrasi negara kita akan terus berpanjangan.

Tuan Yang di-Pertua, kita mesti memulakan dan mewujudkan demokrasi matang buat negara ini dengan sekali lagi saya mahu memastikan setiap daripada wakil rakyat ataupun Ahli-ahli Parlimen yang dipilih oleh rakyat walaupun tidak mewakili kerajaan mereka diberikan hak termasuklah hak peruntukan untuk membangunkan kawasan dan juga Parlimen yang diwakili oleh mereka.

Sebagai contoh hasrat saya dan juga rakyat di Temerloh ingin menjadikan sebagai...

**Dato' Irmohizam bin Ibrahim [Kuala Selangor]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Temerloh, Yang Berhormat Kuala Selangor bangun.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Sila.

**Dato' Irmohizam bin Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya mendengar ucapan Yang Berhormat mengenai memamatkan demokrasi. Di sini saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat selaku Ketua Pemuda PAS bolehkah Yang Berhormat menasihatkan Kerajaan Negeri Selangor untuk memberikan peruntukan Kerajaan Negeri Selangor kepada seluruh wakil rakyat Barisan Nasional di negeri Selangor. [*Tepuk*]

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya tekankan di sini ialah mesti bermula di peringkat Parlimen. [*Tepuk*] Mesti bermula di peringkat kerajaan. [*Dewan riuh*]

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** [*Bangun*]

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Jika sekiranya ia dapat dimulakan di peringkat nasional maka *insya-Allah* termasuk di negeri Kelantan, di negeri Selangor dan juga di negeri-negeri lain dan saya percaya Selangor telah melakukannya. Sila Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Yang Berhormat Temerloh dan Tuan Yang di-Pertua. Berdasarkan kepada apa yang disebutkan tadi saya harap pihak Barisan Nasional akan sanggup berikrar sekiranya negeri Selangor tahun ini mula memberikan peruntukan kepada ADUN-ADUN UMNO Barisan Nasional maka semua wakil rakyat Parlimen akan diberikan peruntukan yang sama di peringkat negeri. *[Tepuk]* Kalau boleh berikrar dan berjanji begitu tahun ini *insya-Allah* kita akan mulakan di Selangor dan kita akan tunjukkan bagaimana sistem demokrasi sepatutnya diamalkan. Terima kasih.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Baik, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, inilah corak dan inilah contoh kematangan demokrasi yang saya mahu sebagaimana yang kita hasratkan untuk membangunkan negara...

**Dato' Irmohizam bin Ibrahim [Kuala Selangor]:** *[Bangun]*

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** ...Sebentar. Untuk kita membangunkan negara dan juga membangunkan negeri serta kawasan yang kita wakili selayaknya begitu. Ditimbulkan kenapa negeri sebelum daripada ini tidak memberikan peruntukan dan seumpamanya. Saya kira beginilah untuk memamatkan demokrasi, contoh yang paling utama terletak di Parlimen. Selepas itu...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Boleh, boleh bagi?

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** ...Kita selaraskan di semua peringkat negeri mesti melaksanakannya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tanjong Karang bangun.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** ...Tidak kiralah negeri mana dan siapa yang memimpin ataupun memerintah negeri tersebut. Sebagai contoh di Kelantan macam mana Kelantan hendak beri jika sekiranya geran untuk kerajaan negeri juga dilengahkan dan begitu juga saluran bantuan daripada pihak Kerajaan Pusat kepada negeri juga disalurkan kepada jabatan tertentu bukan kepada kerajaan negeri. Jadi sudah tentulah amalan-amalan begini tidak baik dan jika sekiranya kita dapat pulihkan amalan ini dan kita selaraskan *insya-Allah* semua wakil rakyat tidak kira daripada mana-mana parti berhak untuk mendapat peruntukan yang serupa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tanjong Karang. Hendak bagi laluan tidak Yang Berhormat Temerloh.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** ...Untuk memimpin negeri dan juga kawasan Parlimen yang diwakili.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Temerloh. Sila.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah kepada Yang Berhormat Temerloh. Ucapan Yang Berhormat Temerloh ini sama macam dengan ucapan yang saya pernah dengar sejak tahun 1995 waktu saya mula-mula jadi Ahli Parlimen ketika itu itulah ucapan pembangkang. Kalau mereka memerintah mereka akan berlaku adil, mereka akan beri peruntukan kepada semua wakil rakyat kerana wakil rakyat ini ialah suara rakyat yang dipilih oleh rakyat. Akan tetapi bila mereka menjadi kerajaan di Selangor, di Kelantan mereka tidak laksanakan apa yang mereka cakap. Hari ini Yang Berhormat Shah Alam hendak suruh kita janji pula. *[Ketawa]*

Ini menunjukkan bahawa pembangkang ini ialah hipokrit. Satu hipokrit. Berhentilah cakap-cakap hipokrit dalam Parlimen. *[Tepuk]* Ceramah dekat kampung bolehlah. Terima kasih.

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Yang Berhormat Temerloh, minta laluan.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengemukakan pandangan ini dan saya harap supaya pihak Parlimen dapat

melaksanakannya dan jika sekiranya ia dapat dilaksanakan maka selaraskan di seluruh negara dan komitmen ini akan dicontohi oleh setiap negeri tidak kiralah negeri itu dipimpin oleh Barisan Nasional ataupun oleh Pakatan Rakyat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Nerus bangun.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Temerloh hendak bagi laluan atau tidak?

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Mana?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Nerus.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Sila, sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Sila.

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Temerloh. Kalau kita merujuk kepada apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri persoalan perpaduan nasional adakah patut kita melihat ke belakang atau kita melihat ke depan. *[Membaca Ayat 18 Surah Al-Hasyr]* Setiap orang perlu melihat apa yang dia boleh kemukakan pada besok hari. Kalau kita meneliti apa yang telah berlaku pada waktu silam tahun 1995 dan sebagainya kita tidak akan ke mana.

Maka saya rasa ini permulaan yang baik untuk Parlimen sebagai bapa bagi seluruh Malaysia untuk dimulakan di peringkat Parlimen kemudian diikuti oleh peringkat negeri. Bapa menunjukkan contoh yang terbaik. Adakah Yang Berhormat Temerloh bersetuju dengan pandangan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Sebelum itu Yang Berhormat Temerloh ada 10 minit lagi dan selepas ini saya harap Yang Berhormat Sabak Bernam bersiap sedia.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Ya, itu yang telah saya cadangkan sebentar tadi. Oleh kerana masa yang sangat singkat minta maaf saya teruskan ucapan ataupun perbahasan saya berkaitan dengan beberapa isu yang ingin saya kemukakan selepas ini.

Saya mengambil contoh tentang kematangan demokrasi ini ialah sebagaimana saya membawa dan juga memikul hasrat rakyat untuk menjadikan Temerloh sebagai satu bandar ilmu berasaskan kedudukan Temerloh sebagai bandar yang bersejarah dan juga bandar warisan dan juga bandar yang strategik di negeri Pahang dari segi geografinya Temerloh ini berada di tengah-tengah negeri Pahang. Malah ada juga berpendapat bahawa Temerloh ini adalah merupakan titik tengah kepada Semenanjung. Bahkan sejarah silam Temerloh ini diharumkan dengan nama-nama besar sebagai contoh Pak Sako, Abdul Rahman Talib, Dato' Bahaman dan lainnya. Akan tetapi kalau dilihat dalam arus pembangunan di negara kita termasuk di negeri Pahang, Temerloh agak ke belakang berbanding dengan kawasan-kawasan yang lain, negeri-negeri dan bandar-bandar utama yang lain.

Sebagai contoh Temerloh tidak mempunyai satu pun institusi pengajian awam walaupun dia telah dijanjikan oleh Barisan Nasional menerusi Yang Berhormat terdahulu maka saya berharap ia dapat diteruskan walaupun pada tahun ini, pada kali ini ianya dimenangi oleh pihak Pakatan Rakyat. Tidak dihentikan janji tersebut dan hasrat tersebut untuk mendirikan institusi pengajian awam di Temerloh. Supaya janji ini dapat dilaksanakan dengan membawa IPTA dan juga saya kira MRSM juga boleh didirikan memandangkan MRSM yang dibangunkan di Bentong agak mengalami kerosakan dan tidak berupaya beroperasi kerana kurangnya perancangan sebagaimana yang diharapkan sehingga hari ini. Tidak dapat berfungsi.

■1550

Sehingga hari ini, tanda-tanda untuk baik pulih terhadap tanah yang runtuh dan juga jerun yang runtuh masih belum dibaiki dan akhirnya ia tidak dapat dilaksanakan

dengan baik. Jadi, permohonan ini termasuklah untuk memenuhi pembinaan sekolah agama seperti mana sekolah menengah agama di Labu, Negeri Sembilan atas permintaan pengajian agama yang begitu tinggi di negeri Pahang. Jadi, harapan saya sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, agar Temerloh dan juga kawasan-kawasan Parlimen yang lain yang dimenangi oleh Pakatan Rakyat tidak diperlakukan sebagaimana apa yang kita dengar daripada kenyataan Menteri Besar Terengganu untuk tidak diberikan sebarang bentuk kemajuan kepada kawasan-kawasan yang dimenangi oleh Pembangkang. Jadi, agar Temerloh dan juga seluruh kawasan-kawasan Parlimen yang dimenangi oleh Pakatan Rakyat tidak dinafikan hak mereka dalam membangunkan negara dan juga membangunkan negeri serta kawasan yang diwakili.

Justeru itu Tuan Yang di-Pertua, saya menegaskan sekali lagi atas nama untuk memantapkan demokrasi supaya dilihat kerajaan juga dapat menerima keputusan Pilihan Raya Umum Ketiga Belas sebagaimana yang telah dititah oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya ulang balik, untuk diberikan perhatian, diberikan penekanan supaya geran peruntukan pembangunan itu mestilah turut diberikan pada semua kawasan Parlimen yang dimenangi oleh Pakatan Rakyat menerusi wakil rakyat yang dipilih secara sah oleh rakyat. Bukan melalui agensi-agensi lain yang diwujudkan seperti tidak mengiktiraf pilihan yang diberikan oleh rakyat dalam pilihan raya.

Janganlah nasib Terengganu yang saya sebutkan tadi yang telah berlaku pada tahun 1999 diulang, diulang dan diulang di kawasan-kawasan yang dimenangi oleh Pakatan Rakyat. Berilah hak mereka. Dengan itu demokrasi negara kita *insya-Allah*, akan menjadi lebih matang. Marilah kita beramal dengan apa yang difirman oleh Allah SWT. [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Satu ayat yang mengajar kita supaya kita berlaku adil sungguhpun pihak itu bukanlah datang daripada kelompok kita, rakan kita ataupun mungkin kita tidak suka dengan kelompok dan kaum itu tetapi janganlah sampai menindas dan melakukan kezaliman ke atas mereka.

Topik yang kedua Tuan Yang di-Pertua, titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga berkait dengan penambahbaikan sistem pendidikan dan meminta supaya kita menghayati dan memainkan peranan untuk menjayakan hala tujuanya. Untuk maksud itu, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai satu isu iaitu subjek pendidikan Islam. Khususnya di sekolah kolej vokasional yang mana saya melihat masa yang diperuntukkan untuk pendidikan Islam ini hanya sekitar 14 jam untuk satu semester iaitu bersamaan dengan satu jam seminggu secara formal *face to face*. Berbanding dengan sekolah menengah teknik yang saya kira juga berada di bawah ataupun bahagian yang sama iaitu bahagian pendidikan teknik dan vokasional, empat kali seminggu.

Begitu juga dengan sekolah menengah harian biasa, empat kali seminggu. Akan tetapi apa yang berlaku di peringkat sekolah menengah teknik vokasional ini, kita melihat waktu untuk pendidikan Islam terlalu minimum. Sedangkan kita percaya pendidikan adalah bermaksud untuk melahirkan tenaga kerja yang bukan saja mahir tetapi juga yang mampu untuk memiliki satu sahsiah yang tinggi, moral yang tinggi dengan integriti, amanah dan akhlak yang mulia. Ini kerana kita tidak mahu nanti mereka lahir sebagai seorang tenaga yang mahir dan akhirnya mampu menjadi pemimpin, mampu mewarisi kepimpinan negara, akhirnya terlibat dengan rasuah, terlibat dengan penyelewengan, terlibat dengan penyalahgunaan kuasa. Ini kerana mereka tidak mempunyai nilai integriti yang tinggi, ketakwaan yang tinggi kepada Allah SWT. Jadi, kita mahu supaya lahirnya satu sistem pendidikan yang seimbang, melahirkan kemahiran, dalam masa yang sama melahirkan nilai sahsiah yang tinggi dan juga yang bertakwa kepada Allah SWT. Kalau dalam pandangan Islamnya ialah supaya kita mengenal antara dosa dan pahala, tahu beza antara yang haq dan yang batil sehingga kita mempunyai tahap nilai integriti yang tinggi.

Seperkara lagi berkait dengan budaya dan cara kerja yang membantu pertumbuhan nilai pendidikan yang positif ini. Satu kaji selidik telah dilakukan oleh pensyarah kolej vokasional dan juga oleh Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan. Timbul satu isu berkait dengan waktu kerja antara pukul 8 sehinggalah jam 5 petang. Di mana guru-guru ini rasa teraniaya dan rasa tertekan akibat waktu kerja sehingga sembilan jam tanpa sebarang imbuhan, tanpa sebarang elaun kritikal ataupun bayaran lebih masa dengan kerja yang jauh berbeza dengan guru-guru yang bertugas di sekolah harian biasa hanya sekitar antara enam hingga tujuh jam sahaja. Jadi, penambahan waktu kerja antara 8 pagi hingga 5 petang ini membebankan mereka. Sedangkan guru-guru ini mempunyai satu tugas yang lain pula di luar sekolah untuk menyemak keputusan peperiksaan, untuk

menyediakan modul pembelajaran dan segala-galanya. Akhirnya, mereka tidak mempunyai satu keselesaan dalam melaksanakan tanggungjawab dan akhirnya tidak menyediakan satu perkhidmatan yang baik untuk membantu pertumbuhan sistem pendidikan yang tinggi dalam negara kita.

Bahkan ia juga memberi tekanan kepada pihak pelajar kerana waktu rehat yang dihadkan di sini hanya sekitar jam 1 hingga jam 2 petang. Satu jam daripada pagi sampai ke jam 5 petang mereka terpaksa belajar dalam satu *rally* yang begitu panjang. Akhirnya, menyebabkan tumpuan mereka kepada pembelajaran sangat lemah. Jadi, ini adalah satu perkara yang ingin ditekankan supaya kita dapat mempertingkatkan satu sistem pendidikan yang mampu untuk melahirkan keseimbangan antara keperluan kemahiran tenaga kerja, profesionalisme mereka. Dalam masa yang sama juga ialah membina tahap keupayaan sahsiah mereka.

Jadi, saya rasa sekadar itulah yang telah saya sampaikan ini. Moga-moga ianya dapat diberikan perhatian. Terima kasih dalam masa diperuntukkan kepada saya, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Temerloh, satu contoh yang baik, menepati masa. Sila Yang Berhormat Sabak Bernam, setengah jam juga diberikan.

**3.57 ptg.**

**Tuan Haji Mohd. Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana saya diberi kesempatan untuk turut serta berbahas Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya terlebih dahulu mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana telah memberikan kekuatan mental dan fizikal untuk turut sama memberi ucapan yang menjunjung kasih titah ucapan Yang di-Pertuan Agong.

Pada masa mesyuarat yang pertama, persidangan Penggal Pertama Parlimen Ketiga Belas pada 25 Jun 2013 yang baru lalu, Baginda telah berucap secara peribadi. Sesungguhnya hari ini adalah merupakan hari yang bersejarah kerana hari inilah saya berdiri dan berucap di Dewan yang mulia ini buat kali yang pertama sebagai Ahli Dewan Rakyat. *Insyaa-Allah* saya akan menunaikan tanggungjawab dan amanah yang telah diberikan rakyat ini dengan sebaik-baiknya bagi menyuarakan hasrat rakyat khususnya penduduk-penduduk di Parlimen Sabak Bernam.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapan Baginda, Tuanku telah menyentuh secara menyeluruh berbagai aspek negara termasuklah ingatan supaya semua pihak menerima dan menghormati keputusan Pilihan Raya Umum Ketiga Belas. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang telah melaksanakan tugas menjalankan pilihan raya dengan adil, telus dan lancar walaupun mungkin ada kelemahan di sana sini. Kini tiba masanya untuk semua Ahli-ahli Dewan Rakyat melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing.

■1600

Oleh itu adalah tidak wajar jika ada lagi mana-mana pihak yang cuba mempertikaikan keputusan Pilihan Raya Ketiga Belas yang telah berlalu.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Sabak Bernam.

**Tuan Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Tuan Yang di-Pertua

...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Sabak Bernam,

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu bangun Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Pencelahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Bagilah sedikit sahaja, satu minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak, tidak bagi Yang Berhormat. Duduk.

**Tuan Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Izinkan saya dalam Ucapan Menjunjung Kasih Ucapan Yang di-Pertuan Agong ...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tidak bagi dia kena sebutlah. Itu cara...

**Tuan Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Ini baru bermula. Bagi peluang saya sedikit.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Sedikit, sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu duduklah Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Ini pertama kali berucap ini. Bagi peluang saya berucap, selepas itu mungkin di pertengahan nanti bolehlah tanya. *Insyah-Allah* saya akan bagi. Izinkan saya dalam membahas Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong ini menyentuh beberapa perkara penting berhubung dengan aspek pendidikan, kesihatan, keselamatan dan keamanan negara, pembangunan keluarga dan masyarakat, sektor pertanian, perkhidmatan awam dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin menyentuh berhubung dengan pendidikan kerana saya adalah merupakan kakitangan pendidikan sebelum ini. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah merangka sistem pendidikan yang lebih komprehensif dan holistik Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) pada 2013 hingga 2025 bagi melahirkan modal insan berpengetahuan dan berkemahiran untuk memenuhi keperluan negara khususnya bagi mencapai negara maju berpendapatan tinggi.

Saya ingin menyentuh tentang iltizam kerajaan untuk membangunkan modal insan berkualiti tinggi melalui memperkasakan pendidikan dengan memantapkan pendidikan pra sekolah, meningkatkan kadar literasi, mewujudkan sekolah berprestasi tinggi dan mengiktiraf pengetua dan guru besar sekolah. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah mengambil langkah bijak menggabungkan Kementerian Pelajaran dengan Kementerian Pengajian Tinggi bagi memperkasakan lagi pendidikan negara ini melalui penggabungan kepakaran dan kepelbagaian ilmu yang terdapat di universiti.

Berhubung dengan pendidikan saya ingin menyentuh pandangan Profesor Dr. Teo Kok Seong iaitu Timbalan Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu atau pun (ATMA) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang menyarankan bahawa sistem persekolahan satu aliran sewajarnya diperkenalkan bagi membentuk perpaduan selain mewujudkan interaksi berbilang kaum terutama generasi muda negara ini.

Sistem pendidikan satu aliran adalah penting bagi membentuk acuan kepada jati diri dan sekali gus mencapai aspirasi nasional. Dalam hubungannya ini, tokoh pendidik Tan Sri Abdul Rahman Arshad yang merupakan Pro Canselor Universiti Teknologi Mara atau pun (UiTM) menyarankan agar kerajaan menghapuskan Sistem Persekolahan Vernakular bagi memperkukuhkan perpaduan nasional di kalangan rakyat berbagai-bagai kaum di negara ini. Kewujudan 60 sekolah Vernakular Swasta dan 78 Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) pada masa kini menjadi punca kegagalan rakyat mengenali, memahami dan menghormati antara satu sama lain.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Minta laluan, minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat. Yang Berhormat boleh bangun, kemudian saya akan tanya yang berucap itu sama ada hendak bagi jalan atau tidak. Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Tuan Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Saya ingin mohon penjelasan kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan sejauh manakah usaha kerajaan untuk memupuk perpaduan nasional melalui pendidikan.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Boleh?

**Tuan Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Ya, silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Batu Gajah.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Saya hendak minta penjelasan adakah Yang Berhormat berpendapat bahawa semua sekolah Tamil dan sekolah Cina di negara ini ditutup. Apakah maksud Yang Berhormat?

**Tuan Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Tidak.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Saya tidak faham. Apa yang dimaksudkan tadi? Dalam ucapan tadi disebut bahawa semua sekolah vernakular ditukar dijadikan sebagai sekolah kebangsaan. Dalam erti kata yang lain, ini bermaksud semua sekolah Tamil dan juga sekolah-sekolah Cina harus ditutup. Adakah Yang Berhormat bermaksud sedemikian?

**Tuan Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Tidak. Saya sambung lagi ya.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Habis itu, apa maksud itu Yang Berhormat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak boleh macam ini Yang Berhormat.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak tanya penjelasan, penjelasan.

**Tuan Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Ya, kita akan mewujudkan sekolah wawasan yang di mana mewujudkan di antara masyarakat India, masyarakat Cina dan masyarakat Melayu dan juga masyarakat-masyarakat yang lain. Baik, saya sambung balik.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pendidikan saya ingin membangkitkan berhubung dengan pentadbiran dan pengkhususan sekolah yang perlu dipertingkatkan khususnya dari segi kakitangan infrastruktur dan prasarana termasuklah Pejabat Pelajaran Daerah yang menjadi nadi pentadbiran sekolah di peringkat daerah. Fungsi PPD bukan sahaja bertanggungjawab bagi pengurusan, perancangan dan pembangunan sekolah tetapi juga pengurusan penempatan dan pertukaran guru. Kakitangan dan murid pengurusan kurikulum peperiksaan hal ehwal murid seperti sukan dan bimbingan kaunseling, pengurusan latihan dan kemajuan *staff*, pengurusan kewangan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan perkara ini kerana Pejabat Pendidikan Daerah Sabak Bernam yang ditempatkan di bangunan Sekolah Kebangsaan Sri Makmur semenjak 1 Jun 1992 setelah 27 tahun PPD Sabak Bernam kini telah ditempatkan di bangunan PPD sementara di Pekan Sabak Bernam bagi menempatkan 70 orang kakitangan. Bagaimanapun, keadaan tidak kondusif bagi menempatkan begitu ramai pegawai dan kakitangan. Saya memohon agar Kementerian Pendidikan menyegerakan pembinaan Pejabat Pendidikan Daerah Sabak Bernam bagi melicinkan pengurusan 64 buah sekolah kebangsaan dan menengah iaitu Sekolah Kebangsaan 35, SJK(C)10, SJK(T) 2, SMK(8), SAM (7), SMKA (1) dan SBPI(1) di Daerah Sabak Bernam.

Tuan Yang di-Pertua, keduanya saya ingin menyentuh berhubung dengan kesihatan. Tuanku dalam Titah Baginda telah menyentuh berhubung dengan langkah kerajaan menggalakkan masyarakat mengamalkan gaya hidup sihat dan langkah pencegahan awal penyakit kronik. Sehubungan dengan itu, saya membangkitkan hasil kajian Institut Penyelidikan Perubatan Malaysia (IMR) dan tiga universiti iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM)

tempatan terhadap 53,000 penghidap kencing manis seluruh negara di mana lebih 70% daripada penghidap kencing manis di negara ini menghadapi risiko buta, strok, kegagalan jantung dan buah pinggang serta kudung kerana gagal mengawal paras gula dalam badan.

Kajian berkenaan juga menjangkakan Malaysia akan mempunyai penyakit kencing manis paling tinggi di Asia Tenggara. Dalam tempoh empat tahun lagi apabila 3.6 juta rakyat di negara ini menghidap penyakit kronik ini. Kajian Persatuan Diabetes Malaysia dan Majlis Pencegahan Obesiti tahun lalu mendapati jumlah penyakit diabetes telah meningkat sebanyak 15% setahun daripada 2.6 juta penyakit membabitkan individu berumur 30 tahun ke atas. Kaji Selidik Kesihatan dan Mobiliti Nasional (NHMS) 2011 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan tahun lalu menunjukkan satu daripada lima orang dewasa di negara ini menghidap kencing manis.

#### ■1610

Angka-angka ini agak membimbangkan. Oleh itu saya ingin mendapat penjelasan kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan apakah langkah yang diambil bagi menangani peningkatan penyakit diabetes ini. Selain itu apakah kerajaan untuk mengawal penyakit sedia ada bagi mengelakkan mereka dari mengalami kesan paras gula tinggi seperti buta, kerosakan buah pinggang, jantung dan lain-lain.

Berhubung dengan kesihatan ini, saya ingin mendapat penjelasan kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan berhubung cadangan membina Pejabat Kesihatan Sabak Bernam, Klinik Kesihatan Sungai Besar dan Klinik Kesihatan Sabak Bernam. Pejabat Kesihatan Sabak Bernam mulanya menumpang di pejabat daerah semenjak tahun 1963 dan kemudiannya menyewa di kompleks pejabat daerah yang baru semenjak tahun 1970. Setelah 39 tahun, Pejabat Kesihatan Sabak Bernam masih menyewa di Daerah Sabak Bernam sementara ini, Klinik Kesihatan Sungai Besar dan Klinik Kesihatan Sabak Bernam yang dibina semenjak tahun 1960-an lagi terpaksa beroperasi dengan kemudahan yang terhad. Klinik-klinik ini sama seperti klinik kesihatan yang lain yang memberikan perkhidmatan pesakit luar dan kesihatan keluarga yang ibu-ibu dan kanak-kanak, klinik pergigian dan farmasi. Saya ingin memohon penjelasan daripada Kementerian Kesihatan berhubung dengan status cadangan pembinaan pejabat kesihatan daerah dan kedua-dua klinik ini.

Tuan Yang di-Pertua, Tuanku dalam Titah Baginda juga menyentuh berhubung ketenteraman awam dan keselamatan negara yang menjadi keutamaan kerajaan. Sehubungan dengan ini, saya ingin mendapat penjelasan Kementerian Dalam Negeri berhubung dengan cadangan membina Ibu Pejabat Polis Daerah Sabak Bernam yang telah dipohon semenjak tahun 2007. Kawasan pentadbiran IPD Sabak Bernam meliputi kawasan seluas 98,160 hektar dengan jumlah penduduk melebihi 140,000 orang. Terdapat tujuh buah balai polis di bawah pentadbiran IPD iaitu Balai Polis Sungai Besar, Sabak Bernam, Sekinchan, Sungai Tawar, Merbau Berdarah, Parit Baru dan Sungai Nibong.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Mohd. Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** ...Selain pondok polis komuniti di Bagan Nakhoda Omar dan Taman Batu Permai.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *Point of order*. Sekejap Yang Berhormat. Yang Berhormat Sabak Bernam, sekejap. *Point of order* ya. Sila Yang Berhormat Bukit Gelugor.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order*. Peraturan Mesyuarat 36(10)(c). Adalah salah pada peraturan menggunakan (c) ini yang berkaitan. Perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan sakit-sakit hati atau bermusuhan-musuhan di antara satu kaum dengan satu kaum dalam Malaysia atau melanggar. Ini penting Tuan Yang di-Pertua. Atau melanggar mana-mana syarat dalam perlembagaan atau Akta Hasutan 1948.

Yang Berhormat tadi ada di antara lain menyatakan dan maksud jawapan yang dinyatakan adalah hapuskan sekolah Cina dan sekolah-sekolah Tamil. Ini adalah melanggar dengan peruntukan dalam Akta Hasutan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.



**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Dan itu tidak dikecualikan dalam Dewan yang mulia ini. Boleh didakwa di mahkamah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sabak Bernam, saya ingin penjelasan dalam perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor. Adakah Yang Berhormat mengatakan bahawa ingin menghapuskan sekolah-sekolah Tamil dan Cina di negara ini.

**Tuan Haji Mohd. Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *Mic.*

**Tuan Haji Mohd. Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Ini berhubung dengan pendidikan yang disebutkan oleh seorang profesor.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, soalan saya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bermaksud untuk menghapuskan sekolah-sekolah.

**Tuan Haji Mohd. Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Ya, dia bukan untuk menghapuskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, ya. Mana, Yang Berhormat? Dia tidak ada melanggar Peraturan Mesyuarat 36(10)(c), Yang Berhormat.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Maksud adalah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia tidak maksudkan sedemikian.

**Tuan Haji Mohd. Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Dia tidak kerana kita hendak menunjukkan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Teruskan Yang Berhormat ya.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya dapatkan satu *ruling*?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak. Tidak bermaksud sedemikian maknanya dia tidak ada membuat sebarang pelanggaran antara perkara 36(10)(c). Tidak apalah Yang Berhormat. Ya, teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mohd. Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Tuanku telah menyatakan komitmen untuk memartabatkan Islam berteraskan *maqasid* syariah dan memelihara Islam sebagai agama persekutuan. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Dr. Asyraf Wajdi Dusuki yang telah dilantik sebagai Yang Dipertua Yayasan Dakwah Malaysia (YADIM) baru-baru ini. Sesungguhnya pelantikan beliau amat tepat memandangkan beliau adalah bekas ketua penyelidik kewangan Islam dan penasihat syariah di beberapa institusi perbankan dan kewangan dalam dan luar negara. Saya yakin beliau mampu memperkasakan aktiviti dakwah Islam melalui pendekatan dinamik dan progresif selaras dengan generasi kini.

Saya juga berharap beliau bukan sahaja akan berjaya menyampaikan dakwah kepada umat Islam tetapi mengajak lebih ramai bukan Islam untuk memahami Islam. Sehubungan dengan itu saya ingin mendapatkan penjelasan sejauh manakah kerajaan telah mengambil tindakan terhadap rakan yang cuba memurtadkan umat Islam termasuk penggunaan media sosial, *FaceUp* dan *BlackBerry*.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Sabak Bernam.

**Tuan Haji Mohd. Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Seterusnya saya ingin menyentuh...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan, Yang Berhormat?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Sabak Bernam, hendak minta penjelasan.

**Tuan Haji Mohd. Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Sekejap lagi, sekejap lagi.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sikit sahaja, sikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak bagilah itu.

**Tuan Haji Mohd. Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Seterusnya saya ingin menyentuh berhubung dengan Lembaga Tabung Haji (LTH). Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Lembaga Tabung Haji yang telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang dari segi pengurusan dan pelaburan, seterusnya menjadi modal organisasi Islam bagi negara lain.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Boleh, ya? Yang Berhormat Sabak Bernam, sudah boleh ya? Sudah okey? Boleh ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi, Yang Berhormat?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Boleh, ya? Saya hendak sokong ini. Sekejap lagi, ya?

**Tuan Haji Mohd. Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Sepanjang lima dekad Tabung Haji telah berdiri teguh dengan pegangan saham melalui, meliputi berbagai-bagai sektor hasil pelaburan, perkumpulan penyimpan Tabung Haji. Bagi meningkatkan lagi kecekapan, melicinkan dan melancarkan urusan penyimpanan dan pengeluaran wang menyimpan, saya ingin mencadangkan agar LTH menyediakan mesin ATM bagi pengeluaran wang dan mesin CDM bagi menyimpan wang di pejabat-pejabat LTH.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sudah boleh, ya?

**Tuan Haji Mohd. Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Bagi kemudahan urusan menyimpan dan pengeluaran wang penyimpan LTH. Pada peringkat awal ini, saya ingin mencadangkan...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Sabak Bernam.

**Tuan Haji Mohd. Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** ...Agar mesin-mesin ATM dan CDM ditempatkan di ibu pejabat negeri.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Sabak Bernam, boleh ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan, Yang Berhormat?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Boleh ya, Yang Berhormat Sabak Bernam?

**Tuan Haji Mohd. Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Sekejap lagi, ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Sabak Bernam lawan dengan...

**Tuan Haji Mohd. Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Berhubung dengan Tabung Haji ini juga, saya ingin mendapatkan penjelasan bilangan penyimpan Tabung Haji masa kini dan bilangan penyimpan yang telah berdaftar untuk menunaikan haji setakat tahun 2013. Saya juga mendapatkan penjelasan apakah langkah yang diambil bagi memastikan penyimpan Tabung Haji tidak menunggu terlalu lama untuk menunaikan haji khususnya warga emas.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung dengan Anugerah Sasterawan Negara. Anugerah Sasterawan Negara mula diperkenalkan pada tahun 1941. Apabila Keris Mas ataupun Kamaludin Muhamad dinobatkan sebagai penerima pertama. Kemudian diikuti oleh Datuk Shahnnon Ahmad pada tahun 1982, Datuk Dr. Usman Awang pada tahun 1983, Datuk A. Samad Said pada tahun 1985, Arenawati pada tahun 1987. Profesor Dr. Muhammad Salleh pada tahun 1991, Datuk Noordin Hassan pada tahun 1993, Datuk Abdullah Hussain pada tahun 1996, S. Othman Kelantan pada tahun 2003, Dr. Anwar Ridhwan pada tahun 2009, Ahmad Kamal Abdullah ataupun Kemala pada tahun 2011 dan Baha Zain pada tahun 2013.

## ■1620

**Tuan Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Anugerah Sasterawan Negara adalah merupakan anugerah tertinggi negara kepada sasterawan sebagai pengiktirafan di atas sumbangan dalam seni kesusasteraan tanah air melalui ciptaan karya kreatif, pemikiran dan kegiatan sastera bermutu tinggi. Saya membangkitkan berhubung dengan Anugerah Sasterawan Negara ini kerana sejak penyair Perancis Sully Prudhomme memenangi Hadiah Nobel kali pertama 1901. Hanya empat Sasterawan Asia menerima Hadiah Nobel. Tiada seorang pun karyawan Asia Tenggara tersenarai. Kita berharap Sasterawan Negara yang masih hidup akan terus tersenarai sebagai pemenang Hadiah Nobel.

Ramai karyawan-karyawan dan pengkaji sastera berpendapat beberapa hasil karya Sasterawan Negara sudah layak untuk dipertimbangkan untuk pencalonan Hadiah Nobel namun kurang promosi dan usaha berterusan membawa karyawan tempatan ke peringkat antarabangsa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jasin bangun Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Ya

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Sabak Bernam, seorang pakar daripada bidang pendidikan. Jadi, saya ingin hendak bertanya sedikit pendapat daripada Yang Berhormat tentang cadangan untuk memansuhkan meritokrasi supaya kita dapat mengembalikan semula keadilan kepada pelajar-pelajar Melayu. Ini kerana, pada ketika ini kita dapat lihat bahawa meritokrasi telah menyebabkan yang pertamanya, pelajar Melayu gagal menjadi dominan dalam merebut biasiswa kerana pada tahun ini kita dapati bahawa 80% daripada biasiswa yang berdasarkan dari meritokrasi ini hanya direbut oleh satu kaum saja, Cina.

Jadi, bagaimana pandangan Yang Berhormat sebagai seorang ahli pendidik, adakah cadangan untuk memansuhkan amalan meritokrasi ini adalah satu cadangan yang terbaik? Terima kasih.

**Tuan Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Terima kasih Yang Berhormat kerana telah memberi pandangan tentang sistem meritokrasi. Sistem meritokrasi ini ialah sistem yang mana siapa yang mendapat keputusan terbaik akan masuk ke bidang mana-mana institusi pengajian tinggi ataupun mana-mana institut pengajian tertinggi di Malaysia ini. Ini bagi saya lah kerana kita di bidang pendidikan ini kita perlu ada sistem yang mana sistem meritokrasi memberi peluang kepada semua pelajar dan pelajar akan berlumba-lumba untuk meningkatkan pendidikan. Ini dengan harapan pelajar-pelajar di semua peringkat akan dapat belajar bersungguh-sungguh. Siapa yang mendapat keputusan yang terbaik, sistem merit ini, saya bersetujulah cadangan daripada Yang Berhormat sebentar tadi. Kita...

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Yang Berhormat saya sambung sedikit. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa di IPT dan IPTA pada ketika ini hanya terdapat 35% sahaja pelajar Melayu. Walaupun komposisi dalam Malaysia ketika ini kita menjadi bangsa yang dominan tetapi disebabkan oleh meritokrasi kerana kebanyakan kita yang duduk di luar bandar mempunyai peluang yang terhad bukan sahaja untuk mendapatkan pendidikan lanjutan bahkan juga peluang-peluang untuk anak-anak kita mendapat kepujian ataupun kecemerlangan dalam pendidikan. Terima kasih.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Mencelah sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ampang bangun Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Sebentar ya, saya habiskan sedikit lagi.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Habis-habis lepas itu habis semua sudah. Tidak boleh celah sudah.

**Tuan Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Saya sambung lagi, tiada seorang pun karyawan Asia Tenggara tersenarai. Kita berharap sasterawan yang masih hidup akan turut tersenarai sebagai pemenang Hadiah Nobel. Ramai karyawan-karyawan dan pengkaji sastera berpendapat beberapa hasil karya sasterawan negara sudah layak untuk dipertimbangkan untuk pencalonan Hadiah Nobel. Namun, kurangnya promosi dan usaha berterusan membawa karya tempatan ke peringkat antarabangsa menyebabkan karya sastera negara belum mampu mencapai Hadiah Nobel.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapat penjelasan kerajaan bilangan karya sastera khususnya karya Sasterawan Negara yang telah diterjemahkan ke bahasa utama dunia oleh Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) bagi memartabatkan lagi karya sastera negara? Apakah langkah kerajaan bagi mengetengahkan karya sasterawan ini ke persada dunia sehingga mampu mendapatkan pengiktirafan Hadiah Nobel.

Tuan Yang di-Pertua, tuanku turut bertitah tentang kepentingan jaminan bekul makanan dan inisiatif untuk membangunkan industri agro makanan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat boleh mula gulung.

**Tuan Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Saya mengalu-alukan langkah kerajaan membuka empat jelapang padi baru di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Saya berharap kerajaan akan terus pembukaan kawasan jelapang padi bagi memastikan pengeluaran padi mencukupi bagi keperluan negara memandangkan beras negara kini hanya menampung 65% hingga 70% sahaja dari keperluan negara. Dalam hubungan ini saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan khususnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengenai langkah yang diambil kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran padi negara.

Saya juga ingin mendapat penjelasan sama ada kerajaan bercadang memperkenalkan padi *hybrid* yang ditanam meluas di China. Padi *hybrid* jenis HZ1 dan HS9 menurut kajian MARDI didapati sesuai bagi menggantikan MR219 dan MR220 kerana mempunyai daya tahan melawan penyakit. Adakah kerajaan bercadang memperkenalkan jenis benih padi baru yang mampu meningkatkan keluaran hasil padi negara? Saya juga ingin mendapat penjelasan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani berhubung dengan penggunaan baja organik untuk penanaman padi dan tanaman lainnya. Sejauh manakah kerajaan menggalakkan penggunaannya? Adakah kerajaan ada membuat penyelidikan yang khusus berhubung dengan baja organik ini?

Saya juga ingin mendapat penjelasan bilangan pengusaha dan pengeluar baja organik tempatan dan bilangan lesen atau permit untuk baja organik yang telah dikeluarkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Ya sedikit lagi. Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyatakan keyakinan bahawa negara di bawah Kerajaan Barisan Nasional dipimpin Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak akan memacu negara untuk menjadi negara maju berpendapatan tinggi menjelang ambang 2020 ataupun lebih awal. Segala yang diusahakan kerajaan telah dilakukan dengan tulus dan ikhlas untuk membina negara bangsa. Memastikan keharmonian, keamanan sentiasa terpelihara, setiap warganegara telah diberikan peluang untuk memajukan diri tanpa mengira bangsa, agama dan keturunan, malah setiap rakyat terbela dan tidak dipinggirkan dalam arus pembangunan. Sesungguhnya kita memerlukan generasi Malaysia di masa hadapan, generasi 1Malaysia bagi membina negara berpendapatan tinggi. Sekian terima kasih, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Lembah Pantai.

4.29 ptg.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih. *Bismillaahir Rahmaanir Rahaamir. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam reformasi. Tuan Yang di-Pertua tahniah kerana dipilih sekali lagi. Saya menjunjung kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sewaktu pembukaan

Penggal Pertama Parlimen Ketiga Belas pada Selasa yang lepas dan saya bersyukur kerana diberikan peluang untuk turut serta dalam perbahasan Titah Ucapan ini.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada warga P.121 Lembah Pantai yang buat kali keduanya memberikan amanah yang cukup besar dan bermakna untuk menjadi wakil rakyat Lembah Pantai di Dewan yang mulia ini. Saya petik firman Allah yang bermaksud "*Hai orang-orang yang beriman janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul, Muhammad dan juga janganlah kamu mengkhianati amanat-amanat yang dipercayakan kepadamu sedang kamu mengetahuinya.*" Surah al-Anfaal Ayat 27.

#### ■1630

Semoga Allah memberikan taufik hidayah dan kekuatan kepada kita Tuan Yang di-Pertua, yang terpilih untuk menjalankan tugas dengan baik, amanah, jujur dan cekap.

Tuan Yang di-Pertua, perlembagaan teras kenegaraan. Saya menyahut dengan penuh taat setia saranan titah Duli Yang Maha Mulia agar memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaan Persekutuan. Sememangnya perlembagaan berfungsi sebagai teras kenegaraan dan menjadi titik permulaan sebuah negara demokratik. Apabila Yang di-Pertuan Agong bertitah mengenai perlembagaan, ia membawa maksud bahawa tujuan atau '*maqasid*' perlembagaan menjadi tonggak kepada negara yang tercinta. Hakikat ini harus kita percaya dengan tuntas dan jelas.

Sesungguhnya tujuan perlembagaan adalah untuk melahirkan demokrasi tulen dan bukan demokrasi yang palsu. Justeru, segala usaha untuk mewujudkan titik persefahaman yang disarankan Baginda Yang di-Pertuan Agong mahupun pendamaian nasional atau *national reconciliation* dengan izin, yang ditawarkan Pengerusi Barisan Nasional mesti dimulakan dengan meluhurkan perlembagaan ke arah memulihkan demokrasi yang wajib bersifat tulen yang menjadi teras legitimasi kerajaan dan kenegaraan kita.

Rukun pertama Tuan Yang di-Pertua, demokrasi tulen adalah pilihan raya yang bersih, bebas dan adil. Rukun kedua demokrasi tulen adalah mandat majoriti rakyat 51% sebagai suara teramai sistem perwakilan demokrasi atau *democratic representation* yang harus diutamakan. Rukun ketiga demokrasi tulen adalah menjamin prinsip pemisahan kuasa demi kepentingan rakyat bukannya kepentingan kroni. Jika tiga rukun asas demokrasi tulen ini tidak diwujudkan atau dizahirkan, saya khuatir titah Yang di-Pertuan Agong untuk memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaan Persekutuan akan diingkari oleh Parlimen Ketiga Belas ini. Bukankah ini satu pengkhianatan dan perbuatan yang derhaka.

Tuan Yang di-Pertua, pilihan raya bersih asas demokrasi. Rukun pertama yang saya sebut tadi, demokrasi tulen adalah pilihan raya yang bersih, bebas dan adil. Dewan yang mulia ini mestilah sedar bahawa mandat majoriti 51% yang diamanahkan kepada Pakatan Rakyat memberikan hak dan kuasa mewakili suara majoriti rakyat Malaysia. Dewan juga sedar dan harus sedar bahawa Pakatan Rakyat adalah wakil sah untuk majoriti rakyat dari segi demokrasi. Kadangkala sampai membawa kepada frasa BN hanyalah kerajaan minoriti. Ini bermaksud juga bahawa BN sebagai kerajaan minoriti mestilah mengambil kira secara serius saranan mahupun kehendak rakyat dengan izin, *the people's will* yang majoriti.

Mungkin ada yang memperlekehkan kemenangan 51% dengan merujuk kepada keputusan pilihan raya presiden atau negara lain di mana undi popular tidak menentukan pembentukan kerajaan tetapi hakikatnya, 51% masih tetap suara majoriti. Bukankah ini petanda sistem pilihan raya yang harus dan wajar diperbaiki agar jurang serta kontradiksi ini dihapuskan. Apakah kehendak rakyat atau *the people's will* sekarang? Kehendak rakyat menuntut agar sistem pilihan raya yang nyata gagal dan pincang termasuklah menerusi petisyen-petisyen. Begitu banyak petisyen dibawa oleh Barisan Nasional termasuk di Lembah Pantai mesti dipulihkan dengan melaksanakan pemuliharaan segera di bawah satu jawatankuasa Parlimen dengan pimpinan SPR (Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia) yang baru dan juga *credible*. Ini bermaksud kehendak rakyat melihat Pilihan Raya Umum Ke-13 sebagai pilihan raya umum transisi yang benar-benar mewujudkan kerajaan minoriti sementara sebelum diadakan pilihan raya umum yang baru yang benar-benar bersih, bebas dan adil. Rakyat tahu Tuan Yang di-Pertua, bahawa lima tahun diberikan kepada SPR...

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Minta laluan.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Biar saya habiskan ayat saya dahulu. Yang Berhormat Machang, saya habiskan dulu. Selepas ini ya, saya hendak habiskan ayat saya dahulu. Rakyat tahu bahawa lima tahun telah diberikan kepada SPR untuk membuat penambahbaikan sistem pilihan raya. Kita bincang, kita bahas dalam Dewan yang mulia ini suara rakyat seperti NGO-NGO mewakili BERSIH, Jawatankuasa Terpilih Parlimen pada tahun 2011 ditolak dengan alasan-alasan yang tidak munasabah. Apa yang lebih meruncing, yang dilaksanakan pun lebih teruk daripada melepaskan batuk di tangga. Kepincangan SPR ini terbukti apabila dakwat kekal yang dijamin tidak dapat dibasuh tujuh hari terus hilang dalam tujuh minit bagi setengah-setengah individu. Saya rujuk kepada kenyataan Datuk Kamaruddin Baria, Setiausaha SPR pada 28 April 2013, katanya "*Untuk pengundian awal ini, pengundi-pengundi akan dicalit dakwat kekal pada jari telunjuk sebelah tangan kiri. Dakwat kekal ini berbeza warnanya berbanding dengan pengundian biasa dan akan melekat pada jari selama tujuh hari*".

Percanggahan atau kontradiksi isu dakwat kekal terus menebal apabila kemudiannya Kementerian Kesihatan, Datuk Sri Dr. S. Subramaniam mengakui tidak pernah diminta oleh SPR sebarang laporan untuk mengurangkan bahan kimia *silver nitrate*. Saya dapat laporan kejam ada kata 1%, kejam kata 2%, kejam kata 3% *silver nitrate*. Semua disebut dan Kementerian Kesihatan, Menteri sendiri menyatakan SPR tidak pernah meminta Kementerian Kesihatan untuk mengurangkan bahan kimia *silver nitrate* atas alasan kesihatan. Jadi gambaran yang diberikan kepada rakyat bahawa dakwat kekal mengandungi bahan kimia *silver nitrate* yang diperlukan untuk kekal di jari selama tujuh hari diteruskan dengan taklimat alasan, salahnya lupa goncang 30 saat. Dia kena goncang 30 saat baru dia melekat. Itu alasan yang diberikan kepada saya dan Yang Berhormat dari Batu semasa kami melawat Timbalan Setiausaha SPR dua hari sebelum pilihan raya.

Jadi nyata sekali kesemua kenyataan sidang media dan taklimat mengenai kesahihan dakwat kekal adalah palsu apabila semalam Menteri baru kita, Dato' Seri Shahidan bin Kassim menjawab Ahli Parlimen Segambut, "*Tiada kandungan bahan-bahan kimia digunakan dalam dakwat tersebut. Sebaliknya ia digantikan dengan penggunaan bahan-bahan pewarna makanan yang diluluskan*". Jadi perbuatan mengelirukan mengenai dakwat kekal memenuhi keperluan seperti yang digazet ini adalah satu *false claim* atau kenyataan palsu yang memiliki unsur jenayah *fraud* atau penipuan. Jadi kita tidak akan teruskan. Bila berlaku pengkhianatan terhadap pelaksanaan rukun pilihan raya sebegini, tidak memadai Tuan Yang di-Pertua dengan peletakan jawatan *in total* pimpinan SPR. Kita akan menyaman lapan pimpinan utama SPR kerana gagal dan menipu dalam pelaksanaan dakwat kekal ini. Kalau boleh saya hendak beri laluan kepada Yang Berhormat Machang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Machang. Sila.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Yang Berhormat Lembah Pantai tadi ada menyebut soal kerajaan minoriti. Saya balik kepada fakta tahun 2004 iaitu Pilihan Raya Umum yang Ke-11 di Kelantan. Pada waktu itu, Barisan Nasional mendapat undi 265,300 undi dan Pakatan Rakyat atau pembangkang mendapat 250,632 undi. Bererti ada lebih kepada Barisan Nasional undinya ialah 14,668. Adakah Yang Berhormat Lembah Pantai bersetuju kalau saya mengatakan bahawasanya pada waktu itu, Pilihan Raya Umum yang Ke-11, Kerajaan Negeri Kelantan juga adalah kerajaan minoriti. Terima kasih.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Yang Berhormat Machang. Kalau begitu, saya fikir bila kita lihat Kerajaan Pusat yang sering kali memberi arahan dan juga mencuba sedaya upaya untuk mengambil dan merampas hak Kerajaan Negeri Kelantan, mungkin ia kerana Kerajaan Pusat merasakan merekalah kerajaan majoriti. Pada saya di sini, bila saya bangkitkan isu mendengar, mengambil kira saranan-saranan termasuklah oleh mereka yang dipilih di peringkat negeri. Jadi kalau kerajaan sekarang yang dikira sebagai Perdana Menteri, Ahli Parlimen Pekan walaupun hakikatnya mendapat undi minoriti dengan itulah lebih-lebih lagi harus mengambil kira saranan dan juga cadangan semua pembaikpulihan untuk memperbaiki asas-asas demokrasi di sini.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Minta laluan, minta laluan.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Saya hendak teruskan, terima kasih. Saya tidak beri laluan. Jadi usaha Tuan Yang di-Pertua, mengalih pandangan serta

memperkecilkan unsur dakwat kekal sebagai satu elemen utama kesahihan proses pilihan raya seperti yang dinyatakan oleh Menteri Wilayah Persekutuan bahawa dakwat kekal tidak penting, Malaysia ini bukan negara ketiga sekali gus menunjukkan bahawa logik kalau negara sudah maju, sudah tentu sistem pilihan raya kita patut bersih, bebas dan adil.

■1640

Di India tidak pernah ada kontroversi penggunaan dakwat kekal. Tiga bulan tahannya. Kita tujuh hari pun tidak kekal. Pada saya kerana itulah adalah beberapa jam ya. Ada banyak individu. Ia berbeza mengikut individu seperti yang disebut. Oleh yang demikian yang lebih utama adalah kegagalan fungsi penggunaan dakwat kekal sebagai satu elemen penting dalam proses pilihan raya secara langsung menjadikan Pilihan Raya Umum Ke-13 itu *defective*. Kemungkinan tidak sah kerana kes akan berlangsung di mahkamah. Ini merupakan pengkhianatan besar Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia kepada rakyat Malaysia menderhakai Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong agar perlembagaan itu wajib dipertahankan.

Sekiranya keputusan mahkamah seperti yang saya sebutkan tadi membuktikan perkara sedemikian bahawa pimpinan SPR memperdayakan rakyat dan negara dalam pelaksanaan dakwat kekal. Makanya kita tidak mungkin dapat ketepikan sebuah deklarasi dibuat kepada Duli Yang Maha Mulia untuk memastikan satu Pilihan Raya Umum kalau boleh Kuala Besut perlulah hanya dilaksanakan bila ada pimpinan SPR yang baru dan *credible*. Kalau hendak teruskan dengan dakwat botol yang sama dengan pimpinan yang sama pada saya tidak boleh diterima pakai. Kes ini akan memberi satu gambaran bagaimana kita mahu mara ke depan dengan menggunakan sistem pembaikpulihan yang terbaik.

Tuan Yang di-Pertua, kerana itulah pada saya kita sebut mandat majoriti rakyat kuasa sah demokrasi. Rukun kedua demokrasi tulen adalah mandat majoriti rakyat 51% sebagai suara teramai dalam sistem perwakilan demokrasi yang harus diutamakan. Adalah tidak bertanggungjawab apabila rakyat diminta menerima keputusan Pilihan Raya Umum Ke-13 yang diragui sedangkan usaha rakyat bersuara mengenai kepincangan Pilihan Raya Umum cuba disekat, diugut lima patriot yang ditahan dan didakwa dengan Akta Hasutan termasuklah Ahli Parlimen. Kita menyatakan Akta Hasutan ini bila dilaksanakan dia berpihak. Seseengah sahaja yang dikatakan anti kerajaan mendapat tindakan, ditangkap sementara individu lain yang dekat dengan kerajaan cakaplah apa pun, hinalah sesiapa pun, akhirnya mereka bebas dibiarkan terus untuk menanam api kebencian.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang bangun Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Boleh ya?

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Pendek sahaja Yang Berhormat Sepang kalau boleh.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Pendek sahaja. Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selalu digunakan hujah oleh Pengerusi dan Timbalan Pengerusi SPR, dia kata mereka dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong yang di bawah Perlembagaan. Jadi mereka kata mereka tidak boleh meletakkan jawatan kerana mereka dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

Menggunakan logik yang sama yang di bawah Perkara 114, kalau sekiranya mereka sendiri telah gagal melaksanakan perjalanan pilihan raya yang adil mengikut undang-undang antaranya dakwat kekal, tidak kekal, menggunakan logik yang sama setuju atau tidak bahawa mereka seharusnya juga meletakkan jawatan demi hendak menjaga nama Yang di-Pertuan Agong. Setuju atau tidak?

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Saya setuju sangat. Oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua pun tahu, saya telah memilih Ahli Parlimen Sepang ini sebagai peguam dalam beberapa kes yang saya disaman ya.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Lembah Pantai, minta 30 saat.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** 30 saat silakan.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya perhatikan tadi...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Kroni wakil rakyat nampak.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Lembah Pantai ada sebut tentang Akta Hasutan dan macam mana Akta Hasutan digunakan sekarang. Saya teringat baru dua tahun sahaja Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Pekan telah membuat ucapan dan mengumumkan pada awam bahawa Akta Hasutan ini adalah akta daripada zaman dahulu. *Belongs to another time*, dengan izin, yang akan dimansuhkan tetapi sekarang kita perhatikan apa. Kita perhatikan akta yang dikatakan sudah kuno, sudah tidak boleh dipakai lagi, sekarang dipakai terlalu ghairah dan secara berpihak. Apakah pandangan Yang Berhormat Lembah Pantai?

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Yang Berhormat Subang. Macam sudah baca teks saya. Sebenarnya saya baru hendak kata. Saya ada tarikh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini. Bila ini? Tuan Yang di-Pertua, 11 Julai 2012, Akta Hasutan 1948 akan dimansuhkan dan bakal digantikan dengan sebuah akta baru – Akta Keharmonian Nasional. Saya masih menunggu Tuan Yang di-Pertua. Saya masih menunggu Tuan Yang di-Pertua. Nama pun sudah ada tetapi tidak tahulah sama ada pejabat Peguam Negara tidak bagikah kerana kita ada beberapa sesi Parlimen sebelumnya. Akan tetapi sekarang ini tidak cukup dengan tidak dimansuhkan, dikenakan pula secara terpilih kepada sesetengah anggota mereka yang dikira anti Barisan Nasional.

Jadi ini sangat sedihlah. Saya setuju dengan Yang Berhormat Subang. Walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan sudah lapuk, warisan penjajah lama dan sebagainya tetapi masih lagi digunakan. Jadi saya hendak menganjurkan satu cadangan sekiranya Yang Berhormat Pekan tidak punyai *political will* dipanggil iltizam politik, saya mengajak beliau untuk melihat dan menggunakan terus Rang Undang-undang Hasutan Pemansuhan 2013 yang telah saya sediakan. *Insya-Allah* saya akan serahkan kepada Setiausaha Dewan, Tuan Yang di-Pertua atau Timbalan Tuan Yang di-Pertua pada hari Isnin dalam usaha saya dan rakan-rakan daripada Pakatan Rakyat memastikan demokrasi yang lebih baik dizahirkan di bumi yang tercinta ini.

Saya juga ingin bertanya jika kita lihat kenyataan dan pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berapa banyak daripada pengumuman-pengumuman ini seperti pemansuhan Akta Hasutan dan sebagainya yang masih lagi belum dilaksanakan kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun harus ada KPI. Lebih-lebih lagi bila beliau tidak mampu melawan *track record* Perdana Menteri sebelumnya dari segi keputusan pilihan raya.

Jadi bayangkan sekiranya pilihan raya bersih, bebas dan adil terlaksana, majoriti 51% cukup untuk membentuk sebuah kerajaan di mana segala janji manifesto Pakatan Rakyat – pendidikan percuma, penurunan harga minyak, kereta, elektrik, perumahan mampu milik, kenaikan royalti minyak 20% walaupun Terengganu masih di bawah Barisan Nasional, permit teksi individu dan banyak lagi sudah terlaksana untuk kesemua rakyat tidak kira bagi mereka yang mengundi Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya pergi kepada isu tsunami Cina. Yang membuat pilihan dalam Pilihan Raya Umum ke-13 bukannya tsunami satu bangsa. Kalau dilihat di Selangor, 50% masyarakat Melayu pengundi, 34% masyarakat Cina. Yang mengundi Pakatan itu hampir 60%. Jadi saya hendak tahu bagaimanakah kesimpulan tsunami Cina ini diperolehi oleh Pengerusi Barisan Nasional kerana kalau dilihat analisa pengundi yang keluar mengundi mengikut bangsa menunjukkan bahawa adakah kertas undi itu diletakkan tandanya. Ini merupakan satu kenyataan yang tidak begitu baik dalam hasrat untuk melahirkan *national reconciliation* bukan seperti *national retaliation* seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Gelang Patah tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan rasmi agama Islam, kedudukan istimewa bangsa Melayu dan bumiputera, kedudukan bahasa kebangsaan mahu pun Sistem Raja Berperlembagaan tetap menjadi teras kenegaraan kita. Teras ini tidak pernah dipertikaikan rakyat tetapi pelaksanaan terpilih dasar-dasar yang kurang adil, yang menguntungkan golongan kecil yang berselindung di sebalik retorik perkauman, agama dan istana yang ditolak rakyat majoriti. Rakyat majoriti 51% menolak hasutan perkauman yang semakin diapi-apikan. Rakyat majoriti 51% menolak penyalahgunaan kuasa. Rakyat majoriti 51% menolak rasuah dan propaganda media arus perdana. Rakyat majoriti 51% menolak fitnah



dan konspirasi jahat terhadap sesama manusia termasuklah mereka ini yang menolak Barisan Nasional. Jadi kuasa dikongsi Tuan Yang di-Pertua, rakyat sejahtera.

Rukun ketiga demokrasi tulen adalah menjamin prinsip pemisahan kuasa demi kepentingan rakyat bukan kepentingan kroni. Semenjak tahun 2010, saya membawa Agenda Pemulihan Demokrasi yang berpaksikan kepada pemansuhan Deklarasi Darurat yang walaupun ditolak oleh Tuan Yang di-Pertua awalnya tetapi enam bulan selepasnya diusulkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan diterima tahun 2011.

Jadi Agenda Pemulihan Demokrasi menyarankan agar dipinda mahupun dimansuhkan akta-akta yang nyata anti demokratik seperti ISA, AUKU (*Universities and University Colleges Act*) dan *Printing Presses and Publications Act*. Agenda ini juga menyarankan dipinda Akta Pembangunan Petroleum agar Petronas itu benar-benar diletakkan di bawah Parlimen. Agenda ini juga menuntut agar sistem pilihan raya dibersihkan. Agenda ini juga meminta agar reformasi politik dijadikan tiang kelima agenda transformasi nasional yang ketika itu hanya tertumpu kepada empat tiang. Tuan Yang di-Pertua, empat tiang sahaja - *Economic Transformation Program, Government Transformation Program*, 1Malaysia dan Rancangan Malaysia Kesepuluh. Kesemua usaha ini bertujuan untuk mengembalikan prinsip pemindahan kuasa agar kuasa politik dan kekayaan negara tidak dipusatkan kepada segelintir kecil golongan elit. Bayangkan...

#### ■1650

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Boleh saya habiskan dahulu.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Boleh.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Bayangkan jika fungsi Parlimen dimartabatkan dan segala pembaziran, ketirisan, kerakusan rasuah yang memiskinkan rakyat dapat dikurangkan dan dihentikan. Mungkinkah kemerosotan daya ekonomi akibat rasuah serta kelemahan struktural yang mengakibatkan negara jatuh dari tangga ke-10 kepada ke-25 dalam indeks keyakinan perniagaan terbaru dapat dielakkan.... Teruskan Yang Berhormat Bayan Baru, pendek. Kalau Tuan Yang di-Pertua bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai dan saya ingin dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Lembah Pantai. Pada 31 Ogos 2012 Perdana Menteri, Yang Berhormat Pekan dia kata Malaysia ingin ditransformasikan ke satu negara yang *the best democracy in the world*. Dia cadangkan pemansuhan akta-akta yang telah lapuk seperti Akta Darurat dan sebagainya, menguar-uarkan begitu banyak dan akhirnya dengan semua akta yang telah digantikan dengan Akta Perhimpunan Awam yang baru-baru ini dan sebagainya. Adakah Malaysia telah ditransformasikan kepada *the best democracy in the world*? Terima kasih.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru. Itulah saya mohon kalau KPI yang dipegang oleh Menteri dan anggota-anggota Kabinet dapat diberikan laporan kepada semua Ahli-ahli Parlimen dalam Dewan yang mulia ini supaya kita boleh lihat berapakah janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang belum lagi ditepati. Bagus ya untuk kita merujuk kerana saya hanya ambil satu sahaja berkait dengan Akta Hasutan. Banyak lagi saya pasti yang belum lagi beliau tunaikan dan lunaskan.

Jadi bayangkan salah satunya usaha untuk memperbaiki demokrasi adalah bila fungsi Parlimen dimartabatkan, maka prestasi pendidikan negara dapat kita pantau. Kita berikan pendekatan sewajarnya agar semua hak rakyat terpelihara termasuklah isu biasiswa, penempatan para guru secara adil. Bayangkan juga jika fungsi Parlimen dimartabatkan segala projek dan penswastaan yang mengakibatkan kos sara hidup meningkat seperti harga minyak, tol, elektrik, perjanjian-perjanjian yang sering kali dimasukkan di bawah Akta Rahsia Rasmi dapat ditentang dan disekat.

Bayangkan Projek Mega Pertama diumumkan bila, Bajet 2012 MRT. Awalnya bernilai RM40 bilion. Awalnya diumumkan projek pembiayaan swasta, *Private Financing Initiative* tiba-tiba ditukar. Kata Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat mengeluarkan pula suku bernilai RM36 bilion menerusi satu *special purpose vehicle* dan akhirnya seperti biasa yang berlaku di Malaysia ini dimasukkan sebagai salah sebahagian liabiliti luar jangka,

*contingent liability*. Tidak perlu masuk dalam belanjawan pun projek terbesar, infrastruktur terbesar di Malaysia dalam sejarah kita yang mengakibatkan hutang kerajaan rasmi dan tersorok melebihi 67% daripada KDNK.

Jadi bayangkan jika fungsi Parlimen dimartabatkan maka isu pengangkutan awam MRT, KLIA 2 yang lewat dapat di bincang dalam satu jawatankuasa Parlimen. KLIA 2 ini kosnya melambung berbilion-bilion ringgit. Awalnya RM1.9 bilion tidak silap saya sekarang sudah RM4.5 bilion. Kelewatan persiapan KLIA ini walaupun kita jangkakan, saya dan Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara bawa, tunjuk gambar yang terbaru dinafikan oleh pada awalnya oleh MAHB. Kementerian Pengangkutan langsung tidak bagi maklum balas bila kita hendak pergi melawat tapak tersebut.

Akhirnya, janji Perdana Menteri dengan penuh yakin mengumumkan pada 5 Januari 2013 KLIA 2 akan dirasmikan pada pembukaannya 28 Jun 2013. Gagal ditepati jawapan Parlimen saya semalam disebut Kementerian Pengangkutan menunjukkan tarikh terbaru pembukaan KLIA 2 pada 2 Mei 2014. Itu pun setelah kita tunjukkan bukti-bukti dan syarikat yang bertanggungjawab Bina Puri dan UEMC, Bina Puri Joint Venture. Bina Puri sekitar tahun 2010 salah seorang pemegang saham Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk Tee Hock Seng.

Jadi ini harus diketahui sekurang-kurangnya dibawa dalam Jawatankuasa Parlimen untuk merujuk kenapakah mereka ini gagal dan kalau gagal janganlah bagi projek lagi. Jadi apa lagi maklumat kurang tepat atau palsu yang disogokkan kepada rakyat yang sepatutnya dapat diatasi melalui fungsi dan pemantauan timbang tara sistem Jawatankuasa Tetap Parlimen.

Bayangkan jika fungsi Parlimen juga dimartabatkan Tuan Yang di-Pertua, maka Petronas syarikat-syarikat GLC dapat dipantau untuk kepentingan rakyat. Berapa bilion ringgit daripada lebih RM2 trilion hasil keuntungan Petronas di mana RM700 bilion atau 30% keuntungan itu diserahkan kepada kerajaan yang dapat kita selamatkan daripada pembaziran dan ketirisan untuk kepentingan rakyat bersama.

Bayangkan jika fungsi Parlimen dimartabatkan maka krisis jerebu tahunan dapat kita atasi sekiranya pemilik-pemilik syarikat perladangan Indonesia, ada di antaranya milik warga Malaysia diambil tindakan berserta dengan usaha pencegahan yang sewajarnya...

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** [Bangun].

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Tanjong bangun Yang Berhormat.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Minta laluan.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Okey boleh saya habiskan saya takut tidak ada masa. Kalau ada masa ya tuan.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Okey, baik.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih. Bayangkan ya Tuan Yang di-Pertua, selain daripada saranan semua ini kalau kita pastikan fungsi Parlimen dimartabatkan memang kita boleh perbaiki pelaksanaan dasar-dasar yang telah dibuat oleh kerajaan. Selain daripada saranan penubuhan Jawatankuasa Tetap, Parlimen juga harus diberikan kuasa meratifikasikan perjanjian antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua ketika ini kerajaan tidak perlu mendapat persetujuan Parlimen dan ini mengancam hak serta kepentingan rakyat bila berkait dengan perjanjian perdagangan bebas. Saya telah menulis surat kepada Yang Berhormat Dato' Seri Shahidan bin Kassim untuk mewujudkan satu Jawatankuasa Pilihan Khas yang terdiri bukan sahaja oleh Ahli Parlimen tetapi juga pakar-pakar *trade* ataupun perdagangan untuk membawa isu *Trans-Pacific Partnership* ataupun Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik ke dalam Dewan yang mulia ini.

Saya harap dapat jawapan yang positif. Kenapa, kerana bila kita punyai kuasa untuk meratifikasi satu perjanjian yang amat besar yang akan mendatangkan kedaulatan atau merisikokan ekonomi negara kita. Hak ekonomi semua bangsa termasuk Bumiputera bakal terancam sekiranya perbincangannya terus dirahsiakan dan impak negatif kepada negara tidak jelas.

Adalah penting untuk kita ketahui bahawa rakan perjanjian TPPA seperti Amerika Syarikat, mereka memerlukan segala perjanjian perdagangan diratifikasi oleh kongres sendiri. Hak demokrasi ini juga harus diamalkan di Parlimen Malaysia. Kenapa? Ini kerana kita hendak pastikan kita punyai satu pasukan yang terbaik dalam isu rundingan. Semua kandungan-kandungan ini jikalau ini tidak selesai akan membawa bahaya kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua bayangkan Australia mereka akhirnya berjaya membawa isu di mana bidang atau badan kehakiman Australia itu setaraf dengan Mahkamah Tribunal Antarabangsa. Kenapa, kerana pasukan rundingannya itu yang terbaik jadi kita mahu Jawatankuasa Parlimen itu diwujudkan dan tentunya kami selaku wakil rakyat yang paling mengecewakan kami menunggu-nunggu Laporan Analisa Kos Faedah, *Cost Benefit Analysis* Pra TTP yang disediakan oleh UNDB. Ini diminta oleh kerajaan sedangkan laporan tersebut menjadi teras kepada justifikasi penandatanganan TPP.

Kami dijanjikan laporan tersebut minggu ini dan saya memang mahu meminta agar semua kementerian mencontohi MITI, bukan menteri, MITI kerana dalam mereka berinteraksi dan bersedia untuk berkongsi maklumat dengan Ahli-ahli Parlimen Pakatan Rakyat daripada Klang dan juga Kelana Jaya. Hanya malangnya Yang Berhormat Menteri pula pagi ini menyatakan hendak kena periksa dahulu laporan kerana melalui peguam. Dapat nasihat peguam baru hendak beri pada Ahli-ahli Parlimen. Kalau laporan sebelum kita tandatangani perjanjian, ini laporan *Cost Benefit Analysis* Tuan Yang di-Pertua. Kita buat laporan hendak beri pada orang ramai, hendak bagikan keyakinan, *yes this is the right way to go*. Laporan pun tidak hendak bagi, ini menteri. Semua pegawai kerajaan, Ketua Setiausaha saya hormat, saya tabik kenapa, mereka bersedia tetapi kalau sudah menteri buat *politically expedient decision*, hendak cuba menyembunyikan setengah perkara hendak buat macam mana.

Jadi saya harap Yang Berhormat Dato' Seri Shahidan Kassim cubalah memperbaiki rekod-rekod yang sangat buruk ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Arau ya Yang Berhormat.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** *Let me finish it.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang tadi itu Yang Berhormat Arau. "Shahidan Kassim" itu Yang Berhormat Arau.

■1700

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Oh, Yang Berhormat Arau. Maaf, kadang-kadang saya terlupa. Ia banyak pertukaran bukan? Terima kasihlah. Saya menunggu Tuan Yang di-Pertua untuk memperbaiki saya. Terima kasih.

Jadi, walau bagaimanapun, saya akan tetap meminta hak untuk meratifikasikan perjanjian Trans-Pasifik oleh Parlimen dilaksanakan. Tuan Yang di-Pertua, terlalu banyak masalah yang dihadapi.

Saya ingin nyatakan dengan terus-terang, bukan kita menolak isu mahu meluaskan lingkaran perdagangan. Akan tetapi impak kepada *small and medium sized industries, SME's* kita, impak kepada semua sektor-sektor GLC's. Ini harus kita sedar termasuklah kenaikan kos barang-barangan perubatan dan jangan lupa nanti kita berikan kuasa kepada syarikat-syarikat untuk menyaman Kerajaan Malaysia. Maka, saya minta Menteri berilah penjelasan. Adakah Perjanjian TPPA ini akan dibentangkan dan diperbincangkan di Parlimen sebelum kedatangan Presiden Amerika Syarikat dalam bulan Oktober. Dia ada perjanjian itu, hendak datang Oktober dapat ditandatangani dan sebagainya. Jadi, saya minta untuk dibawa dan diratifikasi oleh Parlimen.

Terakhir Tuan Yang di-Pertua, negara musnah kalau demokrasi terus palsu. Saya juga ingin menyanjung Titah Baginda, janganlah berbuat sesuatu perkara yang boleh memusnahkan negara. Dalam konteks ini saya percaya negara bakal musnah jika demokrasi palsu tidak dirobah dan tidak dipulihkan. Adalah saya harap satu era baru reformasi politik dan Parlimen dimulakan sebagai komponen penting bersama reformasi pilihan raya untuk membina Malaysia yang lebih baik, *insya-Allah*.

Adakah negara kita akan musnah jika ada demokrasi tulen? Adakah negara akan musnah jika mandat majoriti 51% rakyat diutamakan? Tentunya tidak. Saya menyanjung juga titah Baginda, "Kerajaan beta komited untuk memartabatkan Islam berteraskan syariah

dan akan terus memelihara kedudukan Islam sebagai agama rasmi bagi Persekutuan". Islam Tuan Yang di-Pertua, tidak membolehkan salah guna kuasa dan rasuah. Islam tidak mengizinkan fitnah dan hasutan perkauman digunakan. Jadi, pilihan raya bersih ini penting sebelum kita bercakap tentang perdamaian nasional. Akhir kata, seperti mana yang saya sebutkan, saya mintalah pimpinan Barisan Nasional dengan jujur untuk patuh kepada Titah Baginda. Memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaan serta memartabatkan Islam dan melaksanakan pemulihan demokrasi dalam bentuk reformasi politik dan mengadakan pilihan raya yang bersih seperti yang disebut oleh Ahli Parlimen Gelang Patah. Saya akhiri, janganlah laksanakan *national retaliation, but seriously, implement a proper national reconciliation*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. [Tepuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Jasin.

### 5.02 ptg.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi saya peluang dan saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kerana diberi peluang untuk turut sama membahaskan Titah Yang di-Pertuan Agong baru-baru ini.

Sebagai rakyat Malaysia yang cintakan kepada kedamaian, kita bersyukur dapat menjadi seorang warga negara dan hidup dalam sebuah negara yang aman dan makmur. Keamanan dan kemakmuran yang kita kecapi pada ketika ini cukup mahal harganya dan janganlah hendaknya mana-mana pihak yang sanggup memperjudikan keamanan dan kesejahteraan yang kita miliki.

Baru-baru ini berlaku kejadian di Lahad Datu. Kita berharap dan mencadangkan kepada kerajaan mendesak supaya mereka yang terlibat, kalau menjadi dalang apa pun sekali pun seharusnya dibawa ke muka pengadilan dengan serta-merta. Ini kerana kita tidak mahu adanya dua, tiga petualang ini yang boleh mengeruhkan suasana keamanan negara. Keduanya, kita juga mengucap syukur ke hadrat Allah SWT, mala petaka yang kita hadapi baru-baru ini, *alhamdulillah* berkat doa semua kita telah sekurang-kurangnya hujan telah turun dengan begitu baik sekali. *Alhamdulillah*, jerebu telah semakin berkurangan. Akan tetapi walau bagaimanapun, saya daripada Melaka ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan, semasa IPU melonjak ke angka 700, Melaka juga tidak terkecuali, bahkan kami sebenarnya mencecah sampai 500 lebih.

Akibatnya, banyak nelayan pantai yang bergantung hidup kepada laut tidak dapat mencari rezeki. Jadi, saya minta kalau boleh pihak kerajaan supaya dapat memberikan sedikit kelegaan kepada para nelayan pantai ini. Keduanya, kita juga bersyukur mempunyai seorang pemimpin seperti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Walaupun ada kata-kata yang memperlekehkan kepimpinan beliau tetapi sebagai seorang pemimpin, kita telah melihat bahawa beliau telah membuktikan keupayaan kepimpinannya dan telah melonjakkan nama negara kita. Bahkan pada ketika ini kita dapat lihat bahawa Perdana Menteri kita telah memperkenalkan Program Transformasi Kerajaan dan Program Transformasi Ekonomi yang telah menunjukkan banyak hasil yang boleh kita sama-sama banggakan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun ekonomi global pada ketika ini menghadapi berbagai pancaroba tetapi sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem ekonomi terbuka, kita tidak boleh lari impak ke atas ekonomi negara kita. Bagaimanapun, kerana kehebatan kepimpinan negara kita, kita dapat melihat bahawa nilai perdagangan negara kita, nilai perdagangan antarabangsa kita telah mencecah sebanyak RM1.31 trilion iaitu sebanyak 1.4 kali ganda lebih besar daripada GDP negara kita iaitu sebanyak RM941 bilion. Jadi, kita bangga dengan pencapaian tersebut dan seharusnya kita mestilah memberikan sokongan yang padu supaya kepimpinan kita ini akan dapat diteruskan. Dalam landskap...

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Yang Berhormat Jasin, minta...

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Baru hendak mula ini. Okey, sedikit..

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan Lahad Datu. Satunya, pertanyaan saya ialah apa komen daripada Yang Berhormat Jasin berkenaan dengan peristiwa Lahad Datu yang kita lihat bagaimana tahap keselamatan yang berlaku di dalam peristiwa Lahad Datu. Kedua, saya juga hendak minta komen daripada Yang Berhormat Jasin. Kenapa pemergian dari kalangan angkatan tentera kita dari Semenanjung ke Lahad Datu menggunakan perkhidmatan AirAsia? Kenapakah tidak gunakan dengan peralatan tentera yang kita tahu banyak perbelanjaan yang dihabiskan oleh kerajaan untuk perbelanjaan pembelian helikopter dan sebagainya.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit bintang.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Bukit Gantang, Yang Berhormat.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Sekurang-kurangnya Yang Berhormat dapat sama-sama merasakan bahawa sebagai rakyat Malaysia, kita cintakan kepada keamanan dan kita benci kepada pencerobohan. Walaupun kita tidak dapat mengangkat senjata, cukuplah sekadar kebencian kita kepada penceroboh-penceroboh yang mahu merobek keamanan dan kesejahteraan kita. Sebenarnya, kita menaruhkan penuh keyakinan kepada kepimpinan negara, kepada kehebatan pasukan keselamatan dalam menangani isu tersebut. Yang Berhormat Bukit Gantang, saya berharap tak usahlah timbulkan isu AirAsia ini.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Jasin...

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Dalam keadaan yang cukup genting, apabila kita menghadapi keadaan keselamatan negara, jangan kira pasal AirAsia. Kalau dalam keadaan tersebut, untuk mengangkut tentera-tentera yang begitu ramai, apa sahaja yang boleh jadi kenderaan, kita buat. Buat apa ada kena-mengena AirAsia dalam perkara ini?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Jasin...

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Kita ucap terima kasih kepada mereka. Jemput Yang Berhormat Lenggong.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Yang Berhormat Jasin, bukan soal AirAsia Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya soal penggunaan AirAsia ini tidak sangat menjadi masalah kepada saya. Soalnya dalang dan tali barut yang ada dalam negara ini. Ini lebih bahaya yang menyebabkan isu keselamatan menjadi masalah kepada kita. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Jasin.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Jasin...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Soal dalang ini, soal tali barut ini siapa terlibat dan bolehkah kerajaan mendedahkan selepas hasil siasatan dibuat?

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Jasin...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Jasin, orang kampung.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Jasin, Kota Raja. Yang Berhormat Jasin, Kota Raja dulu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Orang kampung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Nanti kejap, bagilah saya peluang dahulu. Sekejap, sekejap..

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Tak, fasal Sulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat. Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Baik, biarlah saya jawab dulu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Jawab sekali, jawab sekali.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Berkenaan ini, berkenaan sikit. Saya hendak sokong tadi itu.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Ya lah, okey. *[Ketawa]*

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Boleh Yang Berhormat Jasin, sekejap sahaja, sikit sahaja. Terima kasih.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Kota Raja.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Yang Berhormat Jasin, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang bersetujulah dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Jasin tentang pencerobohan ini. Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat Jasin, adakah Yang Berhormat Jasin bersetuju bahawa pihak kerajaan juga turut bersalah dalam hal ini kerana kita terlalu memudah-mudahkan kemasukan orang asing dan memberi IC kepada mereka.

**Seorang Ahli:** Betul!

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Tiba-tiba kini kita hendak menyalahkan pihak Pembangkang, ya.

■1710

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Yang Berhormat, tidak ada sesiapa yang menyalahkan pihak pembangkang. Tidak tahulah sesiapa yang terasa saya tidak tahu. Apa pun saya hendak sebut di sini, kita menghala kepada satu tujuan bahawa sebenarnya kita mengotuk perbuatan dalang-dalang yang sebenarnya menjadi alat kepada penceroboh-penceroboh ini. Kita mahu kalau boleh mereka mesti dibawa ke muka pengadilan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Jasin...

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Yang Berhormat Batu saya bagi sedikit sahaja.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Sedikit sahaja. Saya setuju. Saya anggap Yang Berhormat Jasin telah membawa satu isu sangat penting. Kalau ada sesiapa rakyat Malaysia yang merupakan dalang pencerobohan ini adalah pengkhianat dan ini akan mengancam keselamatan negara tetapi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Jasin, sama ada setuju tidak, kejadian di Lahad Datu sudah lama berlaku, tetapi kenapa Kementerian dan kerajaan tidak mengambil satu tindakan yang tegas dan cepat untuk mendedahkan siapa dalang ini dan mendakwa mereka? Ini kalau tidak, melengah-lengahkan, masalah kita syak wasangka dan menyebabkan keselamatan negara kita tercompromise.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Batu, orang kampung saya. Saya bagi peluang. Walau apa pun yang berlaku di Lahad Datu, ini bukan sejarah tetapi merupakan satu pengajaran kepada kita semua supaya kita jangan hendaknya yang pertamanya, memperlekehkan kewibawaan pasukan keselamatan kita. Mereka telah berkorban, sanggup berkorban nyawa semata-mata untuk mempertahankan kedaulatan negara. Jadi hendaknya kalau boleh kita berharap walau apa pun orang sebut, lambat. Kita tahu kerajaan pada ketika ini membuat satu penyelidikan satu yang begitu rapi sekali bagi memastikan supaya kita dapat mengadili mereka-mereka yang menjadi dalang kepada pencerobohan ini.

Seterusnya...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Jasin.

**Tuan Ignatius Dorrel Leiking [Penampang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Penampang dan Yang Berhormat Sepang bangun Yang Berhormat.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Kemudian saya bagi. Saya pergi kepada tajuk lain dulu.

**Tuan Ignatius Dorrel Leiking [Penampang]:** Yang Berhormat Jasin, boleh minta laluan?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Jasin, saya masih...

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Perkara ekonomi ini amat penting Tuan Yang di-Pertua. Kita dapat lihat landskap ekonomi terutamanya dalam negara-negara maju kerana itu penting bagi kita. Apa juga yang terjadi kepada negara mereka ada tempas dan impak kepada pencapaian ekonomi negara kita Malaysia. Kita dapat lihat banyak negara-negara maju seperti Amerika dan Jepun masih dalam keadaan *gloomy*. Sekalipun ada tanda-tanda pemulihan di Amerika dan kita dapat lihat ada beberapa negara *immerging economies* seperti China, India dan Brazil.

China pada ketika ini mencatatkan pertumbuhan yang perlahan. Jadi seharusnya kita harus mengambil iktibar. Ini kerana saya hendak sebutkan data ini supaya kita semua dapat gambaran jelas bahawa kita mesti bekerjasama dalam membina sebuah negara bangsa supaya kita dapat sama-sama bukan saya dapat menurunkan satu warisan yang berharga kepada anak cucu kita bahkan kita mahu kita dapat terus mencapai kenikmatan sebuah negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat daripada sini. Di *Euro zone* pada penggal pertama tahun 2013, pencapaian mereka telah -0.2%. Amerika hanya 2.5%. Sementara di Jepun kalau tahun 2012, pada masa yang sama 3.4%, pada tahun 2013 hanyalah 0.2% daripada 3.4% kepada 0.2%. Kepada UK pula daripada 0.5% naik meningkat 0.6% sementara di China, ini penting bagi kita kerana inilah merupakan rakan dagang yang cukup banyak membantu kita. Kalau tahun 2012 pertumbuhan mereka sebanyak 8.1%, pada tahun ini penggal pertama pertumbuhan mereka kepada 7.7%.

Sebenarnya apa yang telah kita capai pada ketika ini, pada penggal pertama sebanyak 4.1% adalah satu angka yang cukup membanggakan. Di rantau Asia kita merupakan di antara negara yang paling terbaik sekali. Jadi saya hendak tanya kepada pihak kerajaan, apakah sebenarnya jangkaan kita untuk penggal-penggal berikutnya, penggal kedua, penggal ketiga, penggal keempat dan seterusnya pencapaian kita untuk tahun 2013, kerana unjuran 5% hingga 6% untuk dicapai pada tahun 2013 ini adalah amat penting kerana kita mahu kalau boleh pencapaian kita akan terus dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, walau apa pun banyak bangkitan yang telah dibuat oleh kawan-kawan kita sebelah sana, pilihan raya telah berlalu. Seharusnya kita menerima apa jua keputusan dan kita mahu kalau boleh semua pihak mesti dengan izin, *move on*, dan kita boleh kata *move forward* kerana kita mahu kalau boleh seperti yang saya sebut tadi membina sebuah negara bangsa yang sama-sama kita banggakan.

Kesan daripada permintaan luar yang lemah akibat daripada aktiviti ekonomi yang lembap seperti yang sebut tadi, telah menyebabkan harga komoditi kita seperti kelapa sawit, getah dan juga minyak kita terus merosot. Ini ada hubung kait dengan negara kita yang banyak bergantung kepada hasil komoditi yang kita eksport ke luar negara. Kita orang kampung, mereka sangat sebenarnya bergantung hidup kepada pengeluaran kelapa sawit dan juga getah. Harga sekarang merudum, tetapi sebenarnya kerajaan tidak boleh dipersalahkan sama sekali. Kerana inilah sebenarnya pasaran yang sedang kita hadapi.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya eksport kita juga menurun. Impaknya imbalan perdagangan kita terus merosot daripada RM10.6 bilion pada bulan Februari 2012 kepada RM943 juta pada bulan April tahun 2013. Pertumbuhan GDP kita pada penggal pertama tahun 2013 merosot 4.1% berbanding daripada 5.1% penggal pertama tahun 2012. Inilah sebenarnya ekor daripada apa yang berlaku di peringkat ekonomi global. Jadi kita hendak tahu, ekor daripada rentetan tersebut, apakah sebenarnya prakarsa baru kerajaan kita dan juga pihak swasta untuk melindungi dan kita dapat menangani masalah *geopolitics global* dan juga kekuatan ekonomi-ekonomi lain yang ganas ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Minta laluan Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Sila, orang Melaka boleh.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Jasin, tadi Yang Berhormat bangkitkan tentang soal komoditi yang pada pandangan kita satu situasi yang genting. Adakah Yang Berhormat setuju untuk kerajaan mewujudkan satu tabung kebajikan komoditi negara bagi memastikan agar apabila peladang-peladang berhadapan dengan situasi seperti ini, perkara ini dapat kita atasi. Inilah cadangan daripada Keadilan daripada awal tahun lalu iaitu mewujudkan satu Tabung Kebajikan Komoditi Negara. Terima kasih.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih sahabat saya dari Bukit Katil. Sebenarnya inilah kawan-kawan pembangkang yang kita hendakkan. Bukan sahaja kita pandai kritik, tetapi kita mesti *constructive* supaya kita dapat mencadangkan apa juga idea-idea yang bernas yang boleh kita membangunkan negara. Saya setuju dan saya mahu minta kalau boleh ucapan tersebut masuk dalam ucapan saya. Terima kasih sahabat saya.

Kita juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional dan juga kepimpinan negara kita Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana masih berjaya mengemudi ekonomi negara sekalipun kita dilanda dengan serangan...

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lumut bangun Yang Berhormat.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Sila.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Jasin ada membangkitkan peristiwa Lahad Datu. Ingin saya bertanyakan soalan, sama ada Yang Berhormat Jasin tahu benar-benar apa yang berlaku di Lahad Datu. Oleh kerana sebagai seorang bekas tentera, *insya-Allah* saya dapat menilai situasi dan keadaan, adakah Yang Berhormat Jasin berasa tindakan kerajaan dengan menggunakan jet, menggunakan kereta perisai, menggunakan tentera yang begitu ramai sehingga perlu membawa tentera-tentera daripada Semenanjung ke Sabah itu merupakan tindakan yang bijak.

Sedangkan yang dikatakan pengganas Sulu seramai 200 orang sahaja. Kita harus ingat, kita di Sarawak ada divisyen. Kita di Sabah ada brigid. Kalau mengikut peraturan dan tindakan-tindakan angkatan tentera, *insya-Allah* dengan divisyen dan brigid yang ada di Sabah dan Sarawak kita sepatutnya boleh mengatasi 200 yang dikatakan pengganas Sulu.

#### ■1720

Kita juga lihat natijah daripada peristiwa ini apabila kerajaan mewujudkan ESSCOM. Di dalam ESSCOM ada lima kawasan Parlimen, 15 kawasan Dewan Undangan Negeri. Apabila pilihan raya berlaku semuanya menang. Peristiwa pun tamat, isu pun senyap. Apa ulasan Yang Berhormat Jasin? Terima kasih. [Tepuk]

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat Lumut. Seharusnya Yang Berhormat Lumut yang mempunyai banyak kepakaran dan pengalaman bukan sahaja boleh menilai kewibawaan serta pengorbanan angkatan tentera...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** [Menyampuk]

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** ...Dalam keadaan yang amat genting sebenarnya kita jangan kira tentang kekuatan musuh 200...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ampang bising.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Kekuatan musuh 200 ini sebenarnya boleh menjahanamkan keselamatan negara. Dalam keadaan pantai di negeri



Sabah itu yang cukup panjang Tuan Yang di-Pertua pun lebih faham lagilah. Maksudnya terdedah kepada apa juga ancaman. Jadi seharusnya pada ketika itu apa juga *deployment* yang telah dibuat oleh angkatan bersenjata adalah langkah yang paling bijak...

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** ...Bagi kita memastikan kita dapat menangani isu Lahad Datu. *[Tepuk]* Saya terus...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat bagi kejawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ramai yang bangun Yang Berhormat.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** ...Kalau tidak saya tidak dapat habiskan ucapan saya ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tadi janji hendak bagi.

**Tuan Ignatius Dorrel Leiking [Penampang]:** Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Kemudian saya bagi.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sedikit sahaja. Hendak sokong ini.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Jelebu dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jelebu pun bangun Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Hendak konstruktif ini. Okey ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi Yang Berhormat?... Yang Berhormat Jelebu.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Jelebu dahulu. Tuan Yang di-Pertua, Jelebu dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Bagilah.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menarik perhatian Dewan ketika isu Lahad Datu berlaku, sedihnya Yang Berhormat Batu mendakwa ini sandiwara UMNO dan Yang Berhormat Lembah Pantai kata, polis hutan sudah tidak wujud, yang wujud PGA.

Jadi bersetujukah Yang Berhormat Jasin kalau kita mohon dan minta kedua-dua Yang Berhormat ini mohon maaf kepada angkatan tentera dan pasukan keselamatan negara kita. Terima kasih. *[Tepuk]*

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Jelebu. Saya tidak mahu komen kerana perkara ini dalam pertimbangan mahkamah dan kita pulangkan kepada kebijaksanaan mahkamah. Apa pun saya mohon kepada Tuan Yang di-Pertua kalau boleh saya dapat sambung ucapan saya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sekejap Yang Berhormat Jasin.

**Tuan Ignatius Dorrel Leiking [Penampang]:** Sekejap Yang Berhormat.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Saya baru nombor satu ini. Yang keduanya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sambunglah Yang Berhormat.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Yang keduanya...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sedikit sahaja, sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak bagi jalan. Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Penampang, Yang Berhormat Jasin tidak bagi jalan Yang Berhormat.

**Tuan Ignatius Dorrel Leiking [Penampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Kita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduklah Yang Berhormat, tidak bagi jalan.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** ...Kepada kepimpinan negara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana masih lagi berjaya untuk mengemudikan ekonomi negara sekalipun kita dilanda oleh serangan dengan izin, *global geopolitics* dan juga *economic forces* yang ganas ini seperti yang telah dibuktikan oleh prestasi dengan izin, *real and financial sectors* yang masih lagi membanggakan.

Apa tidaknya? Yang pertamanya, pencapaian kita pada penggal pertama sebanyak 4.1%. Walaupun ianya menurun dalam keadaan yang cukup genting. Keduanya, kadar pengangguran sehingga bulan Mac tahun 2013 kita rendah sebanyak hanya 3.3% sahaja iaitu yang dianggap sebagai guna tenaga penuh. Tidak ada pengangguran dan kadar inflasi kita untuk Januari hingga Mei tahun 2013 juga pada tahap yang cukup membanggakan iaitu 1.6% sahaja. FDI kita melonjak kerana keyakinan negara-negara asing untuk datang menanam modal dalam negara kita iaitu kita tengok lonjakan sebanyak 21%. Penggal pertama tahun 2012 hanya sebanyak RM7.5 bilion. Penggal pertama tahun ini sudah melonjak kepada RM9.1 bilion.

Saya hendak tanya kepada pihak kerajaan adakah sebenarnya keyakinan daripada negara luar dan pelabur-pelabur asing terjejas akibat daripada perlakuan-perlakuan kawan-kawan kita sebelah itu yang tidak tahu menilai tentang harga keamanan dan kesejahteraan sebuah negara.

Seterusnya kita dapat lihat rizab antarabangsa negara kita pada akhir bulan Mac tahun 2013 cukup kukuh sebanyak RM431.2 bilion yang boleh menampung selama 9.7 bulan import yang tertanggung. Sementara yang paling penting yang kita kena tengok perkara ini iaitu defisit fiskal negara kita terus menurun. Kalau tahun 2009 defisit fiskal kita sebanyak 6.7%, 2012 - 4.5%. Inilah kehebatan kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Walaupun mereka memperlekehkan tetapi ini satu perkara yang cukup membanggakan. *[Tepuk]*

Jadi kita mahu kalau boleh tahun 2013 ini unjuran kita dapat diturunkan sebanyak 4.0%. Jadi saya hendak tanya kepada pihak kerajaan adakah kita berkeupayaan untuk mencapai unjuran kita sebanyak 4% ini kerana ini amat penting untuk kita menghadapi tahun 2020 sebagai sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi.

Selepas itu saya pergi kepada prestasi negara kita di peringkat global. Seperti mana yang diukur oleh indikator antarabangsa yang juga membanggakan. Yang hairannya Tuan Yang di-Pertua banyak negara yang maju berada di bawah kita termasuk kalau kita tengok ranking kita, kita seharusnya bangga. Saya hendak buka angka ini supaya jangan lagi hendaknya cakap-cakap sumbang yang memperlekehkan kita, memperlekehkan kepimpinan negara kita.

Kita lihat kalau *Human Development Index* kita 61. *World Happiness Index* kita 51 dan kita nombor empat di Asia. Kita tengok di sini LPI kita nombor 43 di dunia dan nombor enam di Asia. Selepas itu GPI iaitu *Global Peace Index* kita nombor 19 seluruh dunia dan kita sebenarnya nombor satu dalam ASEAN dan kita nombor dua di Asia. Itu sebab saya sebut tentang keamanan. Ini penting. Janganlah hendaknya ada demonstrasi-demonstrasi tunjuk perasaan ini yang boleh menjejaskan prestasi dan ranking kita. Ini penting Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita dapat pegang nombor satu di ASEAN, nombor dua di Asia seharusnya satu perkara yang patut kita banggakan. Ini sebab kerajaan sentiasa mengukur tentang indeks jenayah supaya kita dapat pastikan, kita dapat memberikan keyakinan bukan sahaja kepada rakyat Malaysia bahkan kepada seluruh dunia.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Yang Berhormat Jasin, kawan lama. Minta sedikit hendak sokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat Parit Buntar. Sila Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Saya masih ingat Yang Berhormat Jasin kalau sesi yang dahulu ada soalan yang diajukan adakah perhimpunan dan demonstrasi menjejaskan pelaburan negara. Jawapan Menteri pada waktu itu tidak menjejaskan pelaburan negara. Jadi saya harap jangan mudah untuk mengaitkan sesuatu tanpa fakta. Sengaja hendak sokong sahaja bukan apa.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Parit Buntar. Kali ini saya tidak sokong sahabat sayalah. *[Ketawa]* Kerana apa? Gambaran yang telah diberikan oleh *mass media* di peringkat antarabangsa. Kalau kita pergi luar negara kita dapat lihat apa yang berlaku di negara kita, kita rasa takut seolah-olah negara kita telah hancur kerana gambaran yang diberikan oleh media massa antarabangsa cukup buruk. Kalau kita tidur di jalan raya dia tunjukkan lagi dahsyat seolah-olah negara kita telah hancur. Tidak ada lagi keamanan. Sebab itulah saya rasa janganlah kita buat perkara ini lagi kerana setidak-tidaknya ia menjejaskan prestasi keamanan dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu kita perlu waspada pertamanya terhadap tekanan daripada sektor luar yang masih lemah dan yang tidak menentu ini. Yang keduanya, kita akui bahawa prestasi tersebut sebenarnya tidak mampu untuk melonjakkan negara kita Malaysia kepada tahap negara maju yang berpendapatan tinggi berlandaskan daripada andaian kita yang memerlukan purata pertumbuhan sebanyak 6%.

Itu sebab Tuan Yang di-Pertua kita sebut tadi unjuran kita sebanyak 5% ke 6% ini adalah amat penting. Janganlah hendaknya kerana ada dua tiga perkara yang tidak diingini berlaku boleh menjejaskan pencapaian negara kita. Jadi soalan saya kepada pihak kerajaan apakah sebenarnya perubahan struktur ekonomi yang akan dilakukan segera oleh pihak kerajaan bagi mengurangkan pergantungan kita ke atas sektor luar agar kita sebenarnya lebih *resilient*, dengan izin lagi.

#### ■1730

Keduanya, apakah sebenarnya anjakan paradigma kita yang akan kita buat untuk mencapai matlamat negara maju kerana kita semakin kesuntukan masa. Saya tahu, saya pun suntuk masa ini tetapi saya minta izin dengan Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya sambung pada hari Isnin. Boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Habiskan dua minit Yang Berhormat.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Kalau saya minta sambung Tuan Yang di-Pertua, saya banyak orang... *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah habis 30 minit.

**Seorang Ahli:** Kami tunggu, kami tunggu, kami tunggu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak payah memekik Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Baiklah Tuan Yang di-Pertua, saya orang yang sentiasa taat. Saya akur kepada pesanan Tuan Yang di-Pertua. Saya pergi kepada tajuk lain, saya tidak dapat panjangkan lagi cerita ini, tentang pekerja asing ini. Kita anggarkan sebanyak dua juta pekerja asing yang sebenarnya mencari rezeki dalam negara kita. Ini satu perkara yang mesti kita bangga kerana orang lain, seluruh dunia datang ke Malaysia, kenapa orang Malaysia tidak tahu menghargai negara mereka sendiri? Pergi memburukkan negara kita di negara-negara luar seolah-olah negara ini hancur. Perkara ini sebenarnya petualang.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanyalah, sebanyak dua juta pekerja asing ini, saya pun hendak tahu daripada pihak kerajaan, tuduhan-tuduhan yang telah dilemparkan kepada kerajaan. Kononnya ada 40,000 orang Bangladesh yang datang ke Malaysia ini pada hari mengundi seperti mana yang dijaja oleh pembangkang. Kalau ada bukti, tunjukkan! Jangan capak sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kita terhutang budi kepada mereka, jangan busukkan nama mereka. Jadi nanti bilateral kita dengan Bangladesh yang akan terjejas kerana mereka ini orang yang tidak berdosa. Dia datang hendak cari rezeki, kenapa kita heret nama baik mereka? Kalau ada tunjukkan bukti, cakap sahaja, bukti tidak ada, buat apa? Seterusnya dari sudut positif, mereka ini sebenarnya membantu dalam menggerakkan aktiviti ekonomi negara kita terutamanya dalam sektor yang kita minati, oleh rakyat kita sendiri iaitu perladangan, pembinaan dan juga perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun dah tak tahu nak cakap ini kerana masa yang terlalu suntuk. Saya hendak minta sambung, Tuan Yang di-Pertua tidak benarkan. Akan tetapi apa pun harapan saya ialah kita mahu melihat supaya kerajaan kita yang kelihatan lemah ini tetapi tidak lemah. Orang yang lembik itu jangan disangka tidak keras, keras. Jangan sangka mereka tidak kuat, kuku tidak keluar tetapi kita mungkin dilihat lemah dan takut sedikit. Sebaliknya, kerajaan mesti dilihat berani dan tegas serta pantas dalam usaha kita untuk menegakkan kewibawaan undang-undang negara kita dan memelihara keamanan dan kestabilan negara serta kita mesti bertindak dengan segera ke atas mereka yang menghina Islam, yang menghina raja, negara kita dan juga bangsa Melayu. Jadi, saya minta kalau boleh pihak kerajaan berani, tegas dan jangan takut untuk mengambil tindakan undang-undang, kami sentiasa bersama-sama kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua telah tunjuk isyarat itu, saya akur, saya kata saya taat. Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kalau ada apa kesilapan. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat. Tidak ada yang bangun.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Isnin 1 Julai 2013.

***[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.34 petang]***